



كومقلاسي خطبه جمعة


KOMPILASI

KHUTBAH

JUMAAT

2019

٢٠١٩



Kompilasi Khutbah Jumaat Tahun 2019

Keluaran Januari:

| | |
|---|--------------|
| Melakukan perubahan untuk mencapai kejayaan | Muka 2 - 5 |
| Amar makruf nahi mungkar | Muka 6 - 10 |
| Hulurkan derma kepada anak-anak yatim | Muka 11 - 13 |
| Hikmah di sebalik sakit | Muka 14 - 18 |

Keluaran Februari:

| | |
|-----------------------------------|--------------|
| Keutamaan mendengar khutbah | Muka 20 - 24 |
| Memuliakan dan menghormati jiran | Muka 25 - 29 |
| Keutamaan memberi salam | Muka 30 - 34 |
| Mempertahankan nikmat kemerdekaan | Muka 35 - 39 |

Keluaran Mac:

| | |
|---|--------------|
| Mengeratkan silaturahim | Muka 41 - 45 |
| Adab menziarahi orang sakit | Muka 46 - 48 |
| Syura atau mesyuarat merupakan tanda perpaduan umat Islam | Muka 49 - 53 |
| Gunakan air dengan bijaksana | Muka 54 - 56 |
| Tuntutan mendirikan sembahyang fardu | Muka 57 - 60 |

Keluaran April:

| | |
|--|--------------|
| Mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dengan sentiasa bersyukur | Muka 62 - 66 |
| Melayu Islam Beraja: Jiwa Raga Brunei | Muka 67 - 70 |
| Nikmat Syurga | Muka 71 - 74 |
| Mencari rezeki yang halal dan diberkati Allah Subhanahu Wata'ala | Muka 75 - 78 |

Keluaran Mei:

| | |
|---|--------------|
| Kekuahan dan kesejahteraan keluarga harapan bersama | Muka 80 - 84 |
| Amalan-amalan yang digalakkan di bulan Ramadan | Muka 85 - 88 |

| | | | |
|---|----------------|--|----------------|
| Mengagungkan dan memuliakan Al-Quran | Muka 89 - 91 | | |
| Meningkatkan amal ibadat di sepuluh hari terakhir | Muka 92 - 95 | | |
| di bulan Ramadan | | | Muka 175 - 180 |
| Meraikan Aidilfitri berpandukan ajaran agama Islam | Muka 96 - 100 | | |
| Keluaran Jun: | | | |
| Menjaga kesucian Aidilfitri | Muka 102 - 104 | | |
| Jangan berlebihan dalam bergurau senda | Muka 105 - 108 | | |
| Pentingnya perpaduan dan kesabaran dalam menghadapi | Muka 109 - 112 | | |
| sebarang ujian dan dugaan | | | Muka 181 - 184 |
| Ibu bapa dan masyarakat berperanan dalam membanteras | Muka 113 - 116 | | |
| isu penyalahgunaan dadah | | | Muka 185 - 188 |
| | | | Muka 189 - 194 |
| Keluaran Julai: | | | |
| Persiapan bakal jemaah haji | Muka 118 - 121 | | |
| Kepimpinan raja memperkuuh asas dan dasar Islam | Muka 122 - 125 | | |
| Bertanggungjawab dalam menggunakan teknologi | Muka 126 - 130 | | |
| maklumat komunikasi | | | Muka 196 - 200 |
| Belia siaga masa depan bangsa dan negara | Muka 131 - 133 | | |
| | | | Muka 201 - 205 |
| Keluaran Ogos: | | | |
| Hikmah ibadat korban | Muka 135 - 137 | | |
| Janji Allah kepada hamba-Nya yang berdoa | Muka 138 - 142 | | |
| Menegur dan menasihati dengan berhemah dan bijaksana | Muka 143 - 147 | | |
| Hiasi diri dengan sifat malu | Muka 148 - 151 | | |
| Hijrah itu satu pengorbanan | Muka 152 - 155 | | |
| | | | Muka 206 - 211 |
| | | | Muka 212 - 217 |
| Keluaran September: | | | |
| Menghargai dan memanfaatkan nikmat umur | Muka 157 - 160 | | |
| Hari Kiamat: Hari yang telah dijanjikan oleh Allah | Muka 161 - 165 | | |
| Subhanahu Wata'ala | | | Muka 218 - 221 |
| Menghormati, menghargai dan memuliakan guru | Muka 166 - 169 | | |
| Jangan mengkhianati amanah yang telah diberikan dan | Muka 170 - 173 | | |
| dipertanggungjawabkan | | | Muka 223 - 226 |
| | | | Muka 227 - 229 |
| | | | Muka 230 - 234 |
| | | | Muka 235 - 237 |
| Keluaran Oktober: | | | |
| Alam kubur tempat perhentian, persinggahan akhirat yang | | | |
| pertama | | | |
| Janji Allah kepada hamba-Nya yang bertaubat | | | |
| Jujur dan amanah dalam penggunaan tenaga elektrik | | | |
| Jangan lari dari membayar hutang | | | |
| | | | Muka 181 - 184 |
| | | | Muka 185 - 188 |
| | | | Muka 189 - 194 |
| Keluaran November: | | | |
| Bersama menjaga keselamatan dan mematuhi peraturan jalan | | | |
| raya | | | |
| Meneladani akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam | | | |
| Hindarkanlah diri daripada bersifat tamak | | | |
| Negara yang berhias dengan berkat | | | |
| Mempelbagaikan ekonomi negara melalui bidang pertanian, | | | |
| penternakan dan perikanan | | | |
| | | | Muka 212 - 217 |
| | | | Muka 218 - 221 |
| Keluaran Disember: | | | |
| Hindarkan diri daripada gejala rasuah | | | |
| Membudayakan dan mengamalkan kebersihan dalam | | | |
| kehidupan | | | |
| Reda Allah Subhanahu Wata'ala terletak kepada reda ibu bapa | | | |
| Amalkan perbelanjaan secara bijak dan bersederhana | | | |
| | | | Muka 223 - 226 |
| | | | Muka 227 - 229 |
| | | | Muka 230 - 234 |
| | | | Muka 235 - 237 |

Khutbah Jumaat Bulan Januari 2019

Melakukan perubahan untuk mencapai kejayaan

Keluaran Pelita Brunei 5 Januari 2019

MARILAH kita sama-sama mengukuhkan iman dan takwa ke hadrat Allah Subhanahu Wata’ala dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dengan berbekalkan iman dan takwa itu, mudah-mudahan kita sentiasa selamat di dunia dan selamat di akhirat. Semoga Allah Subhanahu Wata’ala terus menetapkan dan meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita sehingga ke akhir hayat.

Kita hidup di dunia ini sememangnya menginginkan kejayaan dan kebahagiaan sama ada di dunia mahupun di akhirat. Untuk mencapai kejayaan dan kebahagiaan tersebut, kita mestilah berusaha dan berani membuat perubahan yang positif atau kebaikan dalam hidup. Perubahan merupakan satu penghijrahan atau peralihan, iaitu melakukan perubahan dari satu keadaan yang baik kepada satu keadaan yang lebih baik. Untuk melakukan perubahan tersebut bukanlah dengan angan-angan atau khayalan semata-mata, ia hendaklah disusuli dengan tindakan dan azam serta semangat yang kuat dan usaha yang bersungguh-sungguh dan tidak mudah berputus asa.

Ketahuilah, untuk membuat perubahan tersebut adalah bergantung kepada diri kita sendiri dalam erti kata lain jika kita hendak berubah kita tidak perlu menunggu orang lain untuk mengubah diri kita. Firman Allah Subhanahu Wata’ala di dalam Surah Ar-Ra’d ayat 11 tafsirnya:

“Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan apa yang ada pada suatu kaum sehinggalah mereka mengubah keadaan apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpa keburukan (azab) kepada suatu kaum maka tidak ada yang dapat menolaknya. Dan mereka tidak memperolehi perlindungan selain daripada-Nya.”

Mempunyai azam dan cita-cita merupakan suatu perkara yang mesti ada pada diri seseorang kerana ia merupakan satu dorongan dan suntikan semangat untuk

kita melakukan sesuatu perkara atau pekerjaan ke arah yang lebih baik. Lebih-lebih lagi pada masa ini para pelajar atau murid baru memulakan musim persekolahan. Oleh itu, para pelajar sudah setentunya mempunyai azam untuk menjadi pelajar yang cemerlang dan berjaya, begitu juga para pendidik atau guru meningkatkan keazaman untuk mendidik anak bangsa supaya menjadi orang yang berguna kepada agama, bangsa dan negara. Manakala, para pekerja pula hendaklah mempunyai azam untuk meningkatkan daya usaha, kualiti dan produktiviti kerja mereka dari masa ke masa. Semua tekad dan azam ini bertujuan untuk menjadikan kita insan yang berjaya dan cemerlang di dunia dan di akhirat.

Dalam konsep perubahan ini, agama Islam menganjurkan umatnya untuk berubah ke arah yang lebih baik sama ada dari segi rohani maupun jasmani. Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah teladan yang terbaik bagi seluruh umat manusia untuk diikuti dalam semua aspek kehidupan sama ada kehidupan berkeluarga, bermasyarakat maupun bernegara. Lebih-lebih lagi dari sudut beramal ibadat dan kekuatan iman terhadap Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab ayat 21 tafsirnya:

“Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu, iaitu bagi yang mengharapkan (keredaan) Allah dan (kebahagiaan) hari akhirat serta banyak berzikir mengingat Allah.”

Di dalam kitab al-Adzkar karangan Al-Imam An-Nawawi, ada disebutkan doa ma'tsur yang sering dibaca oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk memohon agar dapat memperbaiki urusan agama, di dunia dan di akhirat. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu berkata: Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sering berdoa yang maksudnya:

“Ya Allah, perbaikilah urusan agamaku yang merupakan penjaga keselamatan urusanku, perbaikilah untukku urusan di duniaku yang di dalamnya terdapat mata pencarianku, dan perbaikilah untukku urusan akhiratku yang akan menjadi tempat kembaliku. Jadikanlah hidup ini sebagai tambahan bagiku dalam setiap kebaikan, dan jadikanlah kematian sebagai pemutus dari setiap keburukan.”

Sesungguhnya doa ini mengandungi lima permohonan seseorang hamba kepada tuhannya:

Pertama: Memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar memperbaiki agamanya.

Kedua: Memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar memperbaiki urusan dunianya.

Ketiga: Memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar memperbaiki urusan akhiratnya.

Keempat: Memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar hidup di dunia ini diberkati dan dipenuhi dengan kebaikan.

Kelima: Memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar kematianya dijadikan sebagai pemutus diri setiap keburukan, agar setiap yang ia perolehi adalah kebaikan.

Sesungguhnya doa merupakan senjata orang Islam untuk memohon segala hajat di dunia dan di akhirat, termasuk doa keselamatan dan perlindungan dari segala merbahaya dan bala bencana. Oleh itu, kita jangan lupa bahawa doa itu hendaklah disertai dengan amal soleh dan daya usaha yang sungguh-sungguh.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mu'min ayat 60 tafsirnya:

“Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kepada-Ku nescaya Aku memperkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadat kepada-Ku akan masuk neraka jahanam dalam keadaan hina.”

Setiap masa yang berlalu di dalam hidup kita akan menjadi catatan sejarah dan saksi atas segala perbuatan yang telah kita lakukan sebagai satu pengalaman yang mendewasakan dan mematangkan fikiran kita. Dari sudut nilai keislamannya,

jadikanlah pengalaman itu sebagai satu wadah untuk lebih mendekatkan diri kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, mulakanlah hari-hari yang dilalui ini dengan jiwa yang bersih dan penuh semangat agar kita sentiasa diberi ruang, kemudahan dan kesempatan untuk menambah dan meningkatkan amal ibadat dan amal kebajikan. Seandainya kita tergelincir dalam kemungkaran dan kemaksiatan, maka segeralah kita kembali ke pangkal jalan dengan bertaubat dan mengharapkan keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Marilah kita sama-sama menanamkan azam yang lebih kuat dan mantap ke arah kecemerlangan hidup untuk menjadi seorang Muslim yang sebenar dan hamba Allah yang lebih bertakwa, lebih pemurah, lebih patuh dengan mentaati segala suruhan Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi segala larangan-Nya. Sama-samalah kita menadah tangan dan berdoa: “*Ya Allah kami memohon pertolongan untuk mengalahkan hawa nafsu amarah (nafsu yang mengajak pada kejahanatan) agar kami dapat melakukan amal ibadat yang dapat mendekatkan diri kami kepada Mu wahai Zat yang memiliki Keagungan dan Kemuliaan. Ya Allah limpahkanlah rahmat, taufik dan hidayah, sesungguhnya Engkau Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Aamiin Ya Rabbal Alamin.*”

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran ayat 159 tafsirnya:

“*Kemudian apabila engkau telah berazam (untuk berbuat sesuatu sesudah bermesyuarat) maka bertawakallah kepada Allah (melaksanakannya). Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal.*”

Amar makruf nahi mungkar

Keluaran Pelita Brunei 12 Januari 2019

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenarnya benar takwa, melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya iaitu dengan mentaati Allah dan Rasul-Nya. Berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beroleh kejayaan, keselamatan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Agama Islam menganjurkan umatnya untuk sentiasa menjaga kemaslahatan dan kesejahteraan hidup sesama umat manusia agar dapat membangun ukhuwah yang teguh, bersatu padu dan bekerjasama. Oleh itu, bagi mencapai tujuan tersebut, Islam menganjurkan umatnya untuk melaksanakan amar makruf nahi mungkar iaitu mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah ayat 78-79 yang tafsirnya:

“*Orang-orang yang kafir daripada bani Israel telah dilaknat melalui lisan Nabi Daud dan Nabi Isa ibn Maryam. Yang demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan selalu melampaui batas. Mereka itu tidak saling melarang satu sama lain terhadap kemungkaran yang mereka lakukan. Sesungguhnya sangat buruk apa yang mereka lakukan.*”

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala melaknat orang-orang yang mengabaikan tanggungjawab mereka untuk mencegah kemungkaran sedangkan mereka berkuasa atau mampu untuk melakukannya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, daripada hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam at-Tarmidzi, daripada Huzaifah bin Yaman, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Demi Allah yang jiwa ku berada di tangan-Nya, kamu harus melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar atau jika tidak, maka Allah akan mengirimkan seksa, kemudian kamu berdoa dan tidak diterima oleh Allah bagimu.”

Terdapat sebuah kisah yang masyhur di dalam Al-Quran, sebagaimana yang telah diterangkan dalam kitab tafsir Ibni Kasir menceritakan mengenai keingkaran kaum bani Israel dan balasan Allah Subhanahu Wata’ala kepada mereka. Ia mengisahkan tragedi yang menimpa penduduk banda Ailah yang terletak di pantai Laut Merah antara Kota Madyan dan Gunung Sinai, apabila mereka telah menghalalkan menangkap ikan pada hari Sabtu (Hari ibadat orang-orang Yahudi) padahal Allah Subhanahu Wata’ala telah melarang menangkap ikan pada hari itu, maka mereka telah berpecah menjadi tiga golongan:

Golongan pertama telah melanggar larangan Allah Subhanahu Wata’ala, lalu mereka terus menangkap ikan pada hari Sabtu.

Golongan kedua patuh kepada larangan itu, mereka menegah kelakuan golongan pertama akan tetapi mereka tetap juga bercampur gaul dengan mereka.

Golongan ketiga pula telah menasihati dan memperingatkan tentang balasan Allah Subhanahu Wata’ala kerana mereka sedar bahawa sekiranya mereka berdiam diri, nescaya mereka juga akan dimurkai oleh Allah Subhanahu Wata’ala, maka mereka pun menyingkirkan golongan pertama tersebut dan menjauhkan diri daripada bercampur-gaul dengan mereka.

Apabila Allah Subhanahu Wata’ala menurunkan azab-Nya ke atas kaum bani Israel yang ingkar itu, hanya golongan ketiga sahajalah yang terselamat.

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-A’raf ayat 165 tafsirnya:

“Maka setelah mereka melupakan (tidak menghiraukan) apa yang telah diperingatkan kepada mereka, Kami selamatkan orang-orang yang menegah daripada perbuatan jahat itu dan Kami timpakan orang-orang yang zalim itu dengan azab yang sangat berat disebabkan mereka berbuat fasik.”

Apabila kemungkaran telah dilakukan secara terang-terangan dalam sesebuah masyarakat dan tidak ada orang yang berusaha untuk mencegahnya, maka kemungkaran akan semakin menjadi-jadi dan terus berlaku atau berleluasa. Kemungkaran itu pula apabila sudah biasa didengar dan dilihat, maka perkara tersebut akan mula dianggap remeh, ringan atau biasa-biasa sahaja dan masyarakat tidak akan melihat kemungkaran itu sebagai satu dosa atau maksiat. Itulah perkara yang sangat membimbangkan dan mendukacitakan dalam kalangan umat Islam.

Oleh itu, setiap Muslim wajib bertanggungjawab dan peka untuk bertindak melakukan perubahan. Ketahuilah, setiap kemungkaran akan mengundang kepada dosa, dan setiap dosa itu akan mengundang kepada kemurkaan Allah Subhanahu Wata’ala. Jika kemungkaran terus berleluasa sedangkan ada yang berkuasa atau mampu untuk mencegahnya. Dalam keadaan tersebut, maka adalah tidak mustahil Allah Subhanahu Wata’ala akan menurunkan azab berbentuk bala bencana yang bukan hanya menimpa orang yang berbuat maksiat tetapi juga kepada seluruh masyarakat yang tinggal di tempat itu walaupun mereka tidak melakukan perbuatan maksiat.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memberi panduan yang jelas tentang cara melaksanakan tanggungjawab mencegah kemungkaran, antaranya:

Pertama: Mengubah dengan tangan iaitu mengubah dengan kuasa yang ada pada seseorang mengikut kemampuan dan bidang kuasa masing-masing.

Kedua: Mengubah dengan lidah iaitu mengubah dengan percakapan atau lisan dengan memberi nasihat dan bimbingan yang baik sekiranya tidak mampu mengubah dengan kuasanya.

Ketiga: Mengubah dengan hati iaitu dengan cara membenci kemungkaran tersebut di dalam hati dan inilah merupakan selemah-lemah iman. Dalam sebuah hadis daripada Abu Sa’id Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang di riwayatkan oleh Imam Muslim maksudnya:

“Barangsiapa antara kamu yang melihat kemungkaran, maka ubahlah dengan tangannya, jika tidak mampu maka ubahlah dengan lisannya, dan jika tidak mampu maka ubahlah dengan hatinya, dan yang demikian adalah selemah-lemah iman.”

Islam sangat mementingkan keharmonian dan kesejahteraan dalam hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Oleh itu, bagi membanteras dan mencegah berlakunya jenayah dan perbuatan mungkar di negara ini, antara agensi kerajaan yang diamanahkan ialah Pasukan Polis Diraja Brunei yang bertanggungjawab bagi memastikan keamanan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini sentiasa terjamin dan terpelihara. Akan tetapi, ini tidak bermakna kita menyerahkan tugas berkenaan sepenuhnya kepada pasukan polis semata-mata. Oleh itu, kerjasama dan kesepakatan yang padu antara polis dan agensi-agensi penguatkuasaan keselamatan, pihak-pihak yang berkepentingan, kerjasama dan bantuan daripada masyarakat adalah sangat-sangat diharapkan.

Ketahuilah, kerjasama daripada masyarakat sebagai pemantau sukarela yang berperanan menjadi mata dan telinga pihak berkuasa bukan sahaja mewujudkan perpaduan erat, suasana aman dan harmoni malahan kerjasama dan perkongsian maklumat itu dapat membantu dalam mengesan dan menurunkan kadar jenayah serta mempercepatkan penyelesaian kes jenayah. Oleh itu, kita berharap kadar jenayah akan dapat diatasi di negara ini dengan berbagai-bagai usaha, Selain berusaha mencegahnya, kita juga hendaklah menanamkan rasa tanggungjawab, keinsafan dan kesedaran untuk sama-sama menjamin keselamatan dan ketenteraman anggota masyarakat, demi keamanan dan keharmonian hidup dengan mengamalkan amar makruf nahi mungkar.

Akhirnya, sama-sama lah kita berdoa akan keselamatan dan kejayaan Pasukan Polis Diraja Brunei dan semoga Polis Diraja Brunei dapat menjalankan tugas yang telah diamanahkan dan dipertanggungjawabkan dengan jujur, amanah, ikhlas, dedikasi dan tegas namun tetap berbudi mulia serta berhemah tinggi.

Mudah-mudahan dengan demikian, negara kita kekal menjadi sebuah negara yang aman sejahtera dan sentiasa mendapat perlindungan serta rahmat yang berpanjangan daripada Allah Subhanahu Wata’ala.

Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Ali-‘Imran ayat 104 tafsirnya:

“Dan hendaklah ada antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan (kebaikan) dan menyuruh berbuat yang ma’ruf, serta melarang daripada yang mungkar. Dan mereka itulah orang-orang yang mendapat kemenangan.”

Hulurkan derma kepada anak-anak yatim

Keluaran Pelita Brunei 19 Januari 2019

MARILAH kita sama-sama mengukuhkan iman dan takwa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dengan berbekalkan iman dan takwa itu, mudah-mudahan kita sentiasa selamat di dunia dan selamat di akhirat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus menetapkan dan meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita hingga ke akhir hayat.

Agama kita mengajar kita untuk sentiasa menanamkan dalam diri kita sifat-sifat mahmudah (terpuji) seperti berbuat baik, sabar, adil, ikhlas, prihatin, pemedulian, memberikan pertolongan kepada mereka yang memerlukan dan sebagainya. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan hamba-hamba-Nya supaya bertolong-tolongan dan bantu-membantu ke arah perkara yang berkebajikan. Antara cara untuk melaksanakan konsep tolong-menolong atau bantu membantu ialah melalui mengeluarkan atau membelanjakan harta kita pada jalan yang diredayai oleh Allah Subhanahu Wata'ala seperti amalan bersedekah.

Sesungguhnya bersedekah adalah perbuatan yang menguntungkan, kerana Allah Subhanahu Wata'ala akan menggantikan sedekah atau derma kita dengan rezeki yang berlipat kali ganda serta dijauhkan daripada kesempitan dan dihindarkan daripada sifat takbur dan bangga diri.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hadid ayat 18 yang tafsirnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang bersedekah laki-laki dan perempuan serta (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (dengan membelanjakan harta pada jalan Allah) akan digandakan ganjaran kepada mereka dan mereka akan beroleh pahala yang banyak.”

Kita umat Islam digalakkan untuk bersedekah kerana ia merupakan salah satu cara untuk membantu golongan yang susah dan yang memerlukan bantuan seperti fakir miskin dan termasuklah juga anak-anak yatim. Sedekah yang dihulurkan

berupa wang ringgit atau barang-barang keperluan asasi mereka, ia bukan sahaja dapat mengurangkan dan meringankan beban bahkan dapat menggembirakan dan membahagiakan hati mereka. Lebih-lebih lagi bagi anak-anak yatim yang hidup susah dan tidak mendapat penjagaan dan perhatian yang sewajarnya. Inilah yang dimaksudkan sebagai Ta'awun (bantu-membantu atau tolong-menolong) yang dituntut oleh Islam. Sesungguhnya menghulurkan sedekah kepada anak-anak yatim adalah sifat terpuji dan pahala bagi orang yang bersedekah amatlah besar walaupun sedekah yang dihulurkan hanya dengan nilai atau jumlah yang sedikit.

Agama kita sangat mengambil berat tentang hal ehwal dan kebajikan anak-anak yatim dalam semua aspek, sama ada dari segi penjagaan sehingga kepada hal ehwal pengendalian harta mereka. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk peka dan berbuat baik serta mengambil berat terhadap kebajikan mereka, lebih-lebih lagi orang-orang yang telah dipertanggungjawabkan untuk menjaga anak-anak yatim tersebut. Ketahuilah, orang yang menjaga dan mengasihi anak yatim akan dilembutkan hatinya oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan dicukupkan keperluan setiap hari. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga ada menyebutkan kelebihan dan kemuliaan orang yang menjaga anak yatim. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayat Al-Imam Muslim, maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu katanya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Penjaga anak yatim daripada kerabat atau bukan kerabatnya, saya dan penjaga itu adalah seperti dua jari ini di dalam syurga. Malik (periwayat hadis) mengisyaratkan dengan jari telunjuk dan jari hantu.”

Pada umumnya masyarakat kita adalah masyarakat pengasih iaitu pemedulian dan kasih sayang, simpati dan bertanggungjawab terhadap orang-orang yang daif (memerlukan) termasuk anak-anak yatim. Terdapat banyak pihak berusaha untuk menghulurkan dan mengumpulkan dana bagi memberi bantuan kepada mereka sama ada dari pihak kerajaan, swasta ataupun persendirian seperti Tabung Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim, tabung kutipan untuk anak-anak yatim di masjid-masjid, persatuan-persatuan, projek-projek amal dan sebagainya.

Oleh itu, sama-sama kita menghulurkan sumbangan dan berderma kepada mereka dengan seikhlas hati, lebih-lebih lagi di negara kita banyak kemudahan untuk menghulurkan sedekah atau derma seperti melalui projek SMS Brunei Prihatin

bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim yang telah pun bermula pada 26 November 2018 yang lalu dan berakhir pada 31 Januari 2019. Projek tahunan ini merupakan salah satu usaha dana bagi memudahkan orang ramai untuk menghulurkan sumbangan mereka melalui perkhidmatan SMS bagi sama-sama membantu anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam untuk mendapatkan kehidupan yang selesa dan mendapat asuhan, pimpinan dan pendidikan yang sempurna bagi menjadikan mereka warga negara yang berguna.

Memandangkan bersedekah atau berderma adalah amalan mulia dan dijanjikan ganjaran yang sangat besar, marilah kita melazimkan diri untuk bersedekah atau berderma, tidak kira sama ada banyak atau sedikit, apa yang penting adalah niat yang ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Ketahuilah sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala tidak memandang berapa banyak sedekah yang dihulurkan akan tetapi Allah Subhanahu Wata'ala memandang hati orang yang bersedekah. Mudah-mudahan segala yang kita infaqkan dan dermakan dengan tulus ikhlas diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan dengannya rezeki kita semakin bertambah, berkat, mendapat keredaan dan rahmat yang berpanjangan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Balad ayat 12-15 tafsirnya:

“Dan tahukah engkau apakah jalan yang sukar itu? (Iaitu) memerdekakan hamba. Atau memberi makan pada hari berlaku kelaparan. (Kepada) anak yatim yang ada hubungan kerabat.”

Hikmah di sebalik sakit

Keluaran Pelita Brunei 26 Januari 2019

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Dalam menjalani kehidupan ini, kita tidak akan dapat lari daripada menerima ujian dan dugaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Ujian dan dugaan tersebut sama ada berbentuk kebaikan atau keburukan, kegembiraan atau kesedihan, kejayaan atau kegagalan, kemiskinan atau kekayaan, kesihatan atau kesakitan dan sebagainya. Sesungguhnya ujian dan dugaan yang ditimpakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya itu adalah untuk menguji sejauh mana kekuatan iman, ketakwaan dan kesabaran mereka. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-'Ankabut ayat 2-3 tafsirnya:

“Adakah manusia itu menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan (hanya) berkata: Kami telah beriman, sedang mereka tidak diuji. Dan demi sesungguhnya kami telah menguji orang-orang yang sebelum mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang benar beriman dan sesungguhnya Dia mengetahui orang-orang yang berdusta.”

Antara ujian yang benar-benar menduga keimanan dan kesabaran seseorang itu ialah ujian sakit. Iaitu menderita terhadap sesuatu yang menimpa diri seseorang yang menyebabkan sakit atau sebahagian tubuh berasa tidak sihat atau uzur. Ketahuilah, bahawa terdapat hikmah dan kebaikan di sebalik ujian sakit itu, antaranya jika orang itu reda, sabar dan tabah menghadapi penyakitnya, maka mereka akan mendapat ganjaran pahala dan pengampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Selain itu, ujian sakit juga sebagai peringatan kepada kita agar tidak lalai dan leka daripada mengerjakan suruhan Allah Subhanahu Wata'ala dan meninggalkan larangan-Nya serta supaya kita sentiasa terus mengingati dan taat kepada Allah

Subhanahu Wata'ala.

Jika semasa sihat seseorang itu lazimnya terlalu sibuk dengan urusan dunia sehingga lupa pada kewajipannya untuk mempersembahkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan beribadah kepada-Nya, maka Allah Subhanahu Wata'ala mengujinya dengan suatu penyakit untuk membuatnya sedar dan kembali mengingat Allah Subhanahu Wata'ala dan jika ia terlanjur akan segala kesalahan dan dosa yang telah dilakukannya. Selain itu, dengan kesakitan juga akan membuatkan seseorang itu lebih mensyukuri nikmat sihat yang telah dikurniakan kepadanya selama ini. Sesungguhnya nikmat kesihatan dan kelapangan adalah dua perkara yang sering kali dilupakan dan diabaikan, kecuali apabila telah datang waktu sakit dan waktu sibuk barulah seseorang itu terfikir bagaimana ia telah mensia-siakan nikmat sihat dan lapang tersebut. Perkara ini ada disebut oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadisnya yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, daripada ibnu Abbas Radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“Ada dua jenis nikmat yang kebanyakannya orang terlalai olehnya, iaitu kesihatan dan waktu lapang.”

Apabila diuji dengan suatu penyakit sama ada sakit yang ringan mahupun kronik, maka sebagai umat Islam, perkara utama yang perlu dilakukan ialah muhasabah diri, mengingat kembali kesalahan atau dosa yang telah dilakukan. Setelah itu, kita hendaklah menyesali keterlanjuran itu dan seterusnya bertaubat dan berazam tidak akan melakukannya lagi. Dalam menghadapi ujian dan dugaan yang menimpa kita itu.

Apabila ditimpa dengan ujian ini, kita mestilah bersabar dan menerima dengan reda tanpa sebarang keluhan dan rintihan. Jangan sekali-kali menyalahkan ketentuan dan ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala kerana hanya Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Mengetahui rahsia dan hikmah di sebalik ujian yang dikurniakan-Nya itu. Terdapat dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Sesiapa yang Allah inginkan padanya sesuatu kebaikan, maka Allah akan mengujinya.”

Ketahuilah, dalam menghadapi ujian sakit, ada beberapa perkara yang harus kita lakukan, sebagai hamba yang benar-benar beriman antaranya ialah dengan membaca dan mengamalkan ayat-ayat dari Al-Quran, selawat, zikir atau doa-doa tertentu sebagai jalan atau usaha untuk memohon kesembuhan. Sesungguhnya setiap ayat-ayat Al-Quran itu mempunyai kelebihan dan keagungan yang tersendiri. Al-Quran juga adalah penawar atau ubat yang mampu menyembuhkan pelbagai jenis penyakit. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra' ayat 82, tafsirnya:

“Dan Kami menurunkan daripada Al-Quran suatu penawar (bagi penyakit rohani dan jasmani) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman, dan Al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim (orang-orang kafir) selain kerugian.”

Selain berubat dengan ayat-ayat Al-Quran, Islam juga ada mengajar kaedah perubatan yang diamalkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu dengan mengamalkan pemakanan yang sihat seperti kurma, minum air zam-zam, madu dan sebagainya.

Terdapat satu amalan doa yang diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam jika seseorang itu mengalami sakit pada sesuatu anggota badan, doa ini mampu mengubati penyakit pada diri sendiri dan orang lain. Satu hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim bahawa Uthman bin Abi Al 'As Assakhafi telah menderita sakit pada salah satu anggota tubuhnya. Kemudian dia menemui Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menerangkan tentang penyakit yang dideritainya itu. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

“Letakkan tanganmu pada bahagian yang sakit itu, bacalah بِسْمِ اللَّهِ، بِسْمِ اللَّهِ، بِسْمِ اللَّهِ angkatlah tanganmu dan letakkan kembali، kemudian bacalah: أَغُوذُ بِاللَّهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا أَجِدُ وَأَخَذُ”

Ertinya: “Aku berlindung kepada Allah dan kekuasaan-Nya dari penyakit yang aku derita dan aku cemaskan,” bacalah sebanyak tujuh kali, ulanglah beberapa kali setiap hari dan malam.”

Uthman bin Abi Al ‘As Assakhafi menerangkan bahawa setelah aku amalkan ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu, tidak lama kemudian aku berasa sembah daripada penyakit yang telah aku derita beberapa waktu lamanya.

Ketika menghadapi sakit, mungkin ada sebahagian orang yang kecewa, mengeluh dan berputus asa. Lebih-lebih lagi jika penyakit yang dihidapi itu di peringkat tiada harapan untuk sembah. Dalam keadaan begini, Islam melarang umatnya berputus asa dan mengajar cara dan bimbingan ketika menghadapinya, antaranya:

Pertama: Sunat bagi orang yang sakit berubat dan mendapatkan rawatan sebagai salah satu usaha untuk sembah selain daripada bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata’ala dan reda akan ketentuan-Nya.

Kedua: Sunat membanyakkan mengingati mati.

Ketiga: Bertaubat terhadap segala dosa yang pernah dilakukan.

Keempat: Bersabar dengan kesakitan atau penderitaan kerana ia dapat mendidik seseorang itu untuk bersifat lebih tabah dan tenang menghadapi dugaan serta mendekatkan dirinya kepada Allah Subhanahu Wata’ala.

Kelima: Makruh bagi orang yang sakit mengeluh kerana kesakitan yang dihadapinya.

Keenam: Sunat memperbanyakkan membaca Al-Quran dan berzikir kepada Allah Subhanahu Wata’ala.

Ketujuh: Hendaklah bersangka baik kepada Allah Subhanahu Wata’ala.

Kelapan: Sunat dia berpesan kepada ahli keluarganya dan kawan-kawannya

pada beberapa perkara seperti berpesan untuk mengasihani dan berlemah lembut dengan kanak-kanak dan sesiapa sahaja yang ditinggalkannya.

Kesembilan: Apabila dia menghadapi nazak, maka hendaklah dia memperbanyakkan mengucap: ﷺ (tiada Tuhan selain Allah), agar lafaz ini menjadi akhir kalimat atau ucapannya sebelum dia meninggal dunia.

Sesungguhnya sakit itu adalah suatu ujian atau dugaan untuk menguji keimanan dan ketakwaan seseorang. Oleh itu, jadikanlah sakit sebagai tarbiyah untuk kita bermuhasabah diri dan memupuk kesabaran. Seseorang yang ditimpakan sakit perlu menghadapi ujian ini dengan reda, di samping berusaha untuk merawatnya. Seandainya kita telah pun berusaha mendapatkan rawatan, namun penyakit tersebut belum juga sembah, maka kita hendaklah bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata’ala dan tidak berputus asa untuk memohon kesembuhan daripada Allah Subhanahu Wata’ala. Ingatlah, bahawa sakit itu adalah daripada Allah Subhanahu Wata’ala, Dialah juga yang berkuasa untuk menyembuhkannya.

Akhirnya sama-sama lah kita berdoa: “*Ya Allah! Kami memohon kepada-Mu keselamatan dalam agama, kesejahteraan pada tubuh badan, penambahan ilmu, keberkatan rezeki, mendapat rahmat ketika menghadapi kematian, keampunan selepas kematian, mendapat kebahagiaan pada hari perhitungan (hari Akhirat) dan terlepas daripada seksaan dan azab api neraka serta dimasukkan ke dalam Syurga bersama para Nabi, orang-orang Siddiqin, para syuhada dan orang-orang soleh. Aamiin Ya Rabbal Alamin.*”

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Asy-Syu’ara’ ayat 78-80, tafsirnya:

“*Tuhan yang menciptakan aku maka Dialah yang mengurniakan hidayah kepada ku. Dan Dialah yang mengurniakan aku makan dan minum. Dan jika aku sakit, maka Dialah yang menyembuhkan aku.*”

Keutamaan mendengar khutbah

Keluaran Pelita Brunei 2 Februari 2019

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sama-sama mengukuhkan iman dan ketakwaan kepada-Nya dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dengan berbekalkan iman dan takwa itu, mudah-mudahan kita sentiasa selamat di dunia dan selamat di akhirat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus menetapkan dan meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita hingga ke akhir hayat.

Hari Jumaat adalah penghulu segala hari, hari yang sangat istimewa bagi umat Islam, hari yang penuh dengan keberkatan, kemuliaan dan juga hari untuk melipatgandakan amal ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Pada hari Jumaat juga terdapat satu saat atau satu waktu di mana segala doa dan permohonan akan dimakbulkan kecuali perkara-perkara maksiat. Daripada hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Hari Jumaat ada dua belas bahagian masa yang mana tiada seorang hamba Muslim berdoa kepada Allah kecuali akan diberikan (dimakbulkan), maka carilah ia di hujung waktu selepas Asar.”

Sesungguhnya pada hari Jumaat, Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan umat Islam untuk bersegera lebih awal ke masjid dan meninggalkan kerja masing-masing seperti berjual beli dan kerja-kerja lainnya, semata-mata untuk mendengar khutbah dan mengerjakan sembahyang fardu Jumaat. Setelah selesai menunaikan sembahyang, baharulah kita meneruskan segala usaha mencari rezeki dan mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dalam segala keadaan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Jumu'ah ayat 9 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diseru untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka pergilah kamu (ke masjid) untuk mengingati

Khutbah Jumaat Bulan Februari 2019

Allah dengan (mengerjakan sembahyang Jumaat) dan tinggalkanlah berjual beli. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu, jika benar kamu mengetahui.”

Sembahyang fardu Jumaat adalah perhimpunan mingguan yang memberikan manfaat yang amat besar kepada seluruh umat Islam kerana di dalamnya ada disampaikan khutbah untuk menjadi panduan kehidupan di dunia dan di akhirat. Antara manfaat tersebut adalah untuk menambahkan ilmu pengetahuan, menerima nasihat dan tujuk ajar, meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata’ala serta mengambil pengajaran dan iktibar dari khutbah yang disampaikan.

Dengan hadir ke masjid kita juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama jiran dan masyarakat berbagai bangsa. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjelaskan mengenai kewajipan sembahyang Jumaat daripada hadisnya yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, daripada Tariq bin Shahab, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Sembahyang Jumaat adalah hak yang wajib ke atas setiap orang Islam dengan (mengadakannya) secara berjemaah kecuali empat iaitu hamba, perempuan, kanak-kanak dan orang sakit.”

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menghabarkan bahawa ganjaran pahala yang besar diberikan kepada orang-orang yang pergi berjemaah ke masjid termasuklah juga kepada mereka yang pergi ke masjid untuk menunaikan sembahyang fardu Jumaat. Daripada hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

“Apabila seseorang berwuduk lalu dia memperelokkan wuduknya kemudian dia keluar (pergi) ke masjid, dia tidak keluar kecuali untuk menunaikan sembahyang, tidak dia melangkah satu langkah kecuali ditinggikan satu darjah baginya dan dihapuskan baginya satu kesalahan, apabila dia bersembahyang malaikat sentiasa memohonkan rahmat ke atasnya selama mana dia masih di tempat sembahyang

dan belum berhadas, malaikat memohonkan: “Wahai Allah berilah rahmat ke atasnya, wahai Allah sayangilah dia.”

Ketahuilah kaum Muslimin bahawa para ulama telah bersepakat mengatakan bahawa hukumnya adalah sunat menghadirkan diri lebih awal ke masjid pada hari Jumaat. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada menjelaskan tentang kelebihan orang-orang yang menghadirkan diri lebih awal ke masjid pada hari Jumaat, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

“Apabila datang hari Jumaat, maka setiap pintu masjid ada malaikat yang mencatat orang-orang yang masuk mengikut urutannya. Apabila imam telah duduk (di atas mimbar), para malaikat menutup buku catatan mereka dan datang untuk mendengarkan zikir (khutbah). Perumpamaan pahala orang yang hadir ke masjid lebih awal adalah bagaiorang yang menyembelih korban seekor unta, kemudian seperti menyembelih seekor sapi, kemudian seperti menyembelih seekor kambing, kemudian seperti menyembelih seekor ayam, kemudian seperti orang yang memberikan sedekah sebiji telur.”

Oleh itu alangkah ruginya bagi orang yang akhir datang ke masjid lebih-lebih lagi apabila imam sudah duduk di atas mimbar kerana mereka bukan sahaja terlepas daripada mendapat ganjaran pahala, bahkan juga tidak berkesempatan untuk melakukan perkara-perkara sunat seperti membaca Al-Quran, beristighfar, berselawat, berzikir dan sebagainya.

Melengah-lengahkan diri hadir ke masjid apatah lagi setelah imam naik di atas mimbar untuk membaca khutbah adalah perkara yang sangat merugikan. Oleh yang demikian, para jemaah adalah diseru untuk datang awal ke masjid dan berniat iktikaf di dalam masjid supaya berkesempatan untuk mendengar khutbah di masjid dan tidak mendengar khutbah di luar masjid atau di dalam kereta sahaja. Dan ada juga masih terdapat sebahagian orang yang tidak memberikan sepenuh penumpuan kepada khutbah yang disampaikan sehingga ada antara mereka yang masih bercakap-cakap, bercerita, bergurau senda, menggunakan telefon bimbit,

tidur dan tidak kurang juga ada yang masih melepak di luar masjid ketika khutbah Jumaat disampaikan. Hindarkanlah diri kita daripada perbuatan-perbuatan yang sia-sia ini kerana perkara-perkara tersebut boleh sahaja kita lakukan selepas kita selesai menunaikan sembahyang fardu Jumaat.

Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

“Barang siapa yang berwuduk dan menyempurnakan wuduknya kemudian dia pergi ke masjid untuk menunaikan Jumaat, lalu mendengar dan tidak bercakap ketika khutbah dibacakan, maka diampuni dosa-dosanya yang ada di antara hari Jumaat itu dan hari Jumaat berikutnya dan ditambah tiga hari lagi. Dan barang siapa yang bermain-main dengan anak-anak batu ketika khutbah maka dia telah berbuat sia-sia.” Hadis riwayat Imam Muslim.

Oleh itu, rebutlah peluang dengan kelebihan-kelebihan tersebut. Sesungguhnya sikap tidak menumpukan perhatian ketika khutbah disampaikan adalah sikap yang perlu diubah kerana ia adalah perkara yang sia-sia dan sangat merugikan. Selain itu, terdapat juga kanak-kanak berkeliaran dan membuat bising ketika khutbah disampaikan. Oleh itu, ibu bapa atau penjaga hendaklah memainkan peranan penting untuk mengawasi dan memata-matai anak-anak mereka supaya tidak melakukan sebarang perbuatan yang boleh mengganggu kehhusukan para jemaah lain.

Selepas kita menunaikan sembahyang fardu Jumaat, ambillah sedikit masa untuk berdoa dan memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala akan keampunan, keselamatan, keberkatan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Akhirnya, manfaatkan dan rebutlah peluang beramal ibadat pada hari Jumaat yang hanya datang sekali dalam seminggu, semoga dengannya juga kita dapat meningkatkan amal ibadat, keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dari semasa ke semasa. Sama-sama lah kita berdoa: *“Ya Allah! Panjangkanlah umur kami, kurniakanlah kami kesihatan yang baik, terangkanlah hati kami dengan nur pancaran iman-Mu, dekatkanlah kami dengan kebaikan dan jauhkanlah kami daripada segala kejahatan. Aamiin Ya Rabbal Alamin.”*

Surah Al-Mu'minun ayat 1-3 tafsirnya:

“Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman. (Iaitu) orang-orang yang khusyuk dalam sembahyang mereka. Dan orang-orang yang menjauhkan diri daripada (perbuatan dan perkataan) yang sia-sia.”

Memuliakan dan menghormati jiran

Keluaran Pelita Brunei 9 Februari 2019

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan mengukuhkan keimanan kepada-Nya dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dengan berbekalkan iman dan takwa itu, mudah-mudahan kita sentiasa selamat di dunia dan selamat di akhirat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus menetapkan dan meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita hingga ke akhir hayat.

Agama Islam adalah agama yang sangat mementingkan hubungan persaudaraan dan sentiasa menganjurkan umatnya untuk sentiasa hidup bersatu-padu bagi mengelakkan perselisihan atau perpecahan dalam kehidupan berkeluarga, berjiran, bermasyarakat dan bernegara. Ketahuilah, bahawa kita hidup di dunia ini saling memerlukan antara satu sama lain dan tidak boleh hidup bersendirian, kerana itulah agama kita menganjurkan umatnya untuk sentiasa menjaga hubungan yang baik sesama manusia sama ada adik-beradik, sahabat handai atau jiran tetangga.

Imam An-Nawawi Rahimahullahu Ta'ala ada menyatakan bahawa orang yang boleh dianggap sebagai jiran itu adalah orang yang tinggal berdekatan dengan rumah kita, orang yang tinggal dalam lingkungan jarak empat puluh buah rumah daripada rumah kita dalam semua arah atau penjuru sama ada dari arah Utara, Timur, Selatan dan Barat.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengingatkan bahawa memiliki jiran yang baik merupakan salah satu antara tanda-tanda kebaikan dan kebahagiaan. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Hibban, daripada Abi Saad bin Abi Waqas, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

“Empat perkara daripada tanda kebahagiaan ialah perempuan yang soleh, tempat tinggal yang lapang dan jiran yang baik serta memiliki kenderaan yang selesa.”

Imam Al-Ghazali Rahimahullahu Ta'ala berkata bahawa menghormati jiran adalah tugas dan kewajipan bagi setiap Muslim. Kita dituntut untuk memuliakan jiran kita kerana jiranlah orang yang paling terdekat dengan kita. Sesungguhnya mengeratkan hubungan dengan jiran adalah sangat penting kerana jiran umpsa saudara yang dekat dan berada pada kedudukan yang paling mudah untuk berhubung dan memohon bantuan, apakah lagi didukung dengan keakraban dan kemesraan serta sikap pemedulian, ia dapat menjadikan kehidupan berjiran itu lebih mesra, harmoni dan jauh daripada sifat hasad dengki, iri hati, persengketaan dan permusuhan.

Namun dalam kehidupan dan kesibukan kita sekarang, adakah kehidupan berjiran itu masih dapat dihayati dan diberi keutamaan? Adakah kita benar-benar mengenali jiran kita selama ini? Dalam menjaga hubungan yang baik sesama jiran tetangga, kita hendaklah mengutamakan dan mengamalkan akhlak yang mulia sebagaimana yang telah diajarkan oleh agama Islam, dan diamalkan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Antara akhlak mulia itu ialah sikap bersopan santun dan berbudi bahasa seperti sering bertegur sapa dan bertanya khabar, menjaga perasaan, saling hormat-menghormati, berbaik sangka, membantu jiran ketika kesusahan, mengamalkan sikap saling tolong-menolong, bersefahaman dan sebagainya.

Dalam konteks menjaga hubungan silaturahim sesama jiran, janganlah sekali-kali menyakiti hati jiran dan ahli keluarga mereka, sama ada dengan perkataan, perbuatan maupun tingkah laku yang boleh menyinggung perasaan mereka. Ini termasuklah dalam perkara menjaga kebersihan di kawasan tempat kita tinggal atau kawasan sempadan jiran, antaranya seperti tidak membiarkan rumput atau pokok-pokok di halaman rumah terbiar sehingga mengganggu sempadan atau halaman rumah jiran, membiarkan sampah-sarap berlonggok dan bersepah sehingga mengeluarkan bau yang busuk dan tidak menyenangkan.

Bagi menjaga ketenteraman dan keharmonian hidup berjiran, kita hendaklah peka dan mengamalkan sikap bertolak ansur dalam kehidupan berjiran seperti memberi laluan jalan kepada mereka, tidak membiarkan binatang ternakan dan peliharaan berkeliaran, apakah lagi sehingga memasuki kawasan dan halaman

rumah jiran serta berbuat kotor atau merosakkan bunga, tanaman atau harta benda jiran. Begitu juga dalam mewujudkan keharmonian hidup berjiran, elakkanlah berbuat kekacauan atau bising dengan acara-acara hiburan yang keterlaluan sehingga larut malam yang boleh menyebabkan jiran berasa terganggu dan sukar untuk beristirehat.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, daripada Abu Syuraih Al-Adawi Radhiallahu Anhu bahawa baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Demi Allah orang itu tidak beriman, Demi Allah orang itu tidak beriman, Demi Allah orang itu tidak beriman. Lalu seorang lelaki pun bertanya siapakah orang itu wahai Rasulullah? Baginda pun menjawab: orang yang jirannya tidak berasa aman daripada kejahatannya.”

Dalam hidup berjiran ada beberapa hak dan tanggungjawab yang mesti kita tunaikan. Imam Al-Ghazali Rahimahullahutala di dalam kitab Ihya Ulumiddin ada menyebutkan beberapa hak dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan, antaranya:

Pertama: Memulakan memberi salam kepada jiran.

Kedua: Menziarahi jiran ketika sakit dan mengucapkan takziah ketika berlaku kematian.

Ketiga: Jangan terlalu bertanya tentang hal-hal peribadi jiran.

Keempat: Memaafkan segala kesalahan dan kesilapan jiran.

Kelima: Menutup keaiban yang berlaku pada jiran.

Keenam: Sentiasa bersikap berlemah lembut terhadap anak-anak jiran.

Ketujuh: Sentiasa membantu jiran apabila ditimpah musibah.

Kelapan: Tidak menyakiti dan menyusahkan jiran sama ada dari segi perkataan, perbuatan maupun tingkah laku.

Kesembilan: Janganlah terpengaruh dengan kata-kata orang yang cuba memburuk-burukkan jiran.

Kesepuluh: Jangan menyempitkan perjalanan menuju ke rumah jiran.

Sesungguhnya agama Islam menganjurkan umatnya untuk melakukan kebaikan kepada jiran tanpa mengira agama, keturunan, bangsa atau darjah. Amalan hormat menghormati, bantu membantu dan saling bertolak ansur sesama jiran akan dapat menjadikan kehidupan berjiran lebih harmoni, sejahtera dan akhirnya akan dapat melahirkan sebuah masyarakat, bangsa dan negara yang kuat dan bersatu-padu serta aman dan damai.

Sebagai seorang Muslim kita dituntut untuk menghulurkan bantuan kepada orang yang memerlukan pertolongan, begitulah juga dalam kehidupan berjiran. Bantuan yang dimaksudkan bukan sahaja terbatas kepada bantuan yang berbentuk kewangan dan material sahaja bahkan termasuklah juga bantuan tenaga, kerjasama dan buah fikiran, contohnya meminjamkan kawasan rumah, membersihkan kawasan sekitar dan sebagainya ketika jiran mengadakan majlis seperti kenduri dan begitu juga kita hendaklah memberikan bantuan dan sokongan kepada jiran jika mereka ditimpah musibah seperti apabila berlakunya kematian, kebakaran, bencana alam dan seumpamanya. Amalan sebegini dapat memupuk sikap berkasih sayang dan hormat-menghormati sesama jiran tetangga.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu, daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Baginda bersabda: barang siapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat maka hendaklah ia memuliakan jirannya.”

Ketahuilah untuk membina dan mengekalkan hubungan yang baik dengan jiran tetangga itu bukanlah satu perkara yang sukar kerana apa yang penting ialah kita hendaklah sentiasa mengamalkan budi pekerti yang mulia dan sentiasa berbaik sangka dalam semua hal atau keadaan, jika semua ini dapat diamalkan dalam kehidupan berjiran, InsyaaAllah, kita akan dapat mencapai nikmat kehidupan yang harmoni, aman damai, bahagia dan bersatu padu. Oleh itu, marilah kita sama-sama berusaha membina kehidupan berjiran mengikut apa yang diajarkan oleh agama Islam. Sama-samalah kita menadah tangan dan berdoa: “*Ya Allah kurniakanlah kami kesenangan, ketenangan, kecemerlangan dan hidayah daripada-Mu dalam menempuh cabaran dan liku-liku kehidupan di dunia dan di akhirat. Aamiin Ya Rabbal Alamin.*”

Surah An-Nisa' ayat 36 tafsirnya:

“Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekuatkan-Nya dengan suatu apa pun, Dan berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, orang-orang musafir yang terlantar dalam perjalanan (yang terputus perbelanjaannya) dan juga hamba yang kamu miliki, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang sompong dan membangga-banggakan diri.”

Keutamaan memberi salam

Keluaran Pelita Brunei 16 Februari 2019

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia serta di akhirat.

Agama Islam menganjurkan umatnya untuk sentiasa menjaga dua hubungan, iaitu *Hablim Minallah* dan *Hablim Minannas*. Hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala ialah dengan cara kita beribadat dan mentaati segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Manakala hubungan dengan manusia pula ialah kita melaksanakan kewajipan-kewajipan dan menunaikan hak-hak sesama manusia seperti sifat hormat-menghormati, sayang-menayangi, nasihat-menasihati, bantu-membantu, sapa-menyapa, memberi salam dan seumpamanya. Dalam hal memberi salam sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

“Hak Muslim pada Muslim yang lain ada enam. Lalu ada yang menanyakan, apa sahaja keenam hak itu ya Rasulullah? Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Apabila engkau bertemu, ucapkanlah salam padanya, apabila engkau diundang, penuhilah undangannya, apabila engkau dimintai nasihat, berilah nasihat padanya, apabila dia bersin lalu dia memuji Allah (mengucapkan الحمد لله Doakanlah dia (dengan mengucapkan ﴿بِحَمْدِ اللَّهِ﴾ apabila dia sakit, lawatlah dia, dan apabila dia meninggal dunia, iringilah jenazahnya (sampai ke tanah perkuburan).

Begitu indah, lengkap dan teratur ajaran agama Islam. Sesungguhnya memberi salam itu adalah amalan yang mulia dan sangat digalakkan dalam agama Islam. Salam ialah ucapan penghormatan yang ditujukan kepada sesama insan lebih-lebih

lagi sesama saudara Muslim sama ada yang dikenali atau pun tidak sama ada ketika berjumpa, memulakan atau mengakhiri perbualan atau pertemuan dan sebagainya. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda riwayat Al-Imam Abu Daud yang maksudnya:

“Apabila kamu bertemu dengan saudara kamu (sesama Islam) berilah salam ke atasnya.”

Allah Subhanahu Wata’ala memberi keutamaan kepada yang mendahului memberi salam sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud daripada Abi Umamah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

“Sesungguhnya seutama-utama manusia bagi Allah ialah sesiapa yang memulakan memberi salam.”

Adapun hukum seseorang memberi salam kepada saudaranya sesama Islam yang lain itu adalah sunat, manakala menjawabnya pula hukumnya adalah wajib. Para ulama sangat menganjurkan untuk menyebutkan lafaz salam itu dengan sempurna dan sebaik-baik ucapan salam itu ialah dengan lafaz: **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

Ertinya: *“Selamat sejahtera, kerahmatan dan keberkatan Allah ke atas kamu semua.”*

Dan hendaklah dijawab dengan : **وَعَلَيْكُمُ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

Maksudnya: *“Dan ke atas kamu juga selamat sejahtera, kerahmatan dan keberkatan Allah.”*

Dengan mengucapkan salam ke atas seseorang, kita akan memperolehi banyak kelebihan, pahala yang berlipat ganda dan ganjaran yang setimpal dengan apa yang telah kita amalkan. Imam Abu Daud telah meriwayatkan daripada Imran bin Husain katanya:

“Ada seseorang lelaki datang kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi

*Wasallam lalu ia mengucapkan: **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ** kemudian Baginda membalias salam orang tadi lalu duduk terus bersabda: “Sepuluh. Maksudnya pahalanya dilipatkan sepuluh kali.”*

*Selanjutnya datang pula orang lain lalu ia mengucapkan: **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** kemudian Baginda membalias salam itu lalu duduk lagi dan bersabda: “Dua puluh maksudnya pahalanya dilipatkan menjadi dua puluh kali.” Seterusnya ada pula orang lain datang, lalu mengucapkan: **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** kemudian Baginda membalias salam tersebut, lalu terus duduk bersabda: “Tiga puluh maksudnya pahalanya dilipatkan menjadi tiga puluh ganda.”*

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah An-Nisa ayat 86:

Tafsirnya: *“Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan suatu ucapan hormat (seperti memberi salam) maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya atau balaslah ia (dengan cara yang sama). Sesungguhnya Allah memperhitungkan tiap-tiap sesuatu.”*

Imam Nawawi Rahimahullahu Ta’ala menyebutkan bahawa antara kewajipan dan hak-hak seseorang Muslim itu adalah menjawab salam selaku umat Islam, selain memberi dan menjawab salam, kita disunatkan berjabat tangan dengan saudara sesama Islam akan tetapi bersalaman atau berjabat tangan hendaklah mengikut adab-adabnya sebagaimana yang diajarkan oleh agama Islam. Antara adabnya ialah hendaklah lelaki dengan lelaki dan perempuan dengan perempuan, jika lelaki dengan perempuan hendaklah di antara sesama mahramnya sahaja, iaitu orang yang mempunyai talian darah langsung dengannya seperti ibu bapa, datuk nenek, adik-beradik dan sebagainya. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Iman Abu Daud, daripada Hudzaifah bin Al-Yaman, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“Sesungguhnya apabila seseorang mukmin bertemu mukmin yang lain lalu dia memberi salam kepadanya, dan mengambil tangannya lalu bersalaman dengannya, maka gugurlah dosa-dosanya sebagaimana gugurnya daun daripada pokok.”

Agama Islam memberikan peluang yang sangat luas kepada umatnya untuk mendapatkan dan meraih pahala yang banyak dengan mudah dan cepat seperti melalui amalan memberi dan menjawab salam ini. Apa yang penting ialah kemahuan kita dan usaha yang bersungguh-sungguh disertakan dengan niat yang ikhlas dalam beramal. Maka rugilah bagi mereka yang tidak mengamalkannya bahkan mereka itu termasuk ke dalam golongan orang-orang yang bakhil.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

Maksudnya: “*Daripada Jabir, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Orang yang paling bakhil itu ialah orang yang kedekut dengan salam.*”

Sesungguhnya amalan memberi salam bukan ketika hendak berjumpa atau bersapa sahaja, malah lebih dari itu, sebagai contoh memberi salam ketika hendak masuk ke dalam rumah atau pejabat adalah satu amalan yang baik dan sangat dituntut di dalam Islam. Jika seseorang hendak masuk ke rumah sama ada rumahnya sendiri ataupun orang lain, hendaklah terlebih dahulu memberi salam sebagai tanda meminta izin sebelum masuk, disertai dengan mengetuk pintu perlahan-lahan. Meminta kebenaran izin masuk itu bolehlah diulang sehingga tiga kali, kerana jika hanya sekali mungkin tuan rumah tersebut tidak mendengar atau tidak sedar. Jika sekiranya, setelah tiga kali memberi salam atau mengetuk pintu, tidak juga ada jawapan, maka bolehlah beredar kerana kemungkinan tiada orang di dalamnya atau tuan rumah belum bersedia untuk menerima tetamu.

Sebagaimana terdapat di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda:

Maksudnya: “*Apabila seseorang kamu meminta izin sampai tiga kali belum juga diberi izin, maka hendaklah ia beredar balik.*”

Imam Nawawi Rahimahullahu Ta’ala mengatakan bahawa sunat memberi salam apabila seseorang itu hendak masuk ke dalam rumahnya walaupun tiada orang di dalamnya dengan berkata: ﴿السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَىٰ عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ﴾ yang bererti:

“*Salam sejahtera ke atas kami dan ke atas hamba-hamba Allah yang soleh. Jika ia berbuat demikian, nescaya akan memperoleh banyak kebaikan dalam rumah tersebut.*”

Selain itu, dengan memberi salam kepada ahli sesebuah rumah diharapkan akan menambahkan lagi keberkatan, kebaikan dan pahala sebagaimana yang telah dianjurkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Iman At-Tirmidzi daripada Anas Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda:

Maksudnya: “*Wahai engkau! Jika engkau masuk ke rumah keluargamu hendaklah engkau memberi salam, supaya menjadi berkat untukmu dan keluargamu.*”

Akhirnya, eratkan hubungan silaturahim sesama Islam dengan mengamalkan memberi dan menjawab salam itu sebagai satu budaya dalam kehidupan seharian. Semoga amalan ini menjadi pengukuh kepada perpaduan dan kesejahteraan umat sejagat. Mudah-mudahan dengan yang demikian, kita sentiasa beroleh keselamatan, kerahmatan, keberkatan dan keampunan daripada Allah Subhanahu Wata’ala. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Ahzab ayat 44:

Tafsirnya: “*Ucapan penghormatan kepada mereka semasa menemui-Nya (di akhirat) ialah salam. Dan Dia telah menyediakan untuk mereka pahala yang mulia.*”

Mempertahankan nikmat kemerdekaan

Keluaran Pelita Brunei 23 Februari 2019

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sama-sama mengukuhkan iman dan takwa kepada-Nya dan mematuhi segala suruhan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya. Dengan berbekalkan iman dan takwa itu, mudah-mudahan kita sentiasa selamat di dunia dan selamat di akhirat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus memantapkan dan meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita hingga ke akhir hayat.

Alhamdulilah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juga, pada tahun ini kita dapat lagi meraikan sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-35 dalam suasana negara yang aman, damai dan sejahtera. Oleh itu, sebagai rakyat dan penduduk di negara ini, kita mestilah bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah mengurniakan nikmat kemerdekaan, nikmat keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran di bumi Darussalam yang tercinta ini. Semua ini adalah berkat kita berpegang teguh dengan ajaran agama Islam, iaitu mengerjakan apa yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan meninggalkan apa yang dilarang-Nya, di samping hidup bersatu padu tanpa mengira darjah, bangsa agama.

Sesungguhnya kemerdekaan yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala ini bukan sahaja merupakan satu nikmat malah ia juga adalah suatu bentuk ujian. Ingatlah, jika kita lalai dan leka atau tidak mensyukuri nikmat kurnia Allah Subhanahu Wata'ala ini, maka tidak mustahil nikmat ini boleh sahaja hilang pada bila-bila masa kerana semua nikmat yang kita miliki hanyalah pinjaman semata-mata. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan kita untuk sentiasa mensyukuri dan mengharapkan agar nikmat Allah Subhanahu Wata'ala ini sentiasa berkekalan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim ayat 7 tafsirnya:

“Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu dengan sejelas-jelasnya: Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur terhadap segala nikmat-Ku tentu Aku

akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras.”

Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan kemerdekaan itu? Kemerdekaan ialah apabila sesebuah negara itu bebas daripada penguasa orang lain, manakala menurut Islam pula kemerdekaan adalah apabila seseorang, sesuatu bangsa atau umat mendapat kebebasan daripada sebarang bentuk penjajahan dari segi jasmani maupun rohani. Ketahuilah, adalah bukan mudah untuk mencapai sesuatu kemerdekaan itu, kerana ada negara yang sudah mencapainya tetapi tidak berdaya mempertahankannya. Ada pula negara yang sudah mencapai kemerdekaan tetapi tidak dapat menikmati erti kemerdekaan yang sebenar itu dengan sepenuhnya yang boleh membangun bangsa dan tanah airnya. Sesungguhnya nikmat kemerdekaan ini sangat bernilai, ia tidak akan dapat diukur dengan wang ringgit atau harta benda.

Oleh itu, sebagai rakyat dan penduduk di bumi Darussalam, kita mestilah mempertahankan nikmat kemerdekaan ini agar ia sentiasa terjaga dan terpelihara. Ingatlah, di atas bahu kita terletaknya tanggungjawab dan amanah yang sangat besar untuk ditunaikan dalam mencorak rupa bentuk bangsa dan negara serta membangunkan bangsa Brunei supaya menjadi bangsa yang kuat, maju dan digalati.

Alhamdulilah, kemerdekaan yang telah kita capai sejak 35 tahun ini, wajib kita pertahankan dan perjuangkan sebagaimana yang termaktub dalam Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam, iaitu

“Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala, akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah dan dengan berdasarkan keadilan dan amanah dan kebebasan, dan dengan petunjuk serta keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.”

Sesungguhnya nikmat kemerdekaan, keamanan, ketenteraman, kesejahteraan dan kemakmuran yang kita nikmati di Negara Brunei Darussalam ini tidak datang

dengan sendirinya bahkan ia adalah rahmat dan berkat daripada Allah Subhanahu Wata'ala, kerana kita telah menegakkan agama Allah Subhanahu Wata'ala di bumi Darussalam ini dengan meletakkan agama Islam di tempat yang teratas, manakala segala amalan yang bertentangan dengan akidah dan perbuatan yang berlawanan dengan syariat Islam kitani banteras dan hindarkan.

Alhamdulilah, sebagai sebuah negara Islam di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita telah pun mengamalkan cara hidup berlandaskan ajaran agama Islam ini dalam semua bidang termasuk dalam pentadbiran, pengurusan, pekerjaan dan di dalam kehidupan seharian sehingga ajaran Islam itu subur dalam jiwa kita dan mampu mengubah cara hidup rakyat dan penduduk negara ini. Semua ini semata-mata untuk meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'ala yang membawa kepada keberkatan, kesejahteraan, keteguhan beragama, berbangsa dan bernegara.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raf ayat 96 tafsirnya:

“Dan kalaullah penduduk sesebuah negara ini beriman dan bertakwa tentulah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi tetapi mereka mendustakan (rasul-rasul Kami) lalu Kami menimpakan mereka (dengan azab) disebabkan apa yang mereka telah usahakan.”

Kemajuan sesebuah negara itu bukanlah sekadar diukur dengan kekuatan ekonominya, akan tetapi kemajuan sesebuah negara itu juga adalah disebabkan oleh pemimpin yang adil, penduduk yang beriman dan bertakwa serta berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Ketahuilah, kemajuan sesebuah negara itu tidak akan bererti jika rakyat dan penduduknya hidup tanpa pedoman dan tidak berpegang teguh kepada ajaran agama Islam. Apabila hidup manusia tidak berpegang teguh kepada ajaran agama Islam sudah tentu banyak kemungkaran dan kemaksiatan akan berlaku dan berleluasa seperti curi, ragut, judi, minum arak hatta kepada perbuatan membunuh dan sebagainya. Perkara ini jika tidak dibendung sedari awal, ia boleh sahaja akan

menghancurkan keharmonian dan kesejahteraan hidup sesebuah masyarakat, bangsa dan negara.

Sebagaimana yang kita maklum, tema sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini adalah ‘Menjayakan Wawasan Negara.’ Sesungguhnya Wawasan Negara 2035 adalah gagasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pandangan baginda yang jauh ke hadapan memastikan Negara Brunei Darussalam, insyaaAllah, akan menjadi sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya, kehidupan yang berkualiti dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Ke arah mencapai wawasan ini, kita perlu bersatu padu untuk taat setia kepada raja dan negara, yakin pada nilai-nilai agama Islam, mengamalkan nilai-nilai mulia dan sifat berbaik-baik sesama bangsa, agama dan negara.

Oleh itu, dalam memastikan Wawasan Brunei 2035 dapat dicapai dengan jayanya, setiap rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam perlu mengambil peranan dan menjadikan diri mereka sebagai aset berguna dalam pembangunan negara. Di samping itu, kita hendaklah berusaha untuk melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran, menyediakan diri dalam pembangunan negara, serta meningkatkan daya saing, berinovatif, kreatif, membangun ekonomi, politik, sosiobudaya, keselamatan dan sebagainya.

Keamanan hidup dan keamanan bernegara itu akan lebih berkesan apabila rakyat dan penduduk di sesebuah negara itu sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, demi mempertahankan nikmat kemerdekaan tanah air yang berdaulat ini dan bagi menzahirkan rasa syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kurnia nikmat kemerdekaan ini, maka bersemesta dengan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-35 tahun ini, marilah kita beramai-ramai hadir ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara, iaitu pada petang Jumaat ini, 17 Jamadilakhir 1440 Hijrah bersamaan dengan 22 Februari 2019 Masihi bagi sama-sama menunaikan sembahyang fardu Maghrib berjemaah, membaca Surah Yasin dan Doa Kesukuran dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan. Mudah-mudahan dengan doa yang kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala negara kita tetap

kekal menjadi sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat dan menjadi *Baldatun Tayyibatun Warrabun Ghafur*, iaitu negara yang aman makmur dan Tuhan Yang Maha Pengampun. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab ayat 41-43 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Berzikirlah mengingati Allah dengan zikir yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kepada-Nya pada waktu pagi dan petang. Dialah yang mengurniakan rahmat kepada kamu dan malaikat-malaikat-Nya pula (berdoa memohonkan ampun bagi kamu) untuk mengeluarkan kamu daripada kegelapan-kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman) dan Dia adalah Maha Pengasih kepada orang-orang yang beriman.”

Khutbah Jumaat Bulan Mac 2019

Mengeratkan silaturahim

Keluaran Pelita Brunei 2 Mac 2019

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sama-sama mengukuhkan iman dan ketakwaan kepada-Nya dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Hanya berbekalkan iman, takwa dan bertawakal kepada-Nya sahajalah, kita pasti selamat di dunia dan selamat di akhirat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus memantapkan dan meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita sehingga ke akhir hayat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa' ayat 1 tafsirnya:

"Wahai manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu daripada diri yang satu (Adam Alaihissalam), Dia (Allah) menciptakan dan daripada pasangannya (Hawa), Dia (Allah) mengembangbiakkan daripada kedua-duanya (zuriat keturunan) laki-laki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan nama-Nya kamu saling meminta serta peliharalah hubungan silaturahim kaum kerabat. Sesungguhnya Allah adalah Maha mengawasi (memerhati) kamu."

Ayat Al-Quran tadi menjelaskan betapa pentingnya kita mengeratkan hubungan silaturahim dalam kehidupan dan keutamaan dalam mengeratkan hubungan silaturahim itu adalah kepada kaum kerabat ataupun yang ada hubungan kekeluargaan. Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyatakan bahawa orang yang memutuskan hubungan silaturahim itu tidak akan masuk syurga. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Jubair bin Mut'im, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

"Tidak akan masuk syurga orang yang memutuskan silaturahim."

Silaturahim ialah jalinan atau ikatan hubungan yang dibina secara bersama-sama di antara sesama keluarga, kaum kerabat, jiran tetangga dan sahabat handai. Adapun mengeratkan hubungan silaturahim itu adalah dengan berbuat baik kepada semua

manusia, memberi pertolongan jika mereka memerlukan, bersikap lemah lembut, nasihat menasihati dan menjaga perasaan mereka. Ketahuilah kesempurnaan dan kemantapan iman seseorang bukan hanya setakat beriman dengan rukun iman yang enam sahaja, bahkan menghubungkan silaturahim juga adalah antara cabang-cabang iman. Oleh itu, agama Islam menganjurkan umatnya untuk sentiasa menjaga hubungan silaturahim. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

"Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam Baginda bersabda: Barang siapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah ia memuliakan tamunya, dan barang siapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah ia menyambung tali silaturahim, dan barang siapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah ia berkata baik atau diam."

Imam As-Shafie Rahimahullallahu Ta'ala berkata bahawa barang siapa yang menjalin ukhuwah persaudaraan dan menghidupkan silaturahim, maka ia akan memperolehi 10 keutamaan:

Pertama: Mendapat keredaan Allah Subhanhu Wata'ala kerana Allah Subhanhu Wata'ala dan penduduk di langit amat suka kepada orang yang menghubungkan ukhuwah persaudaraan.

Kedua: Menggembirakan para malaikat di langit kerana mereka amat suka kepada orang yang menghubungkan ukhuwah persaudaraan.

Ketiga: Dapat menambahkan pahala amalnya setelah dia meninggal dunia kelak.

Keempat: Dapat menambah dan menimbulkan rasa kasih sayang dalam pergaulan sehari-hari.

Kelima: Dapat menambah dan menimbulkan keberkatan kepada rezeki

Keenam: Allah Subhanahu Wata'ala melanjutkan usianya.

Ketujuh: Menjadikan iblis dan syaitan bertambah gelisah dan sakit hati.

Kelapan: Disegani dan dihormati oleh masyarakat yang berada di sekelilingnya.

Kesembilan: Dapat menggembirakan orang yang berada di alam barzakh.

Kesepuluh: Dapat menzahirkan kegembiraan kepada kedua belah pihak kerana tiada amalan yang lebih baik melainkan menggembirakan hati orang-orang yang beriman.

Dalam membina dan menjaga hubungan silaturahim, ada beberapa cara yang boleh kita lakukan antaranya seperti sering memberi dan menjawab salam atau bertegur sapa, menghadiri undangan atau jemputan, menghulurkan bantuan dan pertolongan, sama ada dengan tenaga atau wang ringgit, kunjung-mengunjungi di antara satu sama lain, menziarahi ketika ia sakit dan menghadiri pengebumian jenazah.

Pada masa kini, penggunaan media baharu seperti *Facebook*, *WhatsApp*, *Telegram* dan lain-lain adalah sangat digemari dan menjadi kemudahan untuk berhubung dan berkomunikasi. Penggunaan kemudahan-kemudahan tersebut bolehlah dimanfaatkan oleh kita semua dengan sebaik-baiknya terutama dalam mengeratkan hubungan silaturahim. Dengan yang demikian, hubungan yang jauh menjadi semakin dekat, yang renggang menjadi rapat. Kita ada membaca dan melihat di media baharu dan media massa bahawa terdapat golongan yang hidup susah dan serba kekurangan sedangkan mereka masih mempunyai kaum keluarga yang berkemampuan untuk menjaga dan membantu mereka. Maka di sinilah peranan kita untuk mempereratkan dan memperkuuh hubungan silaturahim kita dengan membantu mereka, sama ada keluarga, jiran tetangga atau sahabat yang memerlukan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

“Daripada ‘Aisyah Radiallahuanha isteri Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam Baginda bersabda: Silaturahim adalah daun pohon yang rendang barang siapa menyambungnya, maka aku akan menyambungnya dan barang siapa memutuskannya, maka aku pun akan memutuskannya.”

Pada kelazimannya, hubungan silaturahim itu terputus berpunca daripada beberapa sebab antaranya rasa tidak puas hati, sifat dendam, sompong, mementingkan diri sendiri, hutang-piutang, hasutan, fitnah, hasad dengki, iri hati dan lain-lain lagi. Namun antara yang sering menjadi sebab hubungan silaturahim itu menjadi renggang ialah pertengkaran atau perselisihan yang disebabkan oleh harta. Ingatlah, harta itu hanyalah perhiasan di dunia dan adalah lebih elok jika kita menumpukan perhatian kepada kebahagiaan akhirat yang kekal abadi sebagai jalan untuk mendekatkan diri dan mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata’ala.

Sesungguhnya hubungan silaturahim itu juga boleh terputus disebabkan perkelahian di antara sanak saudara, anak-beranak, adik-beradik rakan atau jiran tetangga, di mana kedua-dua pihak saling menyalahkan di antara satu sama lain, lebih-lebih lagi jika kedua-duanya tidak mempunyai kesabaran, tidak bersikap terbuka dan tidak mahu bertolak-ansur serta tidak mahu mengalah untuk memohon kemaafan sehingga ada yang sanggup melakukan perbuatan syirik, keji dan terkutuk seperti sihir untuk menyakiti orang yang dibencinya. *Nauzubillahi min zalik.*

Oleh itu, sama-sama lah kita beringat, tanggungjawab untuk membina semula hubungan silaturahim yang terputus itu bukan hanya terletak kepada pihak yang bermusuhan sahaja, akan tetapi kaum keluarga sanak saudara atau kawan-kawan juga memainkan peranan yang sangat penting selaku orang tengah dalam mendamaikan dan menyambungkan semula hubungan silaturahim itu. Selain itu, jika ada pertelingkahan yang amat berat di antara keluarga, maka eloklah meminta nasihat dan pandangan daripada ahlinya dan pihak yang bertanggungjawab. Janganlah disebabkan masalah kecil dan remeh-temeh, hubungan keluarga menjadi renggang atau retak. Kerenggangan ini boleh menimbulkan ketegangan yang menyebabkan mereka bermasam muka, saling bermusuhan, benci-membenci dan akhirnya boleh menyebabkan berlakunya perkara yang tidak diingini yang boleh menghancurkan hidup berkeluarga dan bermasyarakat.

Oleh itu, sentiasalah kita berbuat baik kepada sesiapa sahaja tanpa mengira bangsa ataupun agama, bergaullah dengan akhlak yang mulia lagi terperinci, bersabarlah terhadap perbuatan yang menyakitkan atau ujian yang menimpa. Sama-sama kita berdoa: “*Ya Allah, lancarkanlah urusan kami pada hari ini, indahkanlah ia dengan silaturahim yang baik dan limpahkan rezeki yang berkat. Ya Allah, jika hari ini ada antara kami yang berasa disakiti dan dizalimi kerana kesalahan serta kesilapan kami yang disengajakan ataupun yang tidak disengajakan, maka bukakanlah pintu hati mereka agar memaafkan segala kesalahan dan kesilapan kami. Aamiin Ya Rabbal Alamin.*”

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Hujurat ayat 10 tafsirnya:

“*Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.*”

Adab menziarahi orang sakit

Keluaran Pelita Brunei 9 Mac 2019

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata’ala dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata’ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata’ala dan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Agama Islam sangat mengambil berat tentang kepentingan mengeratkan hubungan tali persaudaraan atau silaturahim sesama Muslim. Antara amalan yang boleh kita lakukan bagi mengeratkan lagi tali persaudaraan sesama Islam ialah dengan menziarahi saudara-saudara kita yang sedang sakit. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda tentang anjuran dan kelebihan menziarahi orang sakit. Daripada hadis yang diriwayatkan oleh Imam Termidzi, daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“*Sesiapa yang menziarahi orang sakit atau menziarahi saudaranya kerana Allah nescaya penyeru (malaikat) akan berseru kepadanya: alangkah bagusnya engkau, alangkah bagusnya perjalananmu, telah tersedia untukmu sebuah rumah di dalam syurga.*”

Sesungguhnya hukum menziarahi orang sakit adalah sunat muakadah, iaitu sunat yang dituntut. Menziarahi orang sakit tidak hanya terbatas kepada keluarga, sahabat dan jiran tetangga yang sakit sahaja, bahkan disunatkan juga menziarahi saudara Islam yang tidak dikenali hatta musuh atau orang yang pernah menyakiti dan menzalimi kita.

Dalam menziarahi orang sakit, kita hendaklah menjaga adab-adabnya, antaranya ialah:

Pertama: Hendaklah tujuan melakukan ziarah itu ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan niat yang baik seperti kerana rasa kasih sayang, persaudaraan dan tanggungjawab kita sebagai orang Islam, bukan disebabkan niat atau tujuan yang lain seperti ingin mendapatkan kemewahan, pujian, pangkat dan seumpamanya.


Kedua: Melakukan ziarah itu pada waktu yang sesuai. Jangan terlalu lama melakukan ziarah tersebut kerana dikhuatiri akan mendatangkan kesusahan dan gangguan kepada orang sakit, malah juga boleh mengganggu orang sakit yang berhampiran jika sekiranya ziarah itu diadakan di hospital atau di rumah sakit seperti berbuat bising atau bergurau senda yang berlebihan.

Ketiga: Ucapkanlah kata-kata yang elok dan baik yang dapat menyenangkan, menggembirakan dan mententeramkan hati orang yang sakit, bukannya kata-kata yang tidak disukainya dan yang boleh merisaukannya, melemahkan semangat serta menambahkan kesakitannya.

Keempat: Disunatkan untuk mendoakan orang sakit supaya cepat sembuh. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Hibban, bahawa baginda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam membaca doa ini sebanyak tujuh kali kepada pesakit, memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk menyembuhkannya.

Maksudnya: “*Aku memohon kepada Allah yang Maha Agung, Tuhan yang memiliki Arasy yang agung, semoga Dia menyembuhkanmu.*”

Kelima: Jangan bercerita tentang perkara buruk atau aib orang sakit kepada orang lain. Hendaklah disembunyikan sebarang keburukan atau keaiban yang dilihat.

Keenam: Bagi orang sakit yang tiada harapan sembuh atau sedang nazak, dituntut ke atas ahli keluarga atau ahli terdekat untuk mengajarkannya ucapan  agar kalimah tauhid tersebut menjadi ucapan terakhir sebelum ia meninggal dunia, serta menghadapkannya ke arah kiblat, iaitu dengan membaringkannya pada rusuk sebelah kanannya dan menghadapkan mukanya ke

arah kiblat. Sunat dibacakan di sisi orang sakit itu Surah Yasin dengan suara yang dapat didengar oleh orang lain dan Surah Ar-Ra'd dengan suara perlahan yang hanya didengar oleh dirinya sendiri.

Amalan menziarahi orang sakit itu banyak hikmah dan kelebihannya, antaranya ia dapat mengukuhkan tali persaudaraan sesama Islam, melahirkan rasa kasih sayang dan sifat belas kasihan, sentiasa ingat kepada Allah Subhanahu Wata'ala, mendatangkan keinsafan kepada diri kita, ingat kepada kematian dan seterusnya mendorong kita untuk bertaubat. Allah Subhanahu Wata'ala menjanjikan ganjaran yang besar bagi mereka yang menziarahi orang yang sakit. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, yang di riwayatkan oleh Imam At-Termidzi, maksudnya:

“*Daripada Ali Radhiallahuanhu ia berkata: Aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: tiada seorang Muslim itu melawat seseorang Muslim yang sakit pada waktu pagi melainkan meminta ampun untuknya tujuh puluh ribu malaikat hingga waktu petang dan tiada dia melawatnya pada waktu petang melainkan meminta ampun untuknya tujuh puluh ribu malaikat hingga waktu pagi dan adalah baginya kebun tempat memetik buah-buahan di dalam syurga.*”

Perlu diingat, semasa menziarahi orang sakit, kita hendaklah menjaga tingkah laku, dan tutur kata dengan baik serta tidak berbuat bising. Begitulah juga keadaannya jika kita menziarahi orang sakit yang berada di hospital atau di rumah sakit. Patuhilah peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak yang berkenaan seperti mengikut jadual masa lawatan yang telah ditetapkan.

Akhirnya, jadikanlah amalan menziarahi orang sakit sebagai budaya kita kerana ia mencerminkan perpaduan umat Islam dan dapat memberikan banyak pengajaran yang berfaedah bagi kita dan sama-sama lah kita berdoa semoga kita semua dikurniakan kesihatan dan keafiatan di dunia dan di akhirat. Aamiin Ya Rabbal Alamin. Surah Asy-Syu'ara ayat 78 -80 tafsirnya:

“*Tuhan yang menciptakan aku maka Dialah yang mengurniakan hadiah kepada ku. Dan Dialah yang mengurniakan aku makan dan minum. Dan jika aku sakit, maka Dialah yang menyembuhkan aku.*”

Syura atau mesyuarat merupakan tanda perpaduan umat Islam

Keluaran Pelita Brunei 16 Mac 2019

MARILAH kita bertakwa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhkan segala larangan-Nya, iaitu dengan mentaati Allah dan Rasul-Nya. Berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beroleh kejayaan, keselamatan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Asy-Syura ayat 38 tafsirnya:

“Dan (juga bagi) orang-orang yang mentaati perintah Tuhan mereka serta mendirikan sembahyang dan urusan mereka diputuskan dengan bermesyuarat sesama mereka dan mereka membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang Kami telah kurniakan kepada mereka.”

Ayat ini menjelaskan mengenai sifat orang-orang beriman yang sentiasa berunding dan bermesyuarat dalam mencari kesepakatan serta penyelesaian dalam setiap kerja dan urusan. Syura atau mesyuarat bermaksud meminta atau menuntut sesuatu pandangan dalam sesuatu perkara dan urusan.

Dan ia suatu amalan yang sangat dianjurkan dalam agama berkaitan semua perkara seperti proses penggubalan undang-undang dan pembuatan sebarang dasar atau keputusan. Syura atau mesyuarat merupakan tanda perpaduan umat Islam, terutama dalam mencari atau membuat sebarang keputusan dalam pentadbiran dan pengurusan negara, kementerian, jabatan dan sebagainya. Melalui amalan syura atau mesyuarat ini, ketelusan akan berlaku kerana semua maklumat dikongsi dengan semua ahli sebelum sesuatu undang-undang, dasar keputusan dicapai, digubal serta disepakati.

Sebagaimana yang kita maklum, di negara kita pada ketika ini sedang berlangsung Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-15 Majlis Mesyuarat Negara, bagi Tahun 2019 yang telah dirasmikan oleh raja kita yang kita

kasihi, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Antara perkara atau agenda utama dalam persidangan ini ialah bagi membincangkan pelbagai perkara yang memfokuskan ke arah kemajuan negara, termasuklah sesi membincangkan anggaran hasil dan perbelanjaan negara untuk tahun kewangan tahun 2019/2020 yang dirancang bagi meningkatkan lagi kualiti kehidupan, kemaslahatan serta kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini.

Dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-15 baru-baru ini, antara perkara yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah mengenai generasi muda, iaitu golongan belia selaku aset negara dan jentera pembangunan supaya terus diberikan suntikan semangat untuk meneruskan agenda pembangunan negara.

Perlu diketahui, belia memainkan peranan yang penting dalam memaju, membentuk dan membantu meningkatkan pembangunan dan kemajuan sesebuah negara. Sesungguhnya, belia adalah golongan yang diharapkan untuk menjadi pemimpin di masa akan datang. Dalam perkara belia ini, salah seorang ilmuwan Islam Profesor Dr. Yusuf Al-Qaradhawi berkata:

“Apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah kepada generasi mudanya pada hari ini, jika golongan muda pada hari ini terdiri daripada golongan yang berakhlikat dan berhemah tinggi, setentunya negara pada masa hadapan menjadi sebuah negara yang aman makmur tetapi jika keadaan sebaliknya berlaku, maka bersedia lah untuk berhadapan dengan perkara-perkara yang buruk yang berkemungkinan akan berlaku.”

Bagi menjamin kemakmuran dan kemajuan negara kita ini sentiasa berterusan, kita amat memerlukan golongan belia yang progresif kerana mereka adalah bakal pewaris kepimpinan negara dan merupakan tunggang kekuatan masa depan

bagi sesebuah negara. Oleh itu, dalam usaha membangun belia di negara ini pihak kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang penuh terhadap golongan belia dengan penyediaan berterusan program-program pembangunan kapasiti, perekonomian, kemudahan-kemudahan prasarana, infrastruktur dan bantuan fizikal dan belanjawan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga ada bertitah menyentuh mengenai pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang kurang memberangsangkan, berikutan dengan kejatuhan harga minyak global, sedangkan sebahagian besar dari pendapatan negara bergantung kepada hasil minyak dan gas. Namun terdapat sektor-sektor bukan minyak dan gas telah menunjukkan pertumbuhan positif seperti sektor perkhidmatan.

Oleh itu wahai para jemaah yang dirahmati Allah, marilah kita merebut peluang meningkatkan potensi diri dalam mengembangkan ekonomi diri dan negara dalam pelbagai bidang, antaranya bidang perniagaan. Ketahuilah, bidang perniagaan berpotensi dan mampu menjana perkembangan ekonomi rakyat dan penduduk di negara ini. Dengan berkembangnya kepelbagaiannya aktiviti perekonomian di negara ini, insyaaAllah ia akan dapat menjana sumber pendapatan negara dan juga dapat membuka peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk negara bagi mengurangkan kadar pengangguran di negara ini.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih dapat menyediakan peruntukan belanjawan untuk kemajuan dan pembangunan negara demi kebaikan serta kemaslahatan rakyat dan penduduk di negara ini. Sehubungan dengan itu, Alhamdulillah, kita masih dapat terus menikmati kemakmuran, keamanan, ketenteraman dan kesejahteraan hidup. Kita berdoa semoga nikmat tersebut akan bertambah di masa akan datang dan berterusan dapat dinikmati oleh generasi kita di masa hadapan.

Sesungguhnya, bersyukur adalah sifat orang-orang yang beriman dan untuk menzahirkan kesyukuran itu hendaklah turut disertakan dengan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan dengan amalan bersyukur itu, kita akan terus dapat menikmati limpahan kurnia daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Inilah janji Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim ayat 7 tafsirnya:

“Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya): Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras.”

Kejatuhan harga minyak global telah sedikit sebanyak mendatangkan kesan terhadap negara kita. Yakinlah setiap ujian berbentuk kesulitan dan kesukaran itu insyaaAllah akan berakhir dengan kesenangan. Walau bagaimanapun, kita harus terus gigih berusaha dan tidak berputus asa untuk mencapai kesejahteraan hidup yang baik dan diredayai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Insyirah ayat 5-6 tafsirnya:

“Maka sesungguhnya bersama kesusahan ada kesenangan. Sesungguhnya bersama kesusahan ada kesenangan.”

Akhirnya, sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa memberi taufik dan hidayah-Nya kepada kita semua, agar sentiasa bergerak ke arah usaha membangun umat dan negara, menjaga keselamatan dan kebajikan rakyat serta penduduk di bumi Darussalam yang tercinta ini agar sentiasa berada dalam landasan hidup yang sebenar dan diredayai oleh Allah Subhanahu Wata'ala berpandukan Al-Quran dan Sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, dengan sentiasa berunding dan bermesyuarat mengikut panduan Syara' dan hukum agama dalam mencari kesepakatan dan penyelesaian bagi setiap permasalahan demi mencapai kebahagiaan serta kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran ayat 159 tafsirnya:

“Maka dengan sebab rahmat daripada Allah, engkau (wahai Nabi Muhammad) telah berlemah lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikut-pengikutmu). Dan kalaalah engkau bersikap kasar serta keras hati (terhadap mereka) tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Oleh itu, maafkan mereka dan pohonkanlah keampunan bagi mereka dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan permasalahan keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (untuk berbuat sesuatu sesudah bermesyuarat) maka bertawakallah kepada Allah (melaksanakannya). Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal.”

Gunakan air dengan bijaksana

Keluaran Pelita Brunei 23 Mac 2019

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan mengukuhkan keimanan kepada-Nya dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dengan berbekalkan iman dan takwa itu, mudah-mudahan kita sentiasa selamat di dunia dan di akhirat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus memantapkan dan meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita hingga ke akhir hayat.

Setiap yang Allah Subhanahu Wata'ala ciptakan di muka bumi ini mempunyai manfaat, tujuan dan faedah kepada makhluk-makhluk ciptaan-Nya. Seperti matahari, bulan, bintang, gunung-ganang, bukit-bukau, lautan, sungai, air dan sebagainya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-An'am ayat 99 tafsirnya:

“Dan Dia-lah yang menurunkan air hujan dari langit lalu Kami menumbuhkan dengannya berbagai-bagai jenis tumbuhan, maka Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau. Kami keluarkan daripadanya biji-bijian yang bersusun-susun dan daripada pohon kurma, (Kami keluarkan) daripada mayangnya tangkai-tangkai yang berjuntaian (yang mudah dipetik) serta kebun-kebun anggur dan (Kami keluarkan pula) zaitun dan delima yang serupa (bentuknya) dan yang tiada serupa (rasanya). Perhatikanlah buahnya apabila ia berbuah dan ketika ia masak. Sesungguhnya yang demikian itu ialah tanda-tanda kebesaran (Kami) bagi kaum yang beriman.”

Ayat tersebut menjelaskan bahawa segala ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala itu tidaklah sia-sia melainkan ia memberi manfaat kepada sekalian makhluk ciptaan-Nya. Maka kita selaku makhluk Allah Subhanahu Wata'ala yang dikurniakan akal fikiran wajib mensyukuri dan memanfaatkan nikmat tersebut dengan sebaik-baiknya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran ayat 191 tafsirnya:

“(Iaitu) orang-orang yang mengingati Allah dalam keadaan berdiri, duduk atau berbaring dan mereka memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): Ya Tuhan kami! Tidaklah Engkau menciptakan semua ini sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami daripada azab neraka.”

Antara nikmat terbesar yang Allah Subhanahu Wata’ala kurniakan dan ciptakan adalah air. Air merupakan sumber kehidupan yang paling berharga dan sangat diperlukan serta menjadi asas kehidupan kepada semua makhluk yang hidup di bumi ini.

Ketahuilah, tidak kira sama ada manusia, haiwan maupun tumbuh-tumbuhan semuanya tidak akan dapat hidup tanpa air. Bagi manusia pula, air bukan sahaja merupakan keperluan asasi dalam kehidupan sehari-hari, bahkan air berkait rapat dengan perkara-perkara ibadat seperti menyucikan diri daripada hadas kecil atau hadas besar. Dengannya kita dapat menunaikan ibadat seperti berwuduk, bersembahyang, membaca Al-Quran dan sebagainya.

Oleh yang demikian, dengan nikmat air yang kita terima itu, kita wajiblah bersyukur dengan mengamalkan sikap berjimat cermat ketika menggunakaninya. Bayangkan sahaja kesukaran yang berlaku setiap kali bekalan air ditutup atau dengan sebab-sebab lain seperti kemarau, paip air rosak dan yang seumpamanya. Rutin kehidupan harian seseorang pasti akan terganggu dan terjejas. Dalam menghadapi keadaan begini, sebagai pengguna kita hendaklah meningkatkan kesabaran dan menyedari bahawa semua ini adalah ujian dan ketentuan daripada Allah Subhanahu Wata’ala juga.

Dalam menjalani aktiviti harian seperti penyediaan makanan, minuman, memasak, mencuci, menyiram tanaman, mandi, bersuci dan sebagainya. Elakkankah penggunaan air secara berlebihan dan membazir, kerana ia boleh merugikan individu maupun negara.

Sebagai pengguna, kita seharusnya peka, prihatin serta bertanggungjawab dan memberikan kerjasama dalam menangani pembaziran air seperti melapor dengan segera kepada pihak-pihak tertentu jika berlaku kebocoran paip air dan seumpamanya.

Selain itu, sebagai pengguna yang bertanggungjawab, kita hendaklah mengambil perhatian yang sewajarnya dengan memantau penggunaan air, menjelaskan setiap tuntutan bil-bil dalam tempoh yang ditetapkan. Jangan dilalaikan, kerana ia akan membuatkan jumlah tuntutan semakin meningkat dan akhirnya menjadi beban dan tanggungan hutang yang banyak.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Jiwa orang mukmin terhalang oleh hutangnya sehingga hutang itu dibayar.” Riwayat Ibnu Majah.

Akhirnya, marilah kita menggunakan air mengikut kadar keperluan sahaja dan dengan demikian akan dapat membantu dan mengurangkan perbelanjaan kerajaan untuk membersih, merawat dan membekalkan air bagi kita gunakan setiap hari dan dengannya juga akan dapat mengurangkan jumlah tuntutan bil air kita pada setiap bulan. Di samping itu, sama-sama kita mensyukuri dan menghargai segala nikmat yang telah dikurniakan Allah Subhanahu Wata’ala dan berdoa mudah-mudahan nikmat tersebut berkekalan dan terus kita nikmati sepanjang hayat. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-Waqi’ah ayat 68 -70, tafsirnya:

“Tidakkah kamu memerhatikan air yang kamu minum? Adakah kamu yang menurunkannya dari awan (sebagai hujan) atau Kami yang menurunkannya? Kalau Kami menghendaki Kami menjadikan ia masin, maka mengapakah kamu tidak bersyukur?”

Tuntutan mendirikan sembahyang fardu

Keluaran Pelita Brunei 30 Mac 2019

MARILAH kita bertakwa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya iaitu dengan mentaati Allah dan Rasul-Nya. Berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beroleh kejayaan, keselamatan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Sekarang kita berada di bulan Rejab yang mencatatkan satu sejarah penting bagi seluruh umat Islam kerana pada bulan yang mulia inilah berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Oleh itu, apabila menjelang 27 Rejab pada kelazimannya negara kita akan mengadakan majlis-majlis sambutan Israk dan Mikraj dengan tujuan memperingati peristiwa agung tersebut.

Israk dan Mikraj adalah antara mukjizat terbesar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam selain dari kitab suci Al-Quran. Dalam peristiwa tersebut Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah diisrakkan atau diperjalankan dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjid Aqsa di Palestin dan kemudian dimikrajkan atau dinaikkan ke langit menuju Sidratul Muntaha.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra' ayat 1 tafsirnya:

"Maha suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan roh dan jasadnya) pada malam hari dari Masjidil Haram (di Mekah) ke Masjidil Aqsa (Baitul Maqdis di Palestin), yang Kami berkati sekelingnya supaya Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat."

Israk dan Mikraj merupakan peristiwa yang mengandungi banyak pengajaran dan iktibar kerana dalam peristiwa inilah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

diperlihatkan bermacam-macam kejadian aneh dan ganjil yang menunjukkan perilaku manusia berserta balasan yang mereka terima terhadap perbuatan yang mereka lakukan. Ketahuilah, banyak pengajaran yang terkandung di dalam peristiwa Israk dan Mikraj untuk direnungkan dan dihayati, antaranya ialah apabila Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam diperlihatkan segolongan manusia yang mengantuk kepalanya sendiri sehingga pecah, akan tetapi dalam keadaan sekelip mata, kepala mereka kembali seperti asalnya dan begitulah keadaannya yang terjadi secara berterusan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bertanya kepada Malaikat Jibril Alaihisalam, siapakah mereka itu? Dijawab oleh Malaikat Jibril Alaihisalam bahawa mereka itu adalah golongan umat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang melalui-lalaikan waktu sembahyang sehingga habis waktunya.

Sesungguhnya ibadat sembahyang adalah tanda ketaatan dan kesyukuran kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang telah melimpahkan berbagai-bagi nikmat dan rahmat. Ketahuilah, ibadat sembahyang adalah ibadat yang utama dan mula-mula sekali akan diperhitungkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala pada Hari Kiamat kelak. Oleh itu, jika seseorang itu sempurna ibadat sembahyangnya nescaya berbahagialah dan beruntunglah dia. Sebaliknya jika ibadat sembahyangnya tidak sempurna, maka akan rugi dan menyesallah dia kelak. Apatah lagi bagi mereka yang sengaja meninggalkan ibadat sembahyang itu, maka hukumnya adalah berdosa besar dan balasan bagi orang yang meninggalkan atau tidak mendirikan sembahyang itu adalah Neraka Saqr. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Muddatstsir ayat 42-43 tafsirnya:

(Mereka berkata:) "Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam Neraka Saqr?" Orang-orang yang berdosa itu berkata: "kami tidak termasuk dalam golongan orang-orang yang mendirikan sembahyang."

Sembahyang fardu lima waktu diwajibkan ke atas setiap orang Islam yang mencukupi syarat wajib sembahyang iaitu Islam, baligh, berakal dan suci. Tuntutan mendirikan sembahyang ke atas seseorang itu adalah wajib selagi akal fikirannya sedar dan waras, sekalipun dalam keadaan sakit atau berkelainan upaya, tidak ada alasan untuk meninggalkan sembahyang fardu. Cuma cara mendirikan

sembahyang sahaja berbeza mengikut keupayaan pesakit itu sendiri sama ada secara berdiri, duduk atau berbaring. Dari hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al- Bukhari, daripada Emran bin Al-Husin Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

“Sembahyanglah dengan berdiri, apabila tidak mampu maka duduklah dan apabila tidak mampu juga maka berbaringlah.”

Daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu bahawa dia telah bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengenai amalan yang disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala yang maksudnya:

“Apakah amalan yang lebih disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala? Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: sembahyang pada waktunya.” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Di dalam Al-Quran ada menyebutkan bahawa antara hikmah dan kebaikan yang diperoleh bagi mereka yang menjaga ibadat sembahyang itu ialah:

Pertama: Allah Subhanahu Wata'ala akan memberikan pertolongan pada hamba-hamba-Nya yang bersabar dan mendirikan sembahyang.

Kedua: Orang yang khusyuk dan menjaga sembahyang tergolong dalam golongan orang-orang yang berjaya yang akan mewarisi Syurga Firdaus.

Ketiga: Dengan sembahyang kita akan memperoleh sesuatu yang menggembirakan, menenangkan dan mententeramkan hati.

Keempat: Orang yang mendirikan sembahyang dengan sempurna akan terselamat daripada segala kelemahan, diangkat darjatnya kepada semulia-mulia makhluk dan ditempatkan di dalam syurga dengan diberi penghormatan.

Akhirnya, marilah kita berdoa dan beristiqamah untuk sentiasa mendirikan sembahyang fardu pada waktunya dan lebih utama serta lebih elok lagi mendirikan

sembahyang itu secara berjemaah di masjid. Mudah-mudahan kita semua akan mendapat ganjaran yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan sekali gus memperoleh rahmat dan terhindar daripada segala bala bencana dan marabahaya. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-Baqarah ayat 238 tafsirnya:

“Peliharalah (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) sembahyang fardu khasnya sembahyang wusta dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyuk.”

Mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dengan sentiasa bersyukur

Keluaran Pelita Brunei 6 April 2019

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan mengukuhkan keimanan kepada-Nya dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dengan berbekalkan iman dan takwa itu, mudah-mudahan kita sentiasa selamat di dunia dan selamat di akhirat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita hingga ke akhir hayat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nahl ayat 18 tafsirnya:

“Dan jika kamu menghitung nikmat Allah tentulah kamu tidak dapat menghitung banyaknya, sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.”

Khutbah Jumaat Bulan April 2019

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah mengurniakan nikmat yang tidak terkira dan tidak terhitung banyaknya kepada hamba-hamba-Nya. Kita telah dikurniakan nikmat akal untuk berfikir, dikurniakan nikmat anggota badan yang sihat untuk beribadat dan mencari rezeki yang halal lagi baik, dikurniakan nikmat keamanan, nikmat kesejahteraan dan nikmat kemakmuran dengan raja yang adil dan pengasih. Dengan kurniaan nikmat-nikmat tersebut, apakah yang perlu kita buat? Tidak lain dan tidak bukan ialah dengan sentiasa bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala bagi mengharapkan keredaan-Nya.

Apa itu syukur? Syukur itu adalah pujian, ingatan dan terima kasih kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas segala nikmat, rahmat, berkat dan taufik hidayah-Nya ke atas umat manusia. Sebagai umat Islam, kita mestilah memperbanyakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala. Ingatlah, Allah Subhanahu Wata'ala akan menambah lagi nikmat yang telah dikurniakan kepada hamba-hamba-Nya yang bersyukur, tetapi jika mereka mengkufuri nikmat, menderhaka serta meninggalkan segala suruhan-Nya dan melakukan segala larangan-Nya, maka buruklah balasannya di dunia dan juga di akhirat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim ayat 7 tafsirnya:

“Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya): Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras.”

Mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata’ala itu boleh dilakukan dengan pelbagai cara, antaranya melalui hati, lisan atau perbuatan.

- **Bersyukur dengan hati**, iaitu dengan mengiktiraf dan mengakui dengan sepenuhnya bahawa semua nikmat-nikmat tersebut adalah kurnia dan pemberian daripada Allah Subhanahu Wata’ala.

- **Bersyukur dengan lisan**, iaitu menzahirkan di dalam kehidupan seharian dengan selalu memuji Allah Subhanahu Wata’ala yang memberi nikmat dan memperbanyak mengucap syukur kepada-Nya. Daripada Samurah bin Jundub, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Perkataan yang paling disukai Allah itu ada empat, iaitu سُبْحَانَ اللَّهِ (Maha Suci Allah) dan وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ (segala puji bagi Allah) dan (tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah) dan وَاللَّهُ أَكْبَرُ (Allah Maha Besar).”
Riwayat Imam Muslim.

- **Bersyukur dengan perbuatan**, iaitu berlaku taat kepada Allah Subhanahu Wata’ala dan menggunakan segala nikmat-nikmat yang dikurniakan pada tempat dan jalan yang direndai-Nya seperti menginfakkan atau membelanjakan harta itu dengan bersedekah, berwakaf, membantu fakir miskin, anak-anak yatim, orang-orang yang memerlukan, berderma ke tabung masjid dan sebagainya. Jika kita dikurniakan nikmat berupa ilmu pengetahuan maka amalkan dan ajarkanlah kepada orang lain sebagai ilmu jariah. Jika kita dikurniakan nikmat berupa pangkat kebesaran, kuasa atau kedudukan maka gunakanlah ia dengan sebaik-baiknya, jangan disalahgunakan untuk mengambil kesempatan, menindas dan menzalimi orang lain. Gunakanlah untuk jalan kebaikan dan kebijakan serta untuk mencegah kemungkaran. Ingatlah, bahawa setiap perbuatan yang kita lakukan pasti akan diperhitungkan dan dipertanggungjawabkan di hari kandila kelak.

Mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata’ala itu boleh menyelamatkan kita daripada azab dan bala bencana. Di dalam Al-Quran telah banyak menceritakan tentang kisah umat terdahulu yang telah menerima segala nikmat kesenangan dan kemewahan, akan tetapi mereka telah ingkar, tidak bersyukur dan menderhaka kepada Allah Subhanahu Wata’ala.

Jadikanlah iktibar dan pengajaran kisah penduduk Negeri Saba’ yang telah dilimpahi nikmat kemewahan, kesejahteraan dan kemakmuran. Mereka telah diingatkan oleh Rasul-rasul yang didatangkan kepada mereka untuk mensyukuri nikmat yang dikurniakan dengan cara beribadat dan mengesakan Allah Subhanahu Wata’ala. Akan tetapi, mereka telah mendustakan Rasul-rasul-Nya dan melakukan kemungkaran. Oleh itu, nikmat kesejahteraan dan kemakmuran yang mereka nikmati di negeri mereka telah dicabut oleh Allah Subhanahu Wata’ala akibat mereka tidak bersyukur dan negeri mereka telah ditimpakan bencana berupa banjir besar sebagai satu peringatan dan pengajaran.

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Saba ayat 16-17 tafsirnya:

“Maka mereka berpaling ingkar lalu Kami menghantarkan kepada mereka banjir besar dan Kami menggantikan dua buah kebun mereka itu dengan kebun (yang ditumbuh) pohon-pohon yang pahit buahnya dan pohon Atsl (sejenis pohon cemara yang jarang berbuah) serta sedikit pohon bidara. Demikianlah Kami membalas mereka dengan sebab kekufuran mereka dan sebenarnya Kami tidak menimpakan balasan yang demikian melainkan kepada orang-orang yang sangat kufur.”

Alhamdulillah, kita bersyukur bahawa rakyat dan penduduk di negara ini sentiasa di dalam nikmat, inayah dan rahmat Allah Subhanahu Wata’ala di bawah pimpinan raja kita, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sesungguhnya nikmat keamanan, nikmat kesejahteraan dan nikmat kemakmuran yang berpanjangan di bumi Darussalam ini tidak datang dengan sendirinya bahkan ia adalah rahmat dan berkat daripada Allah Subhanahu

Wata'ala kerana negara kita telah menegakkan serta meletakkan agama Islam dan hukum-hukum Allah Subhanahu Wata'ala di tempat yang teratas, manakala segala amalan yang bertentangan dengan akidah dan perbuatan yang berlawanan dengan syariat Islam dibanteras dan dihindarkan.

Kita juga menzahirkan rasa syukur atas nikmat yang telah dikurniakan ini dengan menjadikan negara ini sebagai sebuah Negara Zikir yang sentiasa mengingati dan mendahului Allah Subhanahu Wata'ala dalam apa jua tindak-tanduk yang diambil, sentiasa menyebut dan mengamalkan ajaran Allah Subhanahu Wata'ala dalam segenap bidang kehidupan. Ini bertepatan dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Selain itu, sambutan Hari-hari Kebesaran Islam dan acara-acara keagamaan di negara ini juga disambut dan diraikan secara besar-besaran di peringkat negara seperti Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah, Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan, Majlis Sambutan Israk dan Mikraj dan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran. Semua ini adalah semata-mata untuk mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala yang membawa kepada keberkatan, kesejahteraan, keteguhan beragama, berbangsa dan bernegara.

Akhirnya, marilah kita sentiasa bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas segala nikmat keamanan, nikmat kesejahteraan dan nikmat kemakmuran yang berpanjangan, yang telah dikurniakan di bumi Darussalam yang bertuah ini. Sama-sama lah kita berdoa:

“Ya Tuhanku, berilah aku ilham untuk tetap mensyukuri nikmat-Mu yang telah Engkau anugerahkan kepada kami dan kepada kedua ibu bapa kami dan untuk mengerjakan amal soleh yang Engkau redai, dan masukkanlah kami dengan rahmat-Mu ke dalam golongan hamba-hamba-Mu yang soleh. Aamiin Ya Rabbal Alamin.”

Surah An-Nisa' ayat 147 tafsirnya:

“Tiadalah Allah akan mengazab kamu sekiranya kamu bersyukur dan beriman. Dan Allah adalah sentiasa membala dengan sebaik-baiknya lagi Maha Mengetahui (orang-orang yang bersyukur kepada-Nya).”

Melayu Islam Beraja: Jiwa raga Brunei

Keluaran Pelita Brunei 13 April 2019

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya serta beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hajj ayat 41 tafsirnya:

“(Iaitu) mereka (umat Islam) yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang dan membayar zakat serta mereka menyuruh (berbuat) yang makruf dan melarang daripada (mengerjakan) yang mungkar. Dan kepada Allah jualah kesudahan segala urusan.”

Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara Islam yang berdaulat dan merdeka, berkonsepkan Melayu Islam Beraja ini telah menjulang, mengukuhkan dan mendaulatkan agama Islam di tempat yang teratas sebagai teras atau dasar kedaulatan bangsa dan negara. Sesungguhnya konsep Melayu Islam Beraja telah diterapkan di dalam pentadbiran, pengurusan, undang-undang negara, pembangunan negara, pendidikan dan dalam kehidupan sehari-hari rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi Darussalam ini.

Melalui konsep itu pegangan ini, pembangunan dan kemajuan negara sentiasa berada di landasan yang benar kerana konsep ini sentiasa menegakkan prinsip-prinsip dan nilai-nilai Islam yang melindungi agama, nyawa, harta benda, kehormatan, akal dan keturunan iaitu Maqasid Syariah yang berlandaskan Al-Quran dan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sesungguhnya pegangan ini memperkuatkan lagi perpaduan di kalangan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Ketahuilah agama Islam sangat menggalakkan umatnya untuk sentiasa berpegang teguh dengan tali atau

agama Allah dan menghindarkan dari berlakunya perpecahan dalam masyarakat dan negara.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran ayat 103 tafsirnya:

“Dan berpegang teguhlah kamu kepada tali (agama) Allah dan janganlah kamu bercerai-berai dan ingatlah nikmat Allah kepada kamu ketika bermusuh-musuhan (semasa jahiliah dahulu) lalu Allah menyatukan antara hati kamu (dengan nikmat agama Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat-Nya itu (orang-orang Islam yang) bersaudara. Dan dahulunya kamu berada di tepi jurang neraka lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya (dengan sebab nikmat Islam). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya supaya kamu mendapat hidayah.”

Melayu Islam Beraja atau disebut juga MIB adalah jiwa raga Brunei, janganlah ia dilihat dengan kaca mata atau pandangan yang biasa sahaja. Setiap orang perlu memahami dan menyedari bahawa konsep Melayu Islam Beraja itu sangat luas pengertiannya dan dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala juga konsep ini dapat meneguhkan dan menjamin kesejahteraan, kemaslahatan serta kebajikan seluruh lapisan masyarakat di negara ini tanpa mengira darjah, keturunan maupun agama. Baru-baru ini sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah menegaskan bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang molek, yang sentiasa mementingkan ibadat kepada Allah. Ia dipandu oleh sistem MIB yang telah pun berjalan sekian lama sejak ratusan tahun lagi.

Sistem ini berkewajipan untuk memelihara dan menjamin semua hak rakyat dan penduduk tanpa mengira puak dan pegangan mereka. Inilah MIB, konsep keramat yang telah berjaya menjelmakan sebuah negara yang adil lagi bahagia, yang hidup di dalamnya sebuah komuniti yang bersatu padu. Sistem MIB juga telah terbukti amat mesra kepada dunia, sehingga siapa sahaja yang datang berkunjung ke negara

ini akan beroleh pengalaman manis, dapat menikmati suasana aman dan harmoni serta layanan yang sebaik-baiknya. Inilah hakikat Brunei, negara MIB, di mana selain dari itu, ia bukanlah Brunei. Demikian baginda bertitah.

Sebagai rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi yang bertuah ini, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk mengetahui, memahami, menghayati dan mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja di dalam kehidupan kita sehari-hari kerana konsep ini bukannya hanya dilihat dari segi penampilan luaran sahaja bahkan apa yang paling penting ialah nilai-nilai Melayu Islam Beraja itu mencalak atau meresap ke dalam jiwa raga, tingkah laku, tabiat, sifat, pemikiran, sahsiah rakyat dan penduduk negara ini. Ingatlah, Melayu Islam Beraja itu adalah calak Brunei atau cara hidup bangsa Brunei. Janganlah dibiarkan Melayu Islam Beraja itu pudar atau dipudarkan oleh sebarang pengaruh atau anasir dan ideologi atau fahaman dari luar.

Bagi mengukuhkan lagi syiar Islam di bumi Darussalam ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berhasrat agar negara ini menjadi sebuah negara yang sentiasa berhias dengan zikir iaitu sentiasa mengingati dan mendahului Allah Subhanahu Wata'ala, sentiasa menyebut dan mengamalkan ajaran Allah Subhanahu Wata'ala dalam segenap bidang kehidupan. Ingatlah, keamanan dan kesejahteraan bermasyarakat dan bernegara itu akan lebih berkesan apabila penghuni di sesebuah negara itu sentiasa berzikir mengingati Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 152 tafsirnya:

“Maka ingatlah kamu kepada-Ku (dengan melakukan sembahyang, berzikir dan lain-lain perbuatan taat) nescaya Aku akan mengingati kamu. Dan bersyukurlah kepada-Ku (dengan taat mengerjakan suruhan-Ku) dan janganlah kamu mengingkari-Ku (dengan berbuat derhaka dan maksiat).”

Inilah konsep Negara Zikir di samping menjadikannya sebagai satu amalan dan pegangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam bagi mensyukuri akan

segala nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di bumi bertuah ini.

Sesungguhnya konsep Melayu Islam Beraja adalah tunjang kekuatan negara dan jiwa raga Brunei. Oleh itu apa pun juga cabaran yang bakal kita tempuh dan hadapi, kita mestilah sentiasa menempuhinya dengan semangat juang dan jiwa yang kental serta tidak mudah mengalah kepada sebarang ugutan atau ancaman dengan menguatkan lagi keimanan dan ketakwaan kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala Yang Maha Berkuasa.

Mudah-mudahan dengan demikian, negara kita akan sentiasa dalam rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala serta terhindar dari sebarang mara bahaya, bala bencana, musibah dan malapetaka. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Surah Ali- 'Imran ayat 26 tafsirnya:

“Katakanlah (wahai Nabi Muhammad): Ya Allah Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkau yang memberikan kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkaukehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan tersebut daripada sesiapa yang Engkaukehendaki. Dan Engkau jugalah yang memuliakan sesiapa yang Engkaukehendaki, dan Engkaulah yang menghinakan sesiapa yang Engkaukehendaki. Dengan kekuasaan-Mu jualah adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.”

Nikmat syurga

Keluaran Pelita Brunei 20 April 2019

MARILAH kita sama-sama mengukuhkan iman dan takwa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dengan berbekalkan iman dan takwa itu, mudah-mudahan kita sentiasa selamat di dunia dan selamat di akhirat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus menetapkan dan meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita hingga ke akhir hayat.

Kehidupan di dunia ini hanyalah bersifat sementara dan yang kekal selamanya adalah kehidupan di akhirat. Allah Subhanahu Wata'ala telah menjanjikan kepada hamba-hamba-Nya bahawa barang siapa yang mencari keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, maka mereka akan memperoleh kegembiraan di akhirat kelak, iaitu dimasukkan ke dalam syurga yang kekal abadi. Syurga adalah tempat balasan baik yang disediakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya yang beriman, beramal dan bertakwa dengan mengerjakan segala amal soleh dan meninggalkan perkara yang keji atau mungkar.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hajj ayat 14 tafsirnya:

“Sesungguhnya Allah akan memasukkan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan salih ke dalam syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Sesungguhnya Allah melakukan apa yang dikehendaki-Nya.”

Ketahuilah syurga yang dimaksudkan itu di dalamnya dipenuhi dengan pelbagai nikmat, iaitu nikmat yang tidak pernah dilihat oleh mata, tidak pernah didengar oleh telinga dan tidak pernah terlintas oleh hati dan tidak pernah terbayang oleh akal fikiran. Penghuni syurga sentiasa kekal dalam keadaan muda umurnya, tiada ditimpa penyakit dan tidak lagi ada kematian. Di dalamnya disediakan pelbagai mahligai, istana, sungai-sungai yang mengalir, perhiasan, kebun, bidadari dan

pelbagai lagi nikmat yang tidak terlintas di hati.

Sebelum masuk ke syurga, penghuni-penghuninya akan melalui pintu-pintu syurga terlebih dahulu. Pintu-pintu ini ada bermacam-macam pula jenisnya dan mempunyai pintu yang dikhususkan untuk golongan tertentu, antaranya:

Pertama: Babul Yamin pintu masuk sebelah kanan tempat masuknya orang tanpa hisab.

Kedua: Babul Jihad tempat masuknya para Syuhada, iaitu mereka yang mati dalam mempertahankan agama Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketiga: Babul Taubah tempat masuknya orang-orang yang bertaubat.

Keempat: Babul Solah tempat masuknya orang yang sembahyang.

Kelima: Babul Hajj tempat masuknya orang yang mengerjakan haji.

Keenam: Babul Rayyan tempat masuknya orang yang berpuasa.

Ketujuh: Babul Sedekah tempat masuknya orang yang bersedekah, iaitu menyedekahkan hartanya pada jalan Allah.

Kelapan: Babul Redha tempat masuknya bagi orang yang menghalalkan dan memaafkan orang yang berhutang.

Perkara ini jelas dinyatakan sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari: Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahwa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

“Sesiapa yang menafkahkan hartanya di jalan Allah, ia kelak akan diseru dari pintu-pintu syurga: Wahai hamba Allah: Ini adalah suatu kebaikan yang disediakan untukmu. Maka sesiapa yang daripada kalangan ahli sembahyang akan diseru dari Pintu Sembahyang. Sesiapa yang daripada kalangan ahli jihad akan diseru dari Pintu Jihad. Sesiapa yang dari kalangan ahli puasa akan diseru

dari Pintu Rayyan. Sesiapa yang dari kalangan ahli sedekah akan diseru dari Pintu Sedekah. Lalu Abu Bakar Radiallahuanhu berkata: Demi bapa dan ibuku ya Rasulullah, tidaklah ada sebarang darurat ke atas orang yang diseru dari pintu-pintu tersebut untuk masuk melalui kesemuanya, maka apakah ada orang yang akan diseru dari kesemua pintu-pintu itu? Jawab Baginda: Ya, dan aku berharap engkau termasuk daripada kalangan mereka.”

Sesungguhnya syurga itu pula mempunyai tingkatannya yang tersendiri dalam setiap tingkat berbeza-beza mengikut amalan masing-masing ketika berada di dunia. Antara nama-nama tingkatan syurga yang disebut dalam Al-Quran ialah Jannatul Firdaus, Jannatun Na'im, Jannatul Ma'wa, Jannatul 'Adn, Jannatul Khuldi, Jannatu Darussalam dan Jannatu Daruljalal. Adapun tingkatan syurga yang paling tinggi darjatnya adalah 'Jannatul Firdaus'. Siapakah penghuni Jannah Firdaus?

Di dalam Al-Quran, Surah Al-Mu'minun, ayat 1 hingga 11 ada menyebutkan tujuh ciri-ciri orang yang menghuni Syurga Firdaus. Mereka adalah orang yang khusyuk dalam menunaikan sembahyang, orang yang memelihara diri daripada perbuatan yang sia-sia, orang yang menunaikan zakat, orang yang menjaga kehormatan dan menjauhkan diri daripada mendekati zina, orang yang melaksanakan amanah dan menunaikannya dengan baik, orang yang memenuhi janji dan orang yang menjaga ibadat sembahyang. Ketahuilah, nikmat yang paling besar di dalam syurga adalah penghuninya dapat melihat Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Qiamah ayat 22-23 tafsirnya:

“Pada hari itu muka (orang-orang yang beriman) berseri-seri. Melihat kepada Tuhan-Nya.”

Hidup ini hanyalah sementara, setiap yang bermula pasti akan berakhir dan setiap yang hidup pasti akan mati. Persoalannya sekarang dengan kematian itu apakah amalan kita di dunia ini sudah mencukupi untuk melayakkan kita masuk ke dalam syurga? Tepuk dada tanyalah iman. Oleh itu, selagi kita masih dipinjamkan nafas, dipanjangkan usia, diberi nikmat kesihatan, masa, tenaga dan seumpamanya, maka

tingkatkanlah amal ibadat dan usaha untuk mencari keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dan meraih nikmat syurga yang dijanjikan. Janganlah kita menjadi orang yang rugi dan menyesal di hari kandila. Akhirnya, sama-sama lah kita berdoa semoga kita dan keluarga menjadi orang-orang yang beriman, bertakwa dan beramal soleh serta selamat daripada azab neraka dan seterusnya tergolong dalam kalangan ahli syurga. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah dalam Surah Al-Baiyinah ayat 7-8 tafsirnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan salih, mereka itu adalah sebaik-baik makhluk. Ganjaran mereka di sisi Tuhan ialah syurga-syurga ‘Adn yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Allah reda terhadap mereka dan mereka pula reda terhadap-Nya. Yang demikian itu ialah (ganjaran) bagi orang yang takut kepada Tuhan-Nya.”

Mencari rezeki yang halal dan diberkati Allah Subhanahu Wata'ala

Keluaran Pelita Brunei 27 April 2019

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Serta sentiasalah kita berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya, selamat dan bahagia di dunia dan di akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Qashash ayat 77 tafsirnya:

“Dan carilah (pahala) negeri akhirat dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu dan janganlah engkau melupakan bahagianmu daripada (kenikmatan) di dunia. Dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu serta janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melakukan kerosakan.”

Sesungguhnya agama Islam menyeru umatnya agar sentiasa mempertingkatkan usaha dalam membuat ibadat dan amal kebajikan. Di samping itu, agama kita juga tidak melarang umatnya mencari kenikmatan di dunia dengan cara yang baik seperti mencari rezeki dengan berbagai-bagai usaha daripada sumber-sumber yang halal.

Ingatlah, dalam mencari rezeki bagi memenuhi keperluan hidup sehari-hari seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan-keperluan lain sama ada untuk diri sendiri mahupun untuk orang yang berada di bawah tanggungan. Rezeki tersebut hendaklah daripada sumber yang halal lagi baik supaya ia sentiasa diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala daripada hadis Qudsi yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

“Wahai sekalian manusia, sesungguhnya Allah itu baik. Allah tidak akan menerima sesuatu melainkan daripada yang halal. Dan sesungguhnya Allah telah memerintahkan kepada orang-orang mukmin seperti yang diperintahkan kepada para rasul.” Firman-Nya: “Wahai para Rasul! Makanlah makanan yang baik-baik (halal) dan kerjakanlah amal soleh. Sesungguhnya Aku Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan. Dan Allah juga berfirman: Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah rezeki yang baik-baik yang telah Kami rezekikan kepadamu. Kemudian Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menceritakan tentang seorang laki-laki yang telah menempuh perjalanan jauh, sehingga rambutnya kusut masai dan berdebu. Orang itu mengangkat tangannya ke langit lalu berdoa: Wahai Tuhanku, Wahai Tuhanku. Pada hal, makanannya dari barang yang haram, minumannya dari yang haram, pakaiannya dari yang haram dan diberi makanan dari yang haram, maka bagaimakah Allah akan memperkenankan doa-doanya?”

Kita hendaklah memastikan bahawa rezeki yang diperolehi itu betul-betul halal dan cara mendapatkan rezeki itu juga hendaklah dengan cara yang baik iaitu berlandaskan hukum-hukum syarak, mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan. Jauhilah perbuatan menipu, berlaku zalim, menindas, merampas, berlaku khianat, riba, rasuah dan sebagainya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu telah berkata ia: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Akan ada suatu zaman pada umat manusia yang seseorang itu tidak lagi mempedulikan apa yang diambilnya (rezeki yang diterima olehnya) apakah dari yang halal atau dari yang haram.” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Ingatlah, setiap rezeki yang kita peroleh daripada jalan yang salah atau syubhab iaitu yang diragui kehalalannya boleh memberi kesan yang tidak baik, sama ada kepada diri kita sendiri mahupun keluarga.

Dalam kita mencari rezeki yang halal lagi baik, kita hendaklah juga mementingkan aspek keselamatan diri semasa bekerja dan tidak boleh melakukan perbuatan yang memudaratkan diri sendiri dan orang lain. Daripada Abu Sa'id

Al-Hudri Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“Tidak boleh melakukan perbuatan yang memudaratkan diri sendiri dan orang lain.” Riwayat Ibnu Majah.

Sesungguhnya agama Islam amat menitikberatkan umatnya agar tidak melakukan perbuatan yang memudaratkan kepada diri sendiri dan juga menyebabkan kemudaratian terhadap orang lain. Begitu juga dalam pekerjaan sehari-hari, kita hendaklah sentiasa bekerja dengan cara yang selamat dan sihat. Berdasarkan statistik kemalangan industri pembinaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, pada tahun 2017 terdapat 104 kes kemalangan di tapak pembinaan telah direkodkan seperti terjatuh dari tempat yang tinggi, tertimpa benda atau jentera berat, terkena mesin atau peralatan kerja dan seumpamanya. Daripada jumlah tersebut sebanyak tujuh kes telah menyebabkan kematian kepada pekerja manakala selebihnya adalah cedera parah dan cedera ringan. Manakala pada tahun 2018, terdapat empat kes kematian pekerja di tapak pembinaan yang disebabkan jatuh dari tempat yang tinggi semasa bekerja.

Sebagai ketua atau majikan hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan bertanggungjawab kepada pekerja-pekerjanya seperti berikut:

Pertama: Memastikan dan mengutamakan aspek keselamatan, kesihatan dan kebajikan kepada semua pekerjanya di tempat kerja.

Kedua: Majikan hendaklah mengambil peduli serta memastikan langkah-langkah yang selamat bagi mengelakkan bahaya kepada pekerjanya dan juga orang awam.

Ketiga: Majikan hendaklah menyediakan dan menyelenggara persekitaran tempat kerja agar selamat dan tiada risiko kepada kesihatan pekerja.

Keempat: Majikan hendaklah memastikan langkah-langkah keselamatan telah diambil bagi penggunaan mesin-mesin, peralatan, jentera serta apa juga proses

kerja yang dibuat oleh pekerja.

Kelima: Setiap majikan hendaklah menyediakan arahan yang cukup, maklumat-maklumat, latihan serta pengawasan kerja yang sepatutnya dalam apa jua pekerjaan yang dibuat oleh pekerja. Sebagai pekerja pula hendaklah sentiasa memberikan kerjasama dengan mematuhi perintah dan peraturan yang telah ditetapkan dengan menggunakan apa jua alat perlindungan diri dan peralatan keselamatan semasa bekerja.

Akhirnya, sama-sama kita meningkatkan usaha dengan sentiasa mengikuti langkah-langkah keselamatan dan berwaspada dalam melakukan pekerjaan sehari-hari. Budayakanlah cara bekerja yang selamat dan sihat. Marilah kita berdoa semoga apa jua usaha dan pekerjaan yang kita lakukan adalah dari hasil pendapatan rezeki yang halal lagi baik. Mudah-mudahan dengan demikian kita akan mendapat keredaan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata’ala. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Surah An-Nahl ayat 114 tafsirnya:

“Maka makanlah yang halal lagi baik daripada rezeki yang Allah telah kurniakan kepada kamu (wahai orang-orang yang beriman) dan syukurilah nikmat Allah itu jika benar kamu hanya beribadat kepada-Nya.”

Khutbah Jumaat Bulan Mei 2019

Kekukuh dan kesejahteraan keluarga harapan bersama

Keluaran Pelita Brunei 4 Mei 2019

MARILAH kita bertakwa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya, iaitu dengan mentaati Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya. Berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya, selamat dan bahagia di dunia dan di akhirat.

Agama Islam adalah agama yang syumul, iaitu agama yang lengkap yang merangkumi semua aspek kehidupan termasuklah aspek kehidupan berkasih sayang sesama manusia dan makhluk lain di muka bumi ini. Sifat kasih sayang adalah fitrah semula jadi yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan dalam naluri setiap insan. Dan sifat kasih sayang ini adalah salah satu sifat yang amat penting dalam membina sebuah keluarga yang kukuh, bahagia dan harmoni. Dengan sifat kasih sayang juga boleh melahirkan sebuah bangsa, masyarakat dan negara yang aman damai dan sejahtera.

Sesungguhnya hubungan sebuah keluarga itu bergantung kepada ikatan mesra dan kasih sayang antara ibu bapa, anak-anak dan ahli-ahli keluarga yang lain. Oleh itu, membina kasih sayang sesama ahli keluarga adalah tunjang utama bagi mencapai kebahagiaan dan keharmonian hidup dan akan tetap terpelihara sepanjang masa. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Daripada Jabir bin Abdullah Radiallahuanhu katanya: Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Barang siapa tidak menyayangi manusia, Allah tidak akan menyayanginya.”

Hadis tersebut jelas menganjurkan umat Islam supaya hidup berkasih sayang dengan sentiasa memelihara hubungan keluarga dan persaudaraan. Perlu diketahui, keluarga adalah institusi terpenting bagi sebuah masyarakat kerana dari sinilah lahirnya individu yang bakal menjadi tulang belakang kepada pembangunan dan

kejayaan sesebuah bangsa dan negara. Sesungguhnya keluarga yang kukuh dan mantap itu dapat menjamin kesejahteraan hidup bermasyarakat dan bernegara. Oleh yang demikian, setiap anggota keluarga mempunyai tanggungjawab masing-masing yang mesti dipikul dan ditunaikan demi kejayaan dan kemantapan sesebuah institusi keluarga.

Dalam sesebuah keluarga, suami adalah pemimpin atau ketua dalam keluarganya. Suami memikul amanah dan tanggungjawab yang sangat besar yang tidak boleh diabaikan, iaitu menjaga isteri dan anak-anak supaya mereka beroleh kebahagiaan, keselamatan dan kejayaan di dunia dan di akhirat. Manakala isteri pula bertanggungjawab menjaga rumah tangga, membantu suami dan bekerjasama dalam mendidik anak-anak berlandaskan ajaran agama Islam. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Abdullah bin Umar Radiallahuanhu berkata ia, aku telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Seorang lelaki adalah pemimpin dalam urusan keluarganya dan dia akan diminta bertanggungjawab dalam kepimpinannya. Dan seorang isteri adalah pemimpin dalam mengurus rumah tangga suaminya dan dia akan diminta bertanggungjawab dalam kepimpinannya.”
Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Bagi mencapai keharmonian dan kemantapan sesebuah institusi keluarga, ia hendaklah dibentuk berlandaskan ajaran Al-Quran dan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta dibina atas dasar takwa kepada Allah Subahanhu Wata’ala. Oleh itu, ibu bapa bertanggungjawab memastikan akidah dan akhlak ahli keluarga tidak bercanggah dengan ajaran agama Islam. Ibu bapa hendaklah menjadi contoh teladan yang baik kepada anak-anak mereka dengan memberikan tarbiah, bimbingan dan nasihat kepada anak-anak mereka sejak dari kecil lagi berlandaskan ajaran agama Islam supaya akidah dan iman mereka terus teguh dan mantap serta tidak akan diganggu gugat oleh sebarang unsur kemungkaran dan kezaliman. Firman Allah Subahanhu Wata’ala dalam Surah Luqman ayat 13 tafsirnya:

“Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa dia memberi pengajaran kepadanya: Wahai anakku! Janganlah engkau mempersekuat Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar.”

Ketahuilah, keluarga yang tidak dibentuk berlandaskan ajaran agama Islam boleh sahaja terdedah kepada berbagai-bagai masalah antaranya seperti penyalahgunaan dadah, penganiayaan, pergaulan bebas, sumbang mahram dan pelbagai lagi masalah sosial. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk terus berusaha sedaya upaya untuk membentuk sesebuah keluarga yang bahagia dan harmoni dengan berpandukan ajaran-ajaran agama Islam, antaranya:

Pertama: Menanamkan keimanan yang kukuh dan nilai-nilai Islam dalam keluarga. Apabila kita sudah memiliki iman yang kukuh dan menanamkan perasaan cinta kepada Islam, maka dengan sendirinya ia akan menghasilkan sifat bertanggungjawab dalam diri dengan sering melakukan kebaikan dan sentiasa berwaspada supaya tidak terjerumus dengan perbuatan dosa dan maksiat.

Kedua: Memahami tanggungjawab dan amanah yang dipikul. Sebagai ibu bapa atau penjaga, mereka berperanan membimbing dan mendidik anak-anak dengan nilai-nilai murni dengan menunjuk ajar dan memberikan contoh teladan yang baik.

Ketiga: Nasihat-menasihati dan memberi sokongan secara bijaksana. Jika kita dapati anak-anak atau ahli keluarga kita melakukan kesalahan, maka nasihatilah dan bimbinglah mereka dengan penuh bijaksana dan kesabaran. Elakkan dari menggunakan kata-kata kesat yang boleh menjatuhkan semangat dan maruah mereka. Dendarlah keluhan dan pandangan mereka agar mereka berasa dihargai dan disayangi. Berikanlah sokongan dan dorongan agar mereka terus mencapai kejayaan hidup di dunia dan di akhirat.

Keempat: Memupuk kasih sayang yang berpanjangan. Kita hendaklah

menjaga dan mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan anggota keluarga dengan memastikan suasana hubungan kekeluargaan sentiasa ceria, mesra, saling hormat-menghormati dan sayang-menayangi sesama ahli keluarga.

Kini kita telah berada di penghujung bulan Syaaban, ini bermakna tidak lama lagi kita akan memasuki bulan Ramadan yang amat dinanti-nantikan oleh seluruh umat Islam. Sesungguhnya bulan Ramadan adalah bulan yang penuh dengan keberkatan, rahmat dan keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, bulan yang dibukakan pintu-pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka dan syaitan-syaitan dibelenggu. Pada bulan inilah umat Islam diwajibkan untuk berpuasa.

Sesungguhnya ibadat puasa dan amal ibadat yang dilaksanakan di bulan Ramadan telah dijanjikan dengan ganjaran yang berlipat kali ganda oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, rebutlah peluang tersebut dengan melaksanakan kewajipan berpuasa dengan sempurna dan perbanyakkanlah amal ibadat di bulan Ramadan seperti membaca Al-Quran, bersedekah, mengeluarkan zakat, berselawat, berzikir, beristighfar, menunaikan sembahyang-sebahyang sunat terutamanya Sembahyang Sunat Tarawih dan Sunat Witir, qiamullail dan sebagainya.

Di bulan Ramadan inilah juga masa yang tepat untuk kita memupuk dan membina kasih sayang dan keharmonian sesebuah keluarga. Antaranya dengan mengajak anak-anak dan ahli keluarga berbuat amal kebaikan dan ibadat-ibadat yang lain secara berjemaah seperti mendirikan sembahyang fardu, sembahyang sunat, bertadarus Al-Quran, berbuka puasa, bersahur dan seumpamanya. Semua itu eloklah dilakukan secara berjemaah atau beramai-ramai yang sudah setentunya dapat mengukuhkan lagi hubungan silaturahim sesama keluarga, di samping mendapat berkat dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sama-sama lah kita berazam untuk mengisi masa dan ruang yang ada di bulan Ramadan ini nanti dengan melakukan perkara-perkara yang baik dan berkebaikan bagi merebut dan meraih pahala yang berlipat ganda yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala mempertemukan kita dengan bulan Ramadan yang bakal menjelang ini. Mudah-mudahan dengan tibanya Ramadan pada tahun ini, kita akan dapat melaksanakan segala amal ibadat

dengan baik dan sempurna serta diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Surah An-Nahl ayat 97 tafsirnya:

“Sesiapa yang mengerjakan amalan yang salah sama ada laki-laki atau perempuan sedang dia orang yang beriman maka sesungguhnya Kami sudah tentu akan menghidupkannya dengan kehidupan yang baik dan Kami sudah tentu akan mengurniakan mereka dengan ganjaran yang lebih baik daripada apa yang mereka telah kerjakan.”

Amalan-amalan yang digalakkan di bulan Ramadan

Keluaran Pelita Brunei 11 Mei 2019

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sentiasalah kita berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya, selamat dan bahagia di dunia dan di akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 183 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertakwa.”

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana diberi peluang lagi pada tahun ini untuk bertemu bulan Ramadan yang mulia, bulan yang penuh dengan keberkatan dan kerahmatan. Di bulan inilah, kita berpeluang melipat-gandakan lagi amal ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala sama ada ibadat fardhu mahupun ibadat sunat. Oleh itu, alangkah beruntungnya orang-orang yang merebut peluang untuk memperbanyakkan amal ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan meraih ganjaran yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di bulan ini, dengan menggandakan usaha untuk beramal ibadat dan amatlah rugi bagi mereka yang mensia-siakannya.

Menurut sebuah hadis Kудси, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

“Setiap amalan kebaikan yang dilakukan oleh anak Adam akan dilipatgandakan dengan sepuluh kebaikan hingga tujuh ratus kali ganda. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman yang tafsirnya: “Kecuali amalan puasa. Amalan puasa tersebut adalah untuk-Ku, Aku sendiri yang akan membalaunya. Disebabkan dia telah meninggalkan syahwat dan makanan kerana-Ku. Bagi orang yang berpuasa

akan mendapatkan dua kebahagiaan, iaitu kebahagiaan ketika dia berbuka dan kebahagiaan ketika berjumpa dengan Tuhan. Sesungguhnya bau mulut orang yang berpuasa adalah lebih harum di sisi Allah dari bau kasturi.” Riwayat Al-Imam Muslim.

Bulan Ramadan adalah waktu yang terbaik untuk mendidik jiwa dan rohani kita kepada kebaikan dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Pada bulan ini, kita bukan sahaja menahan diri daripada lapar dan dahaga akan tetapi ia juga mendidik untuk mengawal diri dan hawa nafsu. Pada bulan Ramadan, kita juga digalakkan untuk memperbanyakkan amalan-amalan sunat kerana melakukan amalan sunat khususnya dalam bulan Ramadan, ganjarannya adalah berlipat kali ganda berbanding dengan bulan-bulan yang lain. Antara amalan-amalan sunat yang digalakkan untuk dilakukan di sepanjang bulan Ramadan ialah:

Pertama: Bersahur, ulama sepakat mengatakan bahawa hukum bersahur adalah sunat. Sunat juga mengakhirkan sahur kira-kira bacaan lima puluh ayat Al-Quran sebelum azan fardu Subuh. Ketahuilah, menurut Imam An-Nawawi Rahimahullah Ta'ala dalam Kitab Syara' Sahih Muslim menyatakan bahawa sahur bukan sahaja memberi kekuatan tenaga untuk kita berpuasa di siang hari malah waktu sahur juga ialah waktu turunnya rahmat, waktu doa dimakbulkan dan waktu yang penuh dengan keberkatan. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

“Daripada Anas bin Malek Radiallahuanhu bahwasanya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Makan sahurlah sekalian kamu kerana bahwasanya pada makan sahur itu ada padanya berkat.” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Kedua: Bersedekah, perbanyakkanlah amalan bersedekah kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah orang yang paling banyak bersedekah lebih-lebih lagi di bulan Ramadan, tidak kira kecil ataupun besar, sedikit atau banyak. Ingatlah di bulan Ramadan ini adalah peluang kita untuk berbuat sebanyak mungkin amal kebajikan dengan bersedekah untuk membantu dan meringankan beban mereka yang memerlukan.

Ketiga: Membaca Al-Quran, kerana bulan Ramadan itu adalah bulan Al-Quran. Oleh itu, hidupkanlah bulan Ramadan ini dengan memperbanyak membaca Al-Quran di siang hari ataupun di waktu malam sama ada secara perseorangan atau secara berjemaah, iaitu dengan bertadarus di masjid atau di rumah-rumah.

Keempat: Menyegerakan berbuka puasa. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“Dari Sahal bin Saad Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Manusia selalu berada dalam kebaikan selama mereka segera berbuka.” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Kelima: Memberi makan atau menyungkaikan orang yang berpuasa adalah sangat digalakkan dan mempunyai ganjaran yang sangat istimewa. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

“Daripada Zaid bin Khalid Al-Zahni Radiallahuanhu berkata: Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Siapa memberi makan orang yang berpuasa, maka baginya pahala seperti orang yang berpuasa tersebut, tanpa mengurangi pahala orang yang berpuasa itu sedikit pun juga.” Riwayat Al-Imam At-Tirmizi.

Keenam: Sembahyang sunat tarawih, sama-sama kita sembahyang sunat tarawih berjemaah lebih-lebih lagi di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat bagi sama-sama mengimarahkan masjid dan menghidupkan malam-malam di bulan Ramadan. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“Sesiapa yang berdiri (beribadat) pada malam bulan Ramadan kerana iman dan mengharapkan ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata’ala, diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu.” Riwayat Imam Bukhari.

Bulan Ramadan ini adalah kesempatan dan peluang yang terbaik bagi kita untuk bermuhasabah, memperbaiki diri dan meningkatkan amal ibadat agar kita lebih menghampirkan diri kepada Allah Subhanahu Wata’ala. Oleh itu, adalah menjadi kerugian jika sekiranya di bulan ini kita hanya sekadar berpuasa di siang hari tanpa melakukan amal ibadat yang lain.

Manfaatkanlah bulan Ramadan ini dengan sepenuhnya dan jadikanlah ia sebagai penggerak yang membawa kepada perubahan yang besar dalam diri kita dan keluarga sehingga mampu mendidik hati serta jiwa supaya sentiasa patuh mengerjakan segala yang diperintahkan dan meninggalkan segala yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata’ala. Akhirnya sama-sama kita berdoa mudah-mudahan ibadat puasa yang kita kerjakan di sepanjang bulan Ramadan ini diterima, mendapat ganjaran dan keredaan daripada Allah Subhanahu Wata’ala. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman dalam Surah Al-Isra’ ayat 19 tafsirnya:

“Dan sesiapa yang menghendaki (kebahagiaan hidup) akhirat dan berusaha (mengerjakan amal kebajikan) untuk (tujuan) itu dengan usaha yang bersungguh-sungguh sedang dia beriman, maka mereka itulah yang usaha mereka dikurniakan ganjaran yang baik (diberi pahala).”

Mengagungkan dan memuliakan Al-Quran

Keluaran Pelita Brunei 18 Mei 2019

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-sebenar takwa, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sentiasalah kita berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya, selamat dan bahagia di dunia dan di akhirat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 185 tafsirnya:

“(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah pada) bulan Ramadan yang diturunkan padanya Al-Quran sebagai petunjuk kepada manusia dan sebagai keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk itu dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa antara kamu yang berada dalam bulan itu dan menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya) maka hendaklah dia berpuasa.”

Bulan Ramadan adalah bulan yang penuh dengan rahmat dan keberkatan. Di bulan inilah Al-Quran diturunkan kepada seluruh umat manusia sebagai petunjuk, pedoman, penerangan yang menjelaskan perbezaan antara yang benar dengan yang salah, menjadi pegangan dan rujukan bagi kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Sesungguhnya kitab suci Al-Quran adalah mukjizat terbesar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sehingga ke hari ini dapat kita baca dan nikmati serta ikuti pengajarannya dan mempunyai keistimewaan yang tersendiri antaranya:

Al-Quran itu dijaga dan dipelihara sendiri oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, Al-Quran sejak diturunkan sehingga sekarang, sudah lebih 41 abad lamanya tidak pernah berubah, tidak pernah bertukar, tidak terdapat sebarang perubahan atau kesilapan walaupun dengan tersalah satu ayat mahupun satu kalimah. Ia tetap kekal dalam keadaan asalnya. Inilah jaminan Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hijr ayat 9 tafsirnya:

“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran dan sesungguhnya Kami benar-benar Pemeliharanya (daripada perbuatan, penyelewengan, penambahan dan pengurangan).”

Al-Quran adalah wahyu Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Ia bukannya kalam manusia dan tidak bercampur-aduk dengan segala percakapan manusia. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Asy-Syu'ara ayat 192-193 tafsirnya:

“Dan sesungguhnya Al-Quran ini adalah diturunkan oleh Tuhan Pencipta dan Pentadbir sekalian alam. Ia dibawa oleh ar-Ruhul Amin (Malaikat Jibril).”

Ajaran-ajaran di dalam Al-Quran itu bersifat menyeluruh dan sesuai untuk dilaksanakan setiap tempat, masa, keadaan atau zaman sehingga lalu berlaku hari kiamat. Al-Quran adalah cahaya yang menerangi seluruh alam kerana di dalamnya mempunyai hikmah, petunjuk dan pedoman hidup untuk semua peringkat masyarakat, tanpa mengira bangsa dan warna kulit.

Sebagai umat Islam, kita hendaklah mengagungkan dan memuliakan Al-Quran dengan menjaga kesuciannya, membacanya serta mengamalkan ajaran-ajaran yang terkandung di dalamnya bagi memperoleh kesejahteraan dan keberkatan hidup di dunia dan di akhirat. Ketahuilah, dengan membaca dan mengamalkan ajaran-ajaran Al-Quran, di akhirat kelak Al-Quran itu sendiri akan datang memberikan syafaat atau pertolongan kepada orang-orang yang membacanya. Daripada Abdullah bin Umar Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

“Bahawa puasa dan Al-Quran itu meminta syafaat kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk seseorang hamba-Nya pada hari kiamat. Berkata puasa: “Ya Tuhan, aku telah menahan diripada makan dan minum pada siang hari maka jadikanlah aku syafaat kepadanya.” Dan berkata Al-Quran: “Ya Tuhan, aku telah menahan orang itu daripada tidur kerana membaca Al-Quran pada malam hari, maka jadikanlah aku syafaat kepadanya.” Lalu Allah Subhanahu Wata'ala memberi syafaat kepadanya dengan sebab permohonan kedua-duanya itu.” Diriwayatkan oleh Imam Ahmad.

Sesungguhnya membaca Al-Quran itu bukan sahaja menjadi amal dan ibadat akan tetapi ia juga menjadi ubat dan penawar bagi penyakit rohani dan jasmani. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Isra' ayat 82 tafsirnya:

"Dan Kami menurunkan daripada Al-Quran suatu penawar (bagi penyakit rohani dan jasmani) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan Al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim (orang-orang kafir) selain kerugian."

Oleh itu, bersempena dengan bulan Ramadan yang mubarak ini, marilah kita merebut peluang untuk melipatgandakan amal ibadat dengan membaca Al-Quran, walaupun kita dengan urusan pekerjaan dan sebagainya. Janganlah sesekali kita lalai atau lupa untuk meluangkan masa untuk membaca Al-Quran. Jadikanlah membaca Al-Quran itu sebagai amalan harian yang berterusan bukannya setakat di bulan Ramadan sahaja.

Mudah-mudahan dengan yang demikian, kita semua akan mendapat syafaat, rahmat dan berkat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Akhirnya sama-sama kita berdoa: "Ya Allah, limpahkanlah kasih sayang-Mu kepada kami dengan Al-Quran, jadikanlah Al-Quran sebagai pembimbing, cahaya, petunjuk dan rahmat bagi kami. Ya Allah, ingatkanlah apa-apa yang kami lupa daripadanya, ajarkanlah apa yang kami tidak tahu, dan jadikanlah Al-Quran sebagai pembela kami di hari kiamat nanti. Aamiin Ya Rabbal Alamin."

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Fatir ayat 29 tafsirnya:

"Sesungguhnya orang-orang yang sentiasa (melazimkan) membaca kitab Allah (Al-Quran) dan mendirikan sembahyang serta membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka sama ada secara bersembunyi-sembunyi atau secara berterang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang sekali-kali tidak akan rugi."

Meningkatkan amal ibadat di sepuluh hari terakhir di bulan Ramadan

Keluaran Pelita Brunei 24 Mei 2019

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenarnya benar takwa, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sentiasalah kita berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya, selamat dan bahagia di dunia dan di akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra' ayat 19 yang tafsirannya:

"Dan sesiapa yang menghendaki (kebahagiaan hidup) akhirat dan berusaha (mengerjakan amal kebajikan) untuk (tujuan) itu dengan usaha yang bersungguh-sungguh sedang ia beriman maka mereka itulah yang usaha mereka dikurniakan ganjaran yang baik (diberi pahala)."

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah dipinjamkan nafas untuk terus hidup dan diberi masa dan kesempatan untuk berbuat amal-amal soleh di bulan Ramadan yang penuh dengan rahmat dan keberkatan ini. Alangkah beruntungnya orang yang dapat menggunakan masa dan peluang yang ada dengan sebaik-baiknya serta melakukan perkara-perkara yang berkewajipan di bulan Ramadan ini.

Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menghidupkan malam-malam Baginda di sepuluh hari yang terakhir di bulan Ramadan dengan melakukan berbagai-bagai amal ibadat melebihi yang biasa Baginda lakukan di bulan-bulan yang lain. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah Radiallahuanha bahawa maksudnya:

"Adalah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersungguh-sungguh (mengerjakan amal ibadat) di sepuluh hari terakhir (bulan Ramadan), apa yang Baginda tidak kerjakan di sepuluh hari terakhir (bulan-bulan) yang lain."

Oleh yang demikian, rebutlah peluang ini dengan mencontohi apa yang dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan meningkatkan lagi amal ibadat dan sentiasa mengerjakan amal soleh di setiap malam sepuluh terakhir di bulan Ramadan terutamanya bagi menyambut kedatangan malam yang lebih baik dari seribu bulan, iaitu Lailatulqadar. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Telah datang kepada kamu bulan Ramadan bulan yang penuh keberkatan. Allah Azawajalla telah mewajibkan ke atas kamu supaya berpuasa padanya. (Pada bulan itu) dibukakan pintu-pintu langit dan ditutup pintu-pintu neraka serta dimasukkan ke dalamnya syaitan-syaitan. Di dalamnya ada satu malam yang lebih baik dari seribu bulan.” Hadis Riwayat Al-Imam An-Nasaii.

Lailatulqadar adalah malam yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan kurnia ini tidak pernah diberikan kepada umat-umat yang sebelumnya. Pada malam Lailatulqadar, para malaikat turun ke dunia disertai oleh Malaikat Jibril Alaihissalam dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala untuk memberikan penghormatan kepada orang-orang yang berpuasa dan beramal soleh. Malam tersebut juga penuh dengan kesejahteraan sehingga terbit fajar.

Ketahuilah pada malam tersebut juga, Allah Subhanahu Wata'ala mengampunkan dosa hamba-hamba-Nya yang beribadat dengan penuh keimanan kerana mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda bermaksud:

“Barangsiaapa mengerjakan ibadat di malam Lailatulqadar kerana imannya kepada Allah dan kerana mengharapkan keredaan-Nya, nescaya diampunilah dosa yang telah lalu.” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Dalam usaha kita untuk menghidupkan malam Lailatulqadar, sama-sama lah kita mencontohi dan mengamalkan apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Antaranya dengan beriktikaf kerana ia dapat meningkatkan lagi

keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala terutamanya di masjid kerana orang yang beriktikaf di dalam masjid itu adalah orang yang menahan dirinya daripada melakukan perkara-perkara dosa. Selain itu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga membangunkan ahli keluarga Baginda daripada tidur untuk melakukan amal ibadat. Diriwayatkan dari Ali bin Abu Talib Karramallahu Wajha berkata maksudnya:

“Adalah Baginda itu membangunkan ahli keluarganya pada sepuluh terakhir dari bulan Ramadan.”

Lailatulqadar itu tidak ditentukan saat dan waktunya kerana ia adalah perkara rahsia dan hanya Allah Subhanahu Wata'ala sahaja yang mengetahui. Kerahsiaannya ini mempunyai hikmah yang tersendiri, iaitu bagi mendorong dan menggalakkan kita supaya tekun berusaha dengan bersungguh-sungguh supaya beramal ibadat pada setiap malam di bulan Ramadan dan tidak akan hanya beribadat pada malam-malam yang tertentu sahaja. Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada menjelaskan dalam hadis Baginda untuk mencari Lailatulqadar itu pada sepuluh hari yang terakhir di bulan Ramadan dan pada tiap-tiap malam yang ganjil. Daripada Abu Said Al-Khudri Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Maka kamu carilah Lailatulqadar itu pada malam sepuluh terakhir (bulan Ramadan) dan carilah ia pada tiap-tiap malam yang ganjil.”

Alangkah beruntungnya orang yang bertemu Lailatulqadar. Jika kita ditakdirkan bertemu dengan malam tersebut maka hendaklah kita memperbanyakkan doa sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh ‘Aisyah Ummul Mukminin Radiallahuanha katanya:

“Aku pernah bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Wahai Rasulullah! Bagaimana jika saya mengetahui akan malam Lailatulqadar itu dengan tepat, apakah doa yang patut saya baca?” Baginda menjawab: *“Katakanlah olehmu yang bermaksud: Ya Allah! Sesungguhnya Engkau Maha Pemaaf dan menyukai kemaafan, oleh kerana itu maafkanlah aku.”*

Sama-sama lah kita menjaga dan memelihara kesempurnaan amal ibadat di bulan Ramadan ini, hindarilah dan elakkanlah diri kita dari melakukan sebarang kesalahan atau kesilapan yang boleh mencacatkan dan mengurangkan pahala ibadat puasa kita. Akhirnya, rebutlah peluang dengan meningkatkan amal ibadat terutamanya di sepuluh hari yang terakhir di bulan Ramadan dengan memperbanyak membaca Al-Quran, bersedekah, mengerjakan sembahyang-sebahyang sunat, memperbanyak doa, berzikir, berzikir dan seumpamanya. Sama-sama lah kita berdoa mudah-mudahan ibadat puasa dan segala amal ibadat yang kita lakukan diterima dan mendapat rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dari Surah Al-Qadr ayat 1-5 tafsirnya:

“Sesungguhnya Kami menurunkan Al-Quran itu pada malam Lailatulqadar. Dan tahukah engkau apakah malam Lailatulqadar itu? Malam Lailatulqadar itu lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu turun malaikat-malaikat dan Malaikat Jibril dengan izin Tuhan mereka untuk mengatur segala urusan. Malam itu (penuh) kesejahteraan hingga terbit fajar.”

Meraikan Aidilfitri berpandukan ajaran agama Islam

Keluaran Pelita Brunei 1 Jun 2019

MARILAH kita bertakwa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya iaitu dengan mentaati Allah dan rasul-Nya, berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya, selamat dan bahagia di dunia dan di akhirat.

Sekarang kita telah pun berada di penghujung bulan Ramadan dan inilah masanya bagi kita untuk terus merebut peluang yang ada dari baki hari-hari di bulan Ramadan ini untuk meningkatkan lagi ibadat dan amal kebajikan bagi memperolehi ganjaran yang berlipat ganda yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala seperti memperbanyak berzikir, memperbanyak membaca Al-Quran, bersedekah, mengerjakan sembahyang-sebahyang sunat, memperbanyak doa, bertahajud, berzikir dan seumpamanya kerana kita perlu ingat bahawa kita tidak pasti adakah kita akan dapat bertemu lagi dengan bulan Ramadan yang akan datang.

Dalam kita terus meningkatkan amal ibadat kita di bulan Ramadan yang mulia dan penuh keberkatan ini, kita juga pada hari ini berkesempatan untuk memperingati Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang ke-58. Sesungguhnya Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mempunyai tugas yang sangat murni iaitu mempertahankan negara dari segala ancaman dan pencerobohan musuh yang boleh mengganggu gugat keamanan, kesejahteraan dan kedaulatan negara. Semangat juang dan mempertahankan negara ini bukan hanya perlu ada pada anggota tentera sahaja akan tetapi ia juga perlu ada pada setiap anggota masyarakat kerana negara memerlukan rakyat dan penduduk yang mempunyai semangat patriotik yang tinggi dan sanggup berjuang dan berkurban bagi mempertahankan keamanan dan keselamatan agama, bangsa dan negara. Marilah kita sama-sama berdoa semoga anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan sentiasa mendapat rahmat dan hidayah serta sentiasa mendapat pertolongan dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan berakhirnya nanti bulan Ramadan yang mubarak ini, maka seluruh umat Islam akan menyambut kedatangan bulan Syawal dengan meraikan Hari Raya Aidilfitri, iaitu hari kemenangan bagi umat Islam setelah berjaya menunaikan ibadat puasa selama sebulan dan setelah berjaya mengharungi perjuangan melawan hawa nafsu. Sebelum kita meraikan Hari Raya Aidilfitri, perlu kita ingat bahawa kita mempunyai satu lagi kewajipan yang perlu kita tunaikan dari rukun Islam yang lima iaitu membayar zakat.

Membayar zakat sama ada zakat harta maupun zakat fitrah untuk diri sendiri dan tanggungan, hukumnya adalah wajib ke atas setiap orang Islam yang mencukupi syarat-syaratnya. Daripada Abu Sofian bin Harbin, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, yang maksudnya:

“Allah memerintahkan kita agar mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyambung tali persaudaraan dan menahan diri daripada melakukan perbuatan-perbuatan keji.” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Ketahuilah adapun waktu mengeluarkan zakat fitrah itu terbahagi kepada lima antaranya:

Pertama: Waktu wajib, mulai terbenam matahari pada akhir bulan Ramadan.

Kedua: Waktu sunat, sebelum imam mendirikan Sembahyang Sunat Hari Raya.

Ketiga: Waktu harus, dari awal bulan Ramadan.

Keempat: Waktu makruh, selepas Sembahyang Hari Raya Fitrah.

Kelima: Waktu haram, setelah jatuh matahari Hari Raya.

Adapun antara hikmah pensyariatan zakat fitrah itu ialah untuk menyucikan jiwa orang yang berpuasa. Selain itu, dengan mengeluarkan zakat fitrah juga akan menimbulkan rasa kasih sayang, kegembiraan dan keharmonian di dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Terutamanya bagi para fakir miskin dan

golongan yang memerlukan. Daripada Ibnu Abas Radiallahuanhuma dia berkata, maksudnya:

“Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mewajibkan zakat fitrah untuk menyucikan orang yang berpuasa daripada kata-kata dan perbuatan-perbuatan yang keji dan untuk memberi makan golongan yang miskin.”

Dalam meraikan dan menyambut Hari Raya Aidilfitri, kita mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah kurnia-Nya kerana mengurniakan nikmat kesihatan kepada kita sehingga dapat menunaikan ibadat puasa dengan sempurna. Selain itu, menjelang Aidilfitri ini semasa membuat persiapan berhariraya, kita perlulah mengamalkan sikap kesederhanaan untuk mengelakkan pembaziran. Sambutlah Aidilfitri dengan berhemah, janganlah berbelanja sehingga melebihi dari kemampuan yang akhirnya akan menyusahkan dan membebankan diri sendiri. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra' ayat 27 yang tafsirnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syara') itu ialah saudara-saudara syaitan, dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhanmu.”

Adapun tujuan utama sambutan Hari Raya Aidilfitri ialah untuk meraikan kemenangan hamba-hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang telah berjaya melaksanakan ibadat puasa dengan penuh keimanan dan ketakwaan. Oleh itu, sambutan yang dilakukan juga biarlah mengikut ajaran dan landasan agama, antaranya:

Pertama: Pada malam Hari Raya pertama kita disunatkan menghidupkan malam tersebut dengan laungan takbir, bacaan Al-Quran, berzikir, berdoa dan sebagainya. Bukannya meraikan malam tersebut dengan perkara-perkara yang membahayakan dan memudaratkan apatah lagi dengan membuat perkara-perkara yang yang mengganggu ketenteraman orang lain. Elakkanlah membuat persiapan di saat-saat akhir sampai larut malam, sehingga menyebabkan ada yang tidak sempat mendirikan sembahyang fardu subuh dan sembahyang sunat Hari Raya

Aidilfitri kerana tidak terbangun atau keletihan.

Kedua: Pada pagi Hari Raya pula, kita disunatkan mandi dengan niat Mandi Sunat Aidilfitri, kita juga disunatkan untuk memakai bau-bauan yang harum, membersihkan diri dengan bergunting rambut, memotong kuku dan memakai pakaian yang paling elok kerana hari tersebut merupakan hari untuk berhias-hias dan berelok-elok. Sebelum ke masjid untuk bersembahyang Hari Raya pula. Kita disunatkan memakan buah kurma dengan bilangan yang ganjil, inilah yang diamalkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebelum ke masjid untuk mendirikan sembahyang Hari Raya Aidilfitri. Daripada Anas bin Malik berkata:

“Bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak keluar pada waktu pagi Hari Raya Fitrah sehinggalah Baginda makan (terlebih dahulu) beberapa biji tamar dan Baginda memakannya dalam bilangan ganjil.” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Ketiga: Mendirikan sembahyang sunat Hari Raya, ia adalah perkara yang paling penting dan utama dalam kita menyambut Hari Raya dari perkara-perkara sunat yang lain. Daripada Al-Bara' bin Azib ia berkata maksudnya:

“Aku mendengar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam berkhutbah Baginda bersabda: Sesungguhnya yang awal-awal sekali kita mulakan pada hari ini (Hari Raya) ialah mengerjakan sembahyang.” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Keempat: Disunatkan mendoakan dan mengucapkan tahniah antara satu sama lain seperti mengucapkan: **تَعَالَى اللَّهُ مَنْ وَمِنْكُمْ** yang maksudnya: Semoga Allah menerima daripada kita dan menerima daripada engkau.

Akhirnya marilah kita sama-sama meraikan dan menyambut hari kemenangan iaitu Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang tidak lama lagi ini dengan menyambutnya berpandukan ajaran agama Islam yang sebenar dan janganlah ia dicemari dengan perkara-perkara dosa dan maksiat setelah sebulan kita berpuasa. Semoga segala ibadat, amal kebaikam dan doa-doa kita diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Sama-samalah kita beroda: Ya Allah! Janganlah

Engkau jadikan puasa ini sebagai puasa yang terakhir dalam hidup kami. Seandainya Engkau menetapkan yang sebaliknya, maka jadikanlah puasa kami ini sebagai puasa yang dirahmati, bukan puasa yang sia-sia. Semoga perpisahan kami dengan bulan Ramadan ini bukanlah perpisahan untuk selamanya dan bukan juga pertemuan yang terakhir bagi kami. Semoga kami akan dapat bertemu kembali pada bulan Ramadan yang akan datang, dalam keadaan yang penuh dengan harapan dan kesejahteraan. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Surah Ali-'Imran ayat 133 tafsirnya:

“Dan bersegeralah kamu (mengerjakan amal kebaikan untuk membawa kamu) kepada keampunan daripada Tuhan kamu dan ke syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa.”

Khutbah Jumaat Bulan Jun 2019

Menjaga kesucian Aidilfitri

Keluaran Pelita Brunei 8 Jun 2019

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Berusahalah dengan bersungguh-sungguh agar kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Aidilfitri adalah limpah kurnia daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada umat Islam setelah berjaya melaksanakan ibadat puasa iaitu kejayaan menahan diri daripada hawa nafsu dan perkara-perkara yang dilarang. Oleh itu, kita mestilah bersyukur atas kurnia nikmat tersebut. Hari Raya adalah hari kegembiraan dan hari mempererat serta memperkuuhkan hubungan tali persaudaraan. Salah satu amalan dan tradisi kita di negara ini ialah saling ziarah-menziarahi saudara mara, jiran tetangga dan sahabat handai.

Sesungguhnya berziarah adalah amalan yang dituntut di dalam agama Islam yang patut dipelihara dan dihidupkan kerana ia bertujuan untuk mengeratkan tali persaudaraan dan perpaduan sesama Islam, di samping menyemarakkan semangat perpaduan hidup bermasyarakat dan bernegara. Di dalam agama kita adab atau etika berziarah itu telah pun dijelaskan di dalam Al-Quran, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nur ayat 27-28 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu masuk ke dalam rumah yang bukan rumah kamu sehingga kamu meminta izin serta memberi salam kepada penghuninya. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu, mudah-mudahan kamu sentiasa beringat. Jika kamu tidak mendapati seorang pun di dalamnya maka janganlah masuk ke dalam rumah itu sehingga kamu diberi izin dan jika dikatakan kepada kamu: “Baliklah,” maka hendaklah kamu balik. Itu lebih baik bagi kamu. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.”

Berdasarkan ayat Al-Quran tersebut, para ulama telah menjelaskan beberapa adab dan etika berziarah menurut yang dituntut oleh syarak, antaranya:

Pertama: Memberi salam dan meminta izin terlebih dahulu sebelum masuk ke rumah yang diziarahi.

Kedua: Mengetuk pintu dengan perlahan sekira-kira boleh didengar oleh tuan rumah atau penghuni rumah. Keperluan mengetuk pintu itu hanyalah peringatan dan atau pendahuluan untuk meminta izin, bukanlah sebagai ganti kepada memberi salam. Pada masa ini kebanyakan rumah menyediakan alat bunyi seperti lonceng sebagai kemudahan untuk ahli rumah mengetahui kehadiran tetamu atau pengunjung, maka hendaklah digunakan alat tersebut dengan sebaiknya dan jangan menekannya berulang kali dan berpanjangan.

Ketiga: Orang yang berziarah hendaklah tidak berdiri di hadapan muka pintu. Sebaliknya dia berdiri di sebelah kanan atau kiri pintu. Ini bertujuan agar orang yang berziarah tidak terpandang sesuatu yang tidak wajar dilihat ketika tuan rumah atau penghuni rumah membuka pintu.

Keempat: Hendaklah memperkenalkan diri sebelum masuk, lebih-lebih lagi jika tuan rumah atau penghuni rumah menghendaki sedemikian.

Kelima: Sunat bagi orang yang berziarah meminta izin sebanyak tiga kali. Jika tidak menerima jawapan daripada tuan rumah atau penghuni rumah, hendaklah dia balik dengan berlapang dada, ini mungkin disebabkan tuan rumah atau penghuni rumah tidak ada di rumah atau belum bersedia menerima pengunjung.

Perlu diingat, bagi mereka yang pergi berziarah agar memilih masa dan waktu yang sesuai untuk berkunjung, elakkanlah berziarah pada waktu atau masa sembahyang fardhu khususnya sembahyang fardhu maghrib kerana waktunya amat terhad dan janganlah berziarah pada waktu jauh malam dan sebagainya.

Sebagaimana lazimnya di negara kita, sambutan Hari Raya diadakan dalam berbagai bentuk majlis seperti mengadakan rumah terbuka dan sebagainya. Amalan

ini adalah amalan yang berkebajikan kerana boleh mengeratkan silaturahim dan boleh menghimpunkan saudara mara yang jauh dan dekat. Walau bagaimanapun, mengadakan rumah terbuka ini bukanlah menjadi satu kewajipan sehingga membebankan dan hendaklah diadakan mengikut kemampuan masing-masing.

Ingatlah, apa yang penting majlis tersebut hendaklah berlandaskan ajaran agama Islam dan tidak dicampur-adukkan antara yang hak dengan yang batil seperti perkawalan bebas, bersalaman antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim, bersuka ria tanpa batasan dan seumpamanya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 42 tafsirnya:

“Dan janganlah kamu campur adukkan yang hak dengan yang batil dan janganlah kamu sembunyikan yang hak sedang kamu mengetahuinya.”

Akhirnya, sama-sama lah kita menjaga kesucian Aidilfitri dengan sentiasa menjaga adab dan tingkah laku dalam meraikan Hari Raya yang mulia ini. Sama-sama lah kita berdoa semoga Hari Raya ini akan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim kita. Mudah-mudahan apa yang kita lakukan di Hari Raya ini akan mendapat keredaan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Yunus ayat 58 tafsirnya:

“Katakanlah (wahai Nabi Muhammad): (Kedatangan Al-Quran itu adalah semata-mata) dengan limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya maka dengan isi kandungan Al-Quran itu hendaklah mereka bergembira (kerana) itulah yang lebih baik daripada apa yang mereka himpukan (di dunia).”

Jangan berlebihan dalam bergurau senda

Keluaran Pelita Brunei 15 Jun 2019

MARILAH kita sama-sama mengukuhkan iman dan takwa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya dengan berbekalkan iman dan takwa itu, mudah-mudahan kita sentiasa selamat di dunia dan selamat di akhirat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita hingga ke akhir hayat.

Gurau senda, senyum dan tawa merupakan penyeri dalam kehidupan kerana ia mampu merapatkan hubungan silaturahim dalam persaudaraan. Agama Islam tidak melarang umatnya untuk bergurau senda bahkan ia adalah diharuskan kerana naluri dan fitrah manusia itu memang cenderung kepada perkara-perkara tersebut sebagai salah satu cara atau usaha untuk memperolehi ketenangan dan kesejahteraan. Selain itu, bergurau senda juga boleh melepaskan diri daripada keresahan dan ketegangan.

Sesungguhnya gurauan itu berlaku dalam bentuk perkataan atau perbuatan dan ia diharuskan dalam agama Islam selagi ia tidak bertentangan dengan ajaran agama. Ketahuilah, agama kita melarang gurau senda yang berlebihan atau bergurau terhadap perkara yang sia-sia kerana gurauan itu oleh membuatkan orang ketawa secara berlebihan dan boleh menyebabkan keras hati serta melalaikan diri daripada berzikir mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Janganlah kamu banyak ketawa kerana sesungguhnya banyak ketawa itu mematikan hati.” Riwayat Al-Imam At-Tirmizi.

Hadis tersebut mengingatkan kita tentang akibat terlalu banyak ketawa kerana apabila hati sudah menjadi keras, maka adalah susah dan sukar untuk menerima cahaya kebenaran. Akan tetapi, janganlah pula terlalu serius sehingga tidak

pernah ketawa dan sering bermasam muka sehingga boleh menyinggung perasaan orang lain dan boleh menyebabkan orang lain menjauhkan diri daripada kita Abu Dhar Al-Ghfari Radiallahuanhu, berkata, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

“Senyummu kepada saudaramu merupakan sedekah.” Riwayat Al-Imam At-Tirmizi.

Sesungguhnya bergurau senda dibolehkan oleh syarak, namun ada syarat-syarat atau batasan tertentu yang mesti dijaga supaya kita tidak sampai berlebihan dalam bergurau senda antaranya:

Pertama: Tidak berlebih-lebihan dalam bergurau sehingga hilang sifat sopan santun.

Kedua: Hendaklah gurauan itu dengan tujuan untuk beramah-tamah atau menyenangkan hati orang lain.

Ketiga: Hendaklah dia tidak mengatakan perkara dusta ketika bergurau (tidak berkata kecuali dalam perkara yang benar). Daripada Muawiyah bin Haidatu Kusiri, saya mendengar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

“Celaka bagi orang yang berbicara dan pembicaraan untuk membuat manusia ketawa lalu dia berdusta, celaka baginya, celaka baginya.” Riwayat Al-Imam At-Tirmizi.

Keempat: Hendaklah gurauan itu tidak mengandungi perkara yang menakut-nakutkan orang lain. Daripada Abu Laili Al-Ansari, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

“Tidak dibolehkan bagi seseorang Muslim menakut-nakutkan seorang Muslim yang lain.” Riwayat Al-Imam Abu Daud.

Kelima: Hendaklah gurauan itu tidak mengandungi perkara yang menghina, mencerca dan menyakiti hati orang lain. Daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Orang Mukmin bukan seorang pencela, bukan seorang pengutuk, bukan seorang pengkeji dan bukan juga seorang yang berkata kotor.” Riwayat Al-Imam At-Termizi.

Keenam: Hendaklah dia tidak berguaau senda dalam perkara yang apabila diguraukan perkara itu akan menjadi sungguh-sungguh seperti nikah, talak atau rujuk. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Tiga perkara yang dilakukan secara bersungguh-sungguh menjadi sah, dan jika dilakukan secara gurauan juga akan menjadi sah iaitu nikah, talak dan rujuk.” Riwayat Al-Imam Abu Daud.

Antara sebab kita bergurau adalah untuk menyenangkan dan menggembirakan hati orang atau menghilangkan *stress* terutamanya mereka yang berada dalam keresahan dan kesusahan. Akan tetapi, berhati-hatilah dengan gurauan yang berlebihan kerana ia boleh sahaja mencetuskan permusuhan dan kemarahan sehingga menyebabkan terputusnya hubungan silaturahim yang dilarang dalam agama kita. Ingatlah mungkin ada hati yang akan terguris atau terluka disebabkan gurauan tersebut seperti bergurau senda pada bentuk rupa fizikal seseorang, atau pada perkara-perkara yang lebih baik untuk disembunyikan sahaja dari menjadi bahan gurauan dan diketahui oleh orang lain dan sebagainya.

Oleh itu, elakkanlah gurauan yang mempunyai unsur-unsur menghina, mencerca dan menyakiti hati orang lain. Janganlah dan elakkanlah bergurau senda secara berlebihan kerana dikhuatiri ia boleh menjadi satu kebiasaan atau amalan di dalam kehidupan kerana kesan yang tidak baik akibat dari gurauan secara berlebihan tersebut mungkin akan terjadi. Sama-sama lah kita berdoa agar kita sentiasa mendapat hidayah dan rahmat yang berpanjangan daripada Allah Subhanahu Wata’ala. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-An’am ayat 32 tafsirnya:

“Dan tiadalah kehidupan di dunia ini melainkan hanyalah permainan dan senda gurau (semata-mata) dan sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertakwa. Oleh itu tidakkah kamu mahu menggunakan akal (untuk berfikir)?”

Pentingnya perpaduan dan kesabaran dalam menghadapi sebarang ujian dan dugaan

Keluaran Pelita Brunei 22 Jun 2019

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-'Ankabut ayat 2-3 tafsirnya:

"Adakah manusia itu menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan (hanya) berkata: Kami telah beriman, sedang mereka tidak diuji. Dan demi sesungguhnya Kami telah menguji orang-orang sebelum mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang benar beriman dan sesungguhnya Dia mengetahui orang-orang yang berdusta."

Sesungguhnya manusia itu tidak akan terlepas dari menerima sebarang ujian dan dugaan, perbezaannya hanyalah terletak pada besar atau kecilnya, berat atau ringannya ujian dan dugaan yang datang menimpa itu. Sebagai umat Islam, kita hendaklah sentiasa menghadapi atau menempuh ujian dan dugaan tersebut dengan ketabahan, ketenangan dan yang paling utama ialah menghadapinya dengan penuh kesabaran. Baru-baru ini, bersempena Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 1440 Hijrah /2019 Masihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah, antaranya seperti berikut:

"Allah sentiasa menguji kita, bagi tujuan untuk melihat, sejauh manakah kemampuan kita bersabar, sebagaimana Allah berfirman dalam Surah Al-Baqarah ayat 155 tafsirnya: "Demi sesungguhnya, Kami (Allah) akan menguji

kamu dengan perasaan takut (terhadap musuh) dan (dengan) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan harta dan jiwa serta hasil tanaman, dan (maka) berilah berita gembira kepada orang-orang yang sabar."

Ayat ini menurut ulama turut merujuk kepada segala pekerjaan-pekerjaan besar yang dituntut kita melakukannya, seperti menegakkan agama Allah dan undang-undang-Nya, semua itu memerlukan kesabaran.

Adalah menjadi lumrah dunia, sesiapa yang kecil di mata manusia, akan mudah saja menjadi mangsa buli. Ini, telah dan sedang berlaku di mana-mana saja. Jika perkara ini turut berlaku ke atas kita, maka seeloknya kita mengambil sikap sabar, sambil konsisten memegang kuat "tali Allah" atau agama-Nya dan mengelakkan perpecahan sesama kita, sebagaimana Allah menggesa di dalam Surah Ali-'Imran ayat 103 tafsirnya: "Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu berpecah belah."

Lebih-lebih lagi perpaduan itu diperlukan ialah, ketika kita mengalami pelbagai ujian. Lagi besar atau berat ujian, lagi bertambah penting perpaduan itu. Dengan perpaduan, segala kepentingan akan terpelihara dan benteng kita juga akan bertambah kukuh, untuk menolak segala bentuk fitnah atau provokasi yang datang dari mana saja." Demikian titah baginda.

Titah tersebut menekankan tentang pentingnya perpaduan. Perpaduan umat adalah sesuatu yang sangat ditekankan dan dititikberatkan dalam agama Islam. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan umat Islam supaya bersatu padu atas jalan yang benar dan melarang mereka daripada berpecah belah. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga mengingatkan untuk sentiasa berpegang teguh pada tali Allah dan melarang umatnya dari berpecah belah walaupun ditimpah dengan ujian atau dugaan yang berat. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

"Sesungguhnya Allah meredai kamu dalam tiga perkara dan membenci kamu dalam tiga perkara. Dia meredai kamu jika kamu beribadat kepada-Nya dan tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun, berpegang teguh pada tali Allah dan

tidak bercerai-berai. Dan Dia membenci kamu dalam tiga perkara, iaitu dikatakan dan orang itu berkata, banyak bertanya dan membuang-buang harta.” Riwayat Al-Imam Muslim.

Umat Islam yang bersatu padu ibarat satu bangunan, sebahagian menguatkan sebahagian yang lain. Mereka saling bertolong-tolongan dan bantu-membantu termasuklah dalam membimbing, mengajar dan memberi petunjuk untuk melakukan kebaikan, kebijakan dan menolak kemungkaran.

Ketahuilah, dengan perpaduan akan membentuk satu pertahanan atau benteng yang sangat kuat dan kukuh dan sukar untuk dipecah belahkan dalam menghadapi dan menolak segala bentuk fitnah, tohmahan atau kata-kata yang boleh membangkitkan kemarahan yang datang dari setiap penjuru dan arah. Daripada Abu Musa Abdullah bin Qays al-Ash’ari, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Sesungguhnya seorang Mukmin itu dengan seorang Mukmin yang lain seperti satu bangunan, sebahagian menguatkan sebahagian yang lain. Baginda terus menyusupkan antara jari-jarinya.” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Ingatlah, bahawa umat yang berpecah belah dan tiada perpaduan sesama mereka akan menyebabkan dan menjadikan mereka umat yang lemah dan rapuh. Contoh yang boleh dijadkan iktibar adalah terlalu banyak. Kita lihat saja negara-negara yang mempunyai rakyat dan penduduk yang tidak bersatu padu, suka berpecah belah, negaranya tidak aman, tidak tenteram dan tidak harmoni. Mereka menghadapi pelbagai masalah yang hanya merugikan diri sendiri, masyarakat, bangsa dan negara.

Menegakkan dan mendaulatkan agama Allah dan undang-undang-Nya itu memerlukan kepada kesabaran. Contoh dan ikutilah jejak langkah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat Baginda yang sentiasa sabar, tabah dan tidak pernah mengenal erti lelah dan putus asa dalam berjuang bagi mempertahankan, menegakkan dan mendaulatkan kesucian agama dan syiar Islam.

Sesungguhnya menghiasi peribadi dengan sifat sabar adalah akhlak orang yang mulia.

Mereka bersabar dalam menghadapi ujian. Dugaan, kesusahan dan kepayahan hidup dengan hati yang tenang, lapang dan tidak mudah kalah, ingatlah, ujian dan dugaan itu adalah satu fitrah dalam kehidupan kerana dengan ujianlah akan menjadikan diri kita lebih dewasa, lebih tabah, lebih sabar mengenal akan keagungan, kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata’ala.

Allah Subhanahu Wata’ala tidak akan menimpakan sesuatu ujian dan dugaan itu di luar kemampuan hamba-hamba-Nya. Oleh itu, kadangkala kita diuji dengan pelbagai ujian dan dugaan sama ada berbentuk kesenangan maupun kesusahan. Begitu juga ada kalanya kita diuji dengan masalah dan tekanan hidup dari masyarakat yang ada di sekeliling kita seperti tekanan sosial, tekanan emosi, tekanan ekonomi dan seumpamanya.

Oleh yang demikian, kita wajib bersabar jika ditimpa dengan ujian dan dugaan tersebut. Janganlah kita bersangka buruk terhadap Allah Subhanahu Wata’ala. Apa yang utama ialah, kita berusaha untuk menghadapi ujian tersebut dengan mencari jalan penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi itu. Di samping berdoa, bertawakal dan lebih mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata’ala.

Sebagai rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi Darussalam yang bertuah ini, kita mestilah sentiasa bersatu padu dan bersatu hati supaya kita mempunyai barisan atau benteng yang kuat dan kukuh dalam menghadapi sebarang ujian dan dugaan. Lihatlah setiap ujian dan dugaan itu dengan sangkaan yang baik kerana Allah Subhanahu Wata’ala memberi jaminan bahawa balasan bagi hati yang sabar itu adalah syurga di akhirat kelak. Mudah-mudahan dengan yang demikian, raja kita, rakyat dan penduduk di negara ini akan seniasa berada dalam rahmat, perlindungan dan makfirah Allah Subhanahu Wata’ala serta terhindar dari sebarang marabahaya, bala bencana, musibah dan malapetaka. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Surah Ar-Ra’d ayat 23-24 tafsirnya:

“(Iaitu) Syurga-syurga ‘Adn, mereka masuk ke dalamnya bersama-sama orang-orang yang mengerjakan amalan salah daripada bapa-bapa (dan datuk nenek) mereka dan isteri-isteri mereka serta zuriat keturunan mereka, sedang malaikat-malaikat akan masuk ke tempat-tempat mereka dari semua pintu. (Sambil mengucapkan): “salam ke atas kamu disebabkan kesabaran kamu.” Maka itulah sebaik-baik tempat kesudahan di akhirat.”

Ibu bapa dan masyarakat berperanan dalam membanteras isu penyalahgunaan dadah

Keluaran Pelita Brunei 29 Jun 2019

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Serta beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah ayat 90-91 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan anak panah itu adalah perbuatan keji daripada perbuatan syaitan. Maka hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu beroleh kemenangan dan keberuntungan. Sesungguhnya syaitan itu muh menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab (meminum) arak dan (bermain) judi dan menghalangi kamu daripada mengingati Allah dan mengerjakan sembahyang. Maka tidakkah kamu berhenti (daripada melakukan perbuatan keji itu)?”

Agama Islam menganjurkan kita para pengikutnya untuk sentiasa memelihara nyawa, agama, akal fikiran, harta dan keturunan. Islam juga milarang kita daripada mendekati perkara-perkara yang boleh memudaratkan seperti meminum arak, zina, judi, memakan riba, rasuah, penyalahgunaan dadah dan seumpamanya. Setentunya setiap perkara yang dilarang itu mempunyai hikmahnya yang tersendiri.

Sesungguhnya penyalahgunaan dadah adalah dilarang dari segi syarak dan undang-undang negara kerana ia boleh mendatangkan kesan-kesan yang negatif dan boleh memudaratkan kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Ketahuilah, setiap yang memabukkan, yang mengkhayalkan atau menghilangkan akal fikiran adalah haram sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Al-Imam Abi Daud yang maksudnya:

“Daripada Ibnu Umar Radiallallahuanhuma telah berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda: Setiap yang memabukkan adalah arak dan setiap yang memabukkan hukumnya adalah haram.” Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Anfal ayat 28 tafsirnya:

“Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah sebagai fitnah (ujian), Sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar.”

Anak-anak yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita adalah amanah dan ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang mesti dijaga dengan sebaik-baiknya. Oleh itu, ibu bapa mempunyai tanggungjawab dan peranan yang sangat penting dalam mencorak dan mendidik anak-anak supaya mereka tidak terjerumus dan terlibat dengan aktiviti atau kegiatan yang tidak sihat, tidak bermoral dan menyalahi undang-undang khususnya penyalahgunaan dadah.

Antara langkah-langkah pencegahan yang perlu dilaksanakan oleh ibu bapa bagi mengelakkan anak-anak daripada terjerumus dan terlibat dengan penyalahgunaan dadah ialah:

Pertama: Memberikan didikan agama yang sempurna kepada anak-anak sejak dari kecil lagi, ibu bapa juga wajib memastikan anak-anak mereka dapat melaksanakan ibadat dengan sempurna terutamanya sembahyang fardu lima waktu kerana ibadat sembahyang boleh mencegah mereka daripada perbuatan keji dan mungkar.

Kedua: Mengeratkan hubungan mesra dan kasih sayang sesama ahli keluarga dengan mendengarkan apa jua masalah, rintangan atau curahan rasa yang diluhukan oleh anak-anak agar mereka tidak terasa kekosongan dan mereka merasakan diri mereka berasa dipeduli dalam keluarga.

Ketiga: Ibu bapa perlu memantau pergaulan, aktiviti dan permasalahan anak-anak, bukan sahaja semasa mereka berada di rumah malahan juga ketika mereka berada di luar rumah. Ibu bapa atau penjaga perlu mengetahui dengan siapa anak-

anak mereka berkawan atau bergaul. Perkara ini boleh mengelakkan mereka daripada terpengaruh dan terjebak dalam kegiatan yang tidak bermoral seperti penyalahgunaan dadah.

Keempat: Ibu bapa hendaklah sentiasa mendoakan anak-anak dengan kebaikan dan kejayaan di dunia dan di akhirat kerana doa ibu bapa adalah mustajab dan diperkenankan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahwasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Tiga jenis doa mustajab yang tidak diragukan keajaibannya adalah doa orang tua untuk anaknya, doa orang musafir dan doa orang yang dizalimi.” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Selain ibu bapa, kita juga selaku masyarakat memainkan peranan yang amat penting dalam membanteras isu penyalahgunaan dadah. Ketahuilah, mereka yang terlibat dengan dadah perlu diberi sokongan, dorongan dan motivasi untuk mereka menjauhkan diri mereka daripada penyalahgunaan dadah dan untuk meningkatkan ketahanan diri khususnya mereka yang dalam proses pemulihan dadah. Oleh itu, sebagai masyarakat kita adalah bertanggungjawab memberikan bimbingan dan dorongan kepada mereka untuk kembali ke pangkal jalan, lebih-lebih lagi sebagai ibu bapa yang menjadi tunjang kekuatan keluarga, hendaklah membimbing kehidupan keluarga supaya sentiasa berada dalam landasan fitrah benar dan betul.

Sesungguhnya penyalahgunaan dadah adalah punca penyakit sosial yang kian menular di setiap negara yang membantutkan dan mendatangkan kesan negatif kepada pembangunan ekonomi, bangsa dan negara. Oleh itu, marilah kita bersama-sama meningkatkan kesedaran dan kefahaman terhadap bahaya penyalahgunaan dadah dan perkara-perkara yang menghayalkan serta berusaha mengawal serta mencegahnya dari memusnahkan anak bangsa kita. Oleh itu, masyarakat hendaklah bersatu memerangi dadah dengan mengamalkan ajaran agama Islam yang sebenar iaitu dengan mentaati segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala serta menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa

melindungi dan menyelamatkan kita, bangsa dan negara daripada perkara-perkara yang keji dan mungkar. Semoga kita akan sentiasa mendapat rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah ayat 71 tafsirnya:

“Dan orang-orang Mukmin, laki-laki dan perempuan, sebahagian daripada mereka itu menjadi penolong kepada sebahagian yang lain. Mereka menyuruh berbuat yang ma’aruf dan melarang daripada yang mungkar dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan dikurniakan rahmat oleh Allah, sesungguhnya Allah Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksana.”

Persiapan bakal jemaah haji

Keluaran Pelita Brunei 6 Julai 2019

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan mengukuhkan keimanan kepada-Nya dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dengan berbekalkan iman dan takwa itu, mudah-mudahan kita sentiasa selamat di dunia dan selamat di akhirat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita hingga ke akhir hayat.

Alhamdulillah, kita sekarang berada dalam bulan Zulkaedah. Pada bulan ini, bakal tetamu Allah akan bertolak ke tanah suci untuk mengerjakan ibadah haji. Ibadah haji adalah rukun Islam kelima yang diwajibkan ke atas umat Islam yang berkemampuan dan memenuhi syarat-syarat untuk mengerjakannya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran ayat 97 yang tafsirannya:

"Padanya terdapat tanda-tanda keterangan yang nyata, (antaranya) Makam Nabi Ibrahim, dan sesiapa memasukinya (Al-Masjidil Haram) menjadi aman tenteramlah dia. Dan Allah mewajibkan ke atas manusia mengerjakan ibadat haji ke Baitullah, iaitu bagi sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepadanya. Dan sesiapa yang mengingkari (kewajipan ibadah haji), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya daripada sekalian alam."

Ayat Al-Quran tersebut menjelaskan bahawa orang yang akan menuaikan haji itu hendaklah berkuasa atau berkemampuan. Apa yang dimaksudkan dengan berkuasa atau berkemampuan itu ialah hendaklah mereka mempunyai kemampuan harta, kesihatan tubuh badan serta selamat perjalanan pergi dan balik ketika mengerjakan ibadat haji. Berkemampuan juga bukan setakat mempunyai perbelanjaan yang cukup untuk dirinya semasa menuaikan fardu haji di tanah suci, bahkan hendaklah juga berkemampuan untuk menyediakan nafkah dan perbelanjaan yang cukup untuk sara hidup bagi orang-orang yang berada di bawah tanggungannya yang ditinggalkannya di tanah air.

Khutbah Jumaat Bulan Julai 2019

Oleh itu, bagi mereka yang telah cukup syarat untuk mengerjakan haji, bersegeralah untuk menunaikannya kerana agama Islam sangat menggalakkan umatnya untuk bersegera dalam membuat sebarang amal kebaikan lebih-lebih lagi ibadat yang dituntut dan diwajibkan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah ayat 48 yang tafsirannya:

“Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan. Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semua maka Dia akan memberitahu kamu tentang apa yang kamu perselisikan.”

Allah Subhanahu Wata'ala mewajibkan sesuatu ibadat itu setentunya mempunyai hikmah dan ganjarannya. Begitu juga ibadat haji, ganjaran bagi orang yang mengerjakan ibadat haji itu adalah sangat banyak. Maka alangkah beruntungnya mereka yang dapat melaksanakan ibadat tersebut khususnya kepada saudara-saudara kita yang akan mengerjakan ibadat haji pada tahun ini. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu ia berkata: Aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Barangsiapa yang mengerjakan haji ke Baitullah dan tidak melakukan perkara-perkara keji dan tidak berbuat fasik, maka dia suci daripada dosa-dosanya seolah-olah dia kembali pada hari dia dilahirkan oleh ibunya.” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Sesungguhnya haji yang mabrur itu ganjarannya adalah syurga. Oleh itu, jika melaksanakan rukun-rukun dan wajib-wajib serta sunat-sunat haji, iaitu dengan sempurna. Selain itu, para bakal jemaah haji hendaklah tidak mengabaikan ibadat-ibadat wajib yang lain, seperti ibadat sembahyang fardu lima waktu walaupun pada ketika itu para jemaah haji sedang sibuk dan penat melakukan ibadat-ibadat dan manasik-manasik haji. Di samping itu mereka juga hendaklah memperbanyakkan amalan-amalan sunat seperti mendirikan Sembahyang Sunat Rawatib, membaca Al-Quran, memperbanyak Tawaf Sunat, berdoa, berzikir, berselawat, berikhtikaf dan bersedekah. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

“Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Dan haji yang mabrur itu tiada balasan baginya selain syurga.” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Apabila berada di tanah suci nanti, para jemaah haji sememangnya akan menerima dugaan dan rintangan mungkin ada yang menghadapi kepayahan dan kesulitan kerana tidak biasa dengan keadaan bersesak-sesak atau berasa kurang selesa atau terpaksa berhadapan dengan kerenah-kerenah orang di sekeliling yang mungkin tidak menyenangkan dan sebagainya.

Maka dalam hal ini, yang paling penting ialah sifat sabar dan sentiasa bersyukur, jangan mudah mengeluh atau merungut. Anggaplah ia sebagai ujian dan dugaan yang perlu dihadapi jika mahu mendapat ganjaran haji yang mabrur sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Ketika para bakal jemaah haji berwukuf di Arafah nanti, perbanyakkanlah berdoa dan beristighfar dengan penuh khusyuk, penuh tawaduk dan merendah diri dengan penuh keikhlasan dan keinsafan, baik untuk diri sendiri, kedua ibu bapa, kaum kerabat dan sekalian umat Islam seluruhnya dengan harapan semoga doa-doa yang dipohonkan akan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam kebaikan dan kemaslahatan bakal para jemaah haji sentiasa terjaga dan terpelihara. Ini terbukti dengan taklimat dan kursus-kursus haji yang telah disediakan dan diberikan supaya bakal jemaah haji dapat memahami hukum-hakam ibadat haji. Selain itu, pihak kerajaan juga turut menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan kemudahan di tanah suci agar para jemaah haji Negara Brunei Darussalam sentiasa berada dalam keadaan selesa dan sihat dalam melaksanakan ibadat haji.

Sesungguhnya bukan semua orang berpeluang untuk menunaikan ibadat haji, apakah lagi ibadat tersebut memerlukan banyak perbelanjaan dan pengorbanan. Oleh itu, saudara-saudara kita yang berpeluang dan dapat mengerjakan haji pada tahun ini sangatlah beruntung, maka kerjakanlah ia dengan bersungguh-sungguh, janganlah disia-siakan kesempatan yang diperolehi itu. Kita berharap bagi umat Islam yang belum berkesempatan menunaikan fardu haji pada tahun ini akan

berazam dan tekad untuk mengerjakan tuntutan haji pada masa hadapan dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua. Selain itu, kita ambillah peringatan dari sebuah hadis qudsi berkenaan balasan orang yang melambat-lambat untuk mengerjakan ibadat haji sedangkan ia berkemampuan untuk mengerjakannya. Dari hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Hibban, daripada Abu Said Al-Khudri Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Alaihi Wasallam bersabda, Allah 'Azzawajalla berfirman yang maksudnya:

"Sesungguhnya seorang hamba-Ku yang telah Aku kurniakan kesihatan pada tubuh badannya, telah Aku luaskan kehidupannya (dengan melapangkan rezekinya), di mana lima tahun telah melewatiinya, sedangkan dia tidak datang kepada-Ku (bagi mengerjakan haji) maka terjauhlah dia daripada kebaikan."

Akhirnya, sama-sama kita mendoakan semoga para bakal jemaah haji akan selamat pergi dan selamat kembali ke tanah air dengan mendapat haji yang mabur dan mendapat balasan syurga. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hajj ayat 27-28 yang tafsirannya:

"Dan serulah manusia untuk mengerjakan ibadat haji nescaya mereka akan datang kepadamu (rumah Tuhanmu) dengan berjalan kaki dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus (disebabkan lamanya perjalanan) yang datang dari segenap penjuru yang jauh. Supaya mereka menyaksikan berbagai-bagai manfaat bagi mereka dan menyebut nama Allah pada hari-hari yang tertentu atas rezeki yang dikurniakan kepada mereka daripada binatang ternakan (untuk dijadikan korban), maka makanlah sebahagian daripadanya dan berikanlah (sebahagian yang lain) untuk dimakan oleh orang susah lagi fakir."

Kepimpinan raja memperkuuh asas dan dasar Islam

Keluaran Pelita Brunei 13 Julai 2019

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya serta beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan rahmat-Nya, kita rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam dapat menikmati suasana kehidupan yang aman dan damai, sejahtera dan hidup bersatu padu di dalam negara yang kita cintai ini. Oleh itu, kita hendaklah sama-sama sentiasa bersyukur dan menjaga nikmat keamanan, kedamaian, kesejahteraan dan perpaduan ini dengan sebaik-baiknya.

Selain dari itu, kita juga perlu ingat bahawa nikmat-nikmat ini adalah satu ujian dan dugaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang bertujuan untuk menguji sejauh mana teguhnya keimanan dan ketakwaan hamba-hamba-Nya. Adakah dengan kurniaan-Nya nikmat-nikmat ini? Mereka semakin beriman, bertakwa dan lebih mendekatkan diri kepada-Nya ataupun sebaliknya. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah menerangkan bahawa kunci untuk mengekalkan nikmat-nikmat tersebut adalah dengan menzahirkan rasa syukur kepada-Nya atas segala nikmat yang telah dikurniakan itu sama ada melalui hati, lisan maupun perbuatan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim ayat 7 tafsirnya:

"Dan ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu dengan sejelas-sejelasnya: demi sesungguhnya jika kamu bersyukur terhadap segala nikmat-Ku tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya azab-Ku sangat keras."

Sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang merdeka lagi

berdaulat ini, kita bersyukur bahawa kita di Negara Brunei Darussalam ini telah mengamalkan cara hidup yang berlandaskan konsep Melayu Islam Beraja yang membawa erti bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara Melayu yang mengamalkan cara hidup dengan nilai-nilai luhur kebudayaan Melayu yang sentiasa bersuluhkan dan berpandukan ajaran agama Islam. Manakala raja pula menjadi ketua atau kepala negara yang memegang tumpuk pemerintahan tertinggi negara, kedudukannya inilah yang mesti dihormati dan ditaati. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An-Nisa' ayat 59 tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulilamri (orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara maka kembalilah kepada (kitab) Allah (Al-Quran) dan (sunnah) Rasul-Nya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian itu adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya."

Sesungguhnya rakyat dan penduduk di negara ini amat bertuah kerana dikurniakan seorang Sultan atau Raja iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Baginda adalah seorang raja dan pemimpin yang sangat disanjungi dan dikasihi oleh seluruh lapisan masyarakat di negara ini.

Baginda adalah seorang raja dan pemimpin yang sentiasa berusaha dalam penyediaan segala kemudahan kepada rakyat dan penduduk di negara ini supaya taraf hidup mereka sentiasa dalam keadaan baik dan selesa. Baginda adalah seorang raja yang pemedulian dan berjiwa rakyat. Ini terbukti bila mana baginda berangkat bercemar duli turun padang mengadakan lawatan tidak berjadual yang sering baginda lakukan demi kepentingan, kebajikan, kemaslahatan dan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk baginda.

Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua dan berkat kepimpinan serta daulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara kita dikenali sebagai

sebuah negara Islam yang aman makmur, indah permai, moden lagi bertamadun. Rakyat dan penduduknya sentiasa hidup bersatu padu, bersatu hati, bahagia dan harmoni. Semua ini dapat dicapai dengan kudrat, iradat dan dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua yang mengilhamkan raja kita yang pemedulian yang sentiasa mengukuhkan dan memantapkan asas-asas dan dasar-dasar Islam di bumi Darussalam ini. Dengan mengutamakan ajaran Islam dan hukum-hukum Allah, sesuai dengan kedudukan Islam itu sebagai agama rasmi negara. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hajj ayat 41 tafsirnya:

"Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang dan membayar zakat serta mereka menyuruh (berbuat) yang ma'aruf dan melarang daripada (mengerjakan) yang mungkar. Dan kepada Allah jualah kesudahan segala urusan."

Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, sumber kekuatan, kemantapan dan keteguhan beragama dan syiar Islam di bumi Darussalam yang bertuah ini adalah hasil daripada kepimpinan raja yang tidak kendur-kendurnya berusaha dengan memastikan dan melaksanakan pemerintahan negara ini berdasarkan undang-undang yang adil sehingga tiada sesiapa pun yang teraniaya kerana setiap hak individu itu adalah terjaga, terpelihara, dihormati dan ditunaikan.

Inilah *maqasid syariah* yang memberi keutamaan kepada lima perkara penting dalam kepimpinan Islam, iaitu memelihara agama, nyawa, harta benda, akal dan keturunan. Lima maslahat inilah yang menjadi asas, teras dan dasar kerajaan yang digunakan dalam pemerintahan dan sistem pentadbiran negara yang menjamin kebajikan dan perpaduan, bukan sahaja kepada rakyat dan penduduk yang beragama Islam bahkan juga kepada seluruh rakyat jelata dan penduduk yang bernaung di bumi Darussalam ini.

Ketahuilah, pegangan ini memperkuatkan lagi perpaduan di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini. Sesungguhnya agama Islam sangat menggalakkan umatnya untuk sentiasa berpegang teguh dengan tali atau agama Allah dan menghindarkan dari berlakunya perpecahan di kalangan masyarakat, bangsa dan negara. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran ayat 103 yang

tafsirnya:

“Dan berpegang teguhlah kamu kepada tali (agama) Allah dan janganlah kamu bercerai-berai dan ingatlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliah dahulu) lalu Allah menyatakan antara hati kamu (dengan nikmat agama Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat-Nya itu (orang-orang Islam yang) bersaudara. Dan dahulunya kamu berada di tepi jurang neraka lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya (dengan sebab nikmat Islam). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangannya supaya kamu mendapat hidayah.”

Sebagaimana yang kita sedia maklum, 15 hari bulan Julai adalah tarikh bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam kerana pada tarikh inilah raja kita diputerakan. Pada tarikh tersebut setiap tahun diadakan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Oleh itu, sebagai rakyat dan penduduk yang taat setia dan prihatin terhadap rajanya, marilah kita sama-sama meraikan hari keputeraan raja yang kita kasih dan sanjungi ini dengan penuh kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata’ala, iaitu dengan menghadirkan diri ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara bagi sama-sama membaca Surah Yasin, tahlil dan doa kesyukuran dengan tumpuan utama di Jame’ ‘Asr Hassanal Bolkiah pada petang hari Ahad, 14 Julai 2019, dengan niat mudah-mudahan raja yang kita kasih dilanjutkan usia, dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, kekal karar memerintah negara serta mendapat rahmat, pemeliharaan dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata’ala dan mudah-mudahan negara kita akan terus aman, makmur, selamat dan sejahtera di bawah kepimpinan baginda yang bijaksana. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Ghafir ayat 60 tafsirnya:

“Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kepada Ku nescaya Aku perkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri dari beribadat kepada Ku, akan masuk neraka jahanam dalam keadaan hina.”

Bertanggungjawab dalam menggunakan teknologi maklumat komunikasi

Keluaran Pelita Brunei 20 Julai 2019

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata’ala dengan sebenarnya benar takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata’ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata’ala dan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya serta beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah At-Tin ayat 4 tafsirnya:

“Sesungguhnya Kami menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.”

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata’ala menciptakan manusia itu dengan sebaik-baik kejadian iaitu dengan menganugerahkan mereka akal fikiran. Dengan akal fikiran itu, manusia dapat membezakan antara yang benar dengan yang salah dan antara yang baik dengan yang buruk. Dengan akal fikiran juga manusia dapat mempertingkatkan diri dan mampu mencapai pelbagai kemajuan antaranya mencipta peralatan-peralatan komunikasi.

Dengan terciptanya alat komunikasi untuk berhubung seperti komputer dan telefon bimbit melalui *internet*, *whatsapp*, *instagram*, *twitter* dan sebagainya, kita dapat menerima, melihat dan mendengar maklumat yang disebarluaskan dalam sekilip mata sahaja. Ia juga memudahkan kita untuk berkongsi maklumat dan berita tersebut ke mana sahaja dengan cepat dan pantas sehingga kadang kala kita terlupa untuk menapis dan memastikan terlebih dahulu kesahihannya.

Ketahuilah, dunia kini sinonim dengan perkataan tular dan viral. Media sosial dan media baharu menjadi medan bagi para pengguna memviralkan, menularkan dan menyebarkan berita dengan begitu cepat dan meluas sama ada dalam bentuk cerita, berita, video maupun gambar. Kini ramai orang mahu menjadi antara

orang yang terawal dan paling cepat berkongsi atau menyebarkan sesuatu perkara, maklumat dan berita. Namun apa yang membimbangkan, berita atau maklumat tersebut dikongsi tanpa menyelidiki terlebih dahulu kesahihannya.

Sama-samalah kita mengambil langkah berjaga-jaga dan berhati-hati supaya jangan sampai setiap perkara, maklumat, berita atau perkhabaran yang diperolehi tanpa sebarang asas atau bukti yang kukuh itu ditular dan *diviralkan* tanpa usul periksa atau *tabayun* iaitu menyelidiki dan menyiasat kesahihannya. Semuanya itu boleh mengundang kepada fitnah, bala bencana, permusuhan, perselisihan dan sebagainya. Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“Sesungguhnya seorang hamba apabila menuturkan satu perkataan yang tidak dipastikan kebenarannya terlebih dahulu, akan membawanya ke neraka yang jaraknya lebih jauh dari jarak antara Timur dan Barat.” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Sebagai manusia biasa, kadang kala kita mudah alpa akan panduan dan batas-batas yang digariskan oleh agama Islam. Kita terlupa akan dosa dan pahala sehingga ada terdapat segelintir individu yang menggunakan media sosial dan media baharu sebagai medan atau tempat untuk menabur fitnah dan berniat jahat untuk menjatuhkan maruah atau mendedahkan keaiban seseorang dengan mencipta atau mereka-reka sesuatu perkara yang tidak wujud dan tidak benar. Daripada Abdul Rahman bin Ghanmin Radhiallahuanhu meriwayatkan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

“Sekeji-keji manusia ialah mereka yang berjalan menebur fitnah, mereka yang melaga-lagakan antara insan yang berkasih sayang dan mereka yang mencari-cari kesalahan terhadap orang yang tidak bersalah.” Riwayat Al-Imam Ahmad.

Selain itu, penabur fitnah juga tidak akan masuk syurga sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, daripada Huzaifah Radhiallahuanhu bahawa dia mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya: *“Penabur fitnah tidak akan masuk syurga.”*

Ingatlah, kita hendaklah sentiasa bertanggungjawab ke atas setiap perkara yang kita sebarkan atau sampaikan agar ia tidak mendatangkan sebarang pendustaan atau pembohongan. Selain itu walaupun maklumat yang hendak kita sampaikan itu adalah sesuatu yang sahih dan benar akan tetapi dalam masa yang sama ia juga boleh mengundang kepada pelbagai andaian, pandangan atau persepsi yang negatif. Dalam hal ini, adalah lebih baik bagi kita untuk merahsiakan atau berdiam diri sahaja bagi menghindari perbalahan dan kekacauan dalam kalangan keluarga, masyarakat dan negara. Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

“Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat maka hendaklah ia berkata baik atau hendaklah ia diam.” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga telah mengajarkan umatnya bahawa menutupi keaiban saudara Islam kita itu adalah lebih baik dan lebih utama. Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

“Barang siapa yang meringankan (menghilangkan) kesulitan seorang Muslim daripada kesulitan-kesulitan dunia, maka Allah akan meringankan (menghilangkan) baginya kesulitan di akhirat kelak. Barang siapa yang memberikan kemudahan bagi orang yang mengalami kesulitan di dunia, maka Allah akan memudahkan baginya kemudahan (urusan) di dunia dan di akhirat. Dan barang siapa yang menutupi aib seorang Muslim sewaktu di dunia, maka Allah akan menutupi aibnya di dunia dan di akhirat. Sesungguhnya Allah akan sentiasa menolong seorang hamba yang selalu menolong saudaranya.”

Dalam hal ini, orang ramai juga diingatkan untuk tidak turut menyebarluaskan sebarang berita atau maklumat yang tidak berasas, dan perbuatan menyebarluaskan maklumat atau berita yang tidak sahih apatah lagi yang palsu dan direka-reka merupakan satu kesalahan atau berdosa besar. Akta menyebarluaskan maklumat palsu kepada orang awam merupakan satu kesalahan dan boleh didakwa di bawah undang-undang Negara Brunei Darussalam mengikut seksyen 34 Akta Ketenteraman Awam penggal 148 yang boleh membawa hukuman penjara sehingga tiga tahun

atau denda sebanyak tiga ribu ringgit, jika sabit kesalahan.

Teknologi maklumat komunikasi pada dasarnya adalah untuk memberi keselesaan dan memudahkan sesuatu perkara dan urusan. Oleh itu jika ia digunakan dengan niat yang betul maka ia akan membawa manfaat dan kesejahteraan hidup, akan tetapi jika disalah guna maka ia akan membawa kepada perkara yang sia-sia, merugikan dan boleh mengundang bencana dan perbalahan kepada bangsa, masyarakat mahupun negara.

Ketahuilah, pada setiap tahun di negara kita juga tidak ketinggalan mengadakan sambutan Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Bermaklumat Sedunia, tujuan utama sambutan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kegunaan *internet* dan teknologi maklumat komunikasi (ICT) bagi manfaat masyarakat dan juga ekonomi di samping ia juga digunakan untuk membantu orang ramai dalam memperkaya kehidupan melalui pemberian dalam penyediaan perkhidmatan kesihatan, pembelajaran, kewangan, pertanian, pengangkutan dan berbagai perkhidmatan lain.

Baru-baru ini pada 15 Julai 2019 Masihi yang lalu, bersempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Baginda telah bertitah memperkenankan penubuhan Majlis Ekonomi Digital untuk meneroka potensi ekonomi digital yang kreatif bagi tujuan untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara *Smart Nation*. Antara lain baginda juga menekankan bahawa semua negara tidak terkecuali Brunei Darussalam berada dalam zaman yang serba mencabar.

Cabarani ini pula pelbagai, perlu dihadapi dengan cara masing-masing. Cabaran dalaman bagi negara kita ialah memastikan hidup rakyat dan penduduk dapat diwujudkan melalui pelbagai rancangan, seperti rancangan memberikan perkhidmatan yang baik, penyediaan prasarana, yang merangkumi banyak bidang, seperti kesihatan, pendidikan, perundangan, pembangunan, perhubungan

dan lain-lain. Semua ini dihasratkan untuk menjamin kehidupan yang berkualiti. Kehidupan berkualiti adalah merupakan hak bagi rakyat untuk menikmatinya. Demikian baginda bertitah.

Akhirnya, dalam penggunaan teknologi maklumat komunikasi, kita sebagai pengguna hendaklah sentiasa bertanggungjawab menggunakannya dengan bijaksana dan dalam perkara yang bermanfaat dan bukan pada perkara yang sia-sia. Elakkanlah dari terjerumus ke dalam lembah dosa dan maksiat seperti melemparkan tuduhan, menyebarkan fitnah dan seumpamanya. Ingatlah, bahawa setiap apa yang telah kita sebarkan pasti akan disoal dan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa melindungi dan menyelamatkan kita, keluarga, bangsa dan Negara Brunei Darussalam ini dari segala perkara yang keji dan mungkar. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-Hujurat ayat 6 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika seseorang yang fasik datang kepada mu membawa suatu berita (maklumat), maka telitilah kebenarannya, agar kamu tidak mencelakakan suatu kaum kerana kebodohan (kecerobohan), yang akhirnya kamu menyesali perbuatan mu itu.”

Belia siaga masa depan bangsa dan negara

Keluaran Pelita Brunei 27 Julai 2019

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sentiasalah kita berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya, selamat dan bahagia di dunia dan di akhirat.

Memang menjadi hasrat sesebuah negara itu untuk memiliki rakyat dan penduduk yang mampu menyumbang ke arah kemajuan, kejayaan dan pembangunan tidak terkecuali juga negara kita Brunei Darussalam. Dalam hasrat dan cita-cita negara untuk membangun umat, bangsa dan negara, kita bukan hanya bergantung kepada kemantapan ekonomi semata-mata bahkan bergantung juga kepada sumber tenaga manusia itu sendiri, terutama golongan belia.

Sesungguhnya golongan belia itu adalah aset yang amat berharga kerana mereka adalah tonggak dan kekuatan masa depan sesebuah negara. Oleh itu para belia perlu mendapat asuhan, didikan dan bimbingan yang betul dan sempurna sehingga mereka menjadi golongan belia yang beriman, berilmu, beramal, patriotik dan mempunyai akhlak yang mulia yang berpandukan ajaran agama Islam. Justeru, bimbingan, asuhan dan didikan ini akan mengukuhkan jati diri para belia itu dan menjadikan mereka lebih bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara. Ketahuilah, bahawa belia yang dididik dan dibimbing oleh para ibu bapa mereka atau penjaga dengan nilai-nilai Islam, insyaa Allah tidak akan mudah melakukan perkara-perkara mungkar dan maksiat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Tahrim ayat 6 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka yang bahan bakarnya ialah manusia (orang kafir) dan batu-batu berhala, penjaganya ialah malaikat-malaikat yang kasar lagi keras (layanannya) mereka tidak menderhaka kepada Allah terhadap apa jua

yang diperintahkan kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan apa yang diperintahkan.”

Belia merupakan pewaris bangsa dan negara yang bakal menjadi pemimpin dan memikul tanggungjawab bagi menerajui negara pada masa hadapan. Oleh itu, untuk melahirkan belia yang berkualiti dan mampu untuk membangun dan memajukan negara, maka sesebuah negara itu memerlukan belia yang cemerlang. Kecemerlangan yang dimaksudkan ialah bersifat menyeluruh sama ada dari aspek duniawi maupun ukhrawi yang akan melahirkan generasi yang beriman dan bertakwa. Antara perkara-perkara yang perlu menjadi pegangan belia untuk menjadi belia yang cemerlang dan gigih berusaha dalam hidup ialah:

Pertama: Mempunyai keimanan dan akidah yang teguh, tidak mudah goyah atau terikut-ikut dengan anasir dan pengaruh yang tidak sihat, apatah lagi yang menyeleweng.

Kedua: Mempunyai kekuatan dalaman dan luaran tanpa mengenal erti takut atau gentar dan sentiasa berfikiran positif untuk rajin berusaha bagi mencapai cita-cita dan matlamat sama ada untuk diri sendiri maupun untuk agama, bangsa dan negara.

Ketiga: Mempunyai keinginan yang kuat untuk sentiasa rajin dan gigih berusaha serta bekerja keras. Sesungguhnya agama Islam tidak menggalakkan umatnya untuk malas berusaha dan memilih untuk bersikap meminta-minta tetapi Islam menekankan supaya umatnya berusaha dan bekerja dengan titik peluh sendiri. Daripada Abu Ubaidin Maula Abdir Rahman bin Auf, sesungguhnya dia telah mendengar daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu dia berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“Adalah lebih baik bagi seseorang itu mencari seberkas kayu api lalu dipikul di atas punggungnya dan terus dijual, daripada ia mengemis kepada orang lain yang kadang-kadang diberinya atau tidak.” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Keempat: Sanggup berkorban masa, harta dan tenaga demi mencapai kejayaan

dan kemenangan. Para belia perlu ingat bahawa tanpa pengorbanan, seseorang itu tidak mungkin akan dapat mencapai kecemerlangan dan kejayaan dalam kehidupan.

Belia adalah cermin kepada corak kepimpinan masa depan kerana survaviliti bangsa dan negara itu adalah terletak di bahu mereka. Oleh itu, pengisytiharan Hari Belia pada setiap 1 Oktober oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah satu pengiktirafan dan penghargaan negara terhadap golongan belia di negara ini untuk terus maju dan membangun negara di masa hadapan iaitu bagi meneruskan kesinambungan agenda pembangunan negara dan Wawasan Brunei 2035.

Semua pihak sama ada ibu bapa, keluarga, masyarakat dan negara adalah berperanan untuk membimbing dan memimpin golongan belia dengan menyediakan mereka dengan pelbagai kepakaran, pemikiran dan pendidikan terutamanya dalam era revolusi industri (4.0) ini. Selain itu para belia juga perlu menyediakan diri mereka untuk menuai keuntungan dalam ledakan industri ini dengan menceburkan diri secara aktif dalam ekonomi kreatif dan media digital.

Akhirnya, bagi menjamin nikmat kemakmuran dan kemajuan negara ini agar berterusan dan sentiasa membangun dari masa ke masa, kita amat memerlukan golongan belia yang berkeupayaan, berdaya tahan dan berdaya saing di era globalisasi yang kompetitif ini di samping meneruskan usaha dalam agenda pembangunan umat, negara dan Wawasan Brunei 2035. Sama-sama lah kita berdoa semoga belia-belia kita akan sentiasa berada di atas landasan jalan yang benar dan direday Allah Subhanahu Wata'ala jua. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Surah Ali-Imran ayat 110 tafsirnya:

“Kamu (wahai umat Nabi Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat yang makruf dan melarang daripada yang mungkar dan beriman kepada Allah. Dan kalau Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) beriman, tentulah yang demikian itu baik bagi mereka. (Tetapi) sebahagian daripada mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka ialah orang fasik.”

Khutbah Jumaat Bulan Ogos 2019

Hikmah ibadat korban

Keluaran Pelita Brunei 3 Ogos 2019

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sentiasalah kita berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya, selamat dan bahagia di dunia dan di akhirat.

Sekarang ini kita telah pun berada di bulan Zulhijjah, ini bererti tidak lama lagi kita akan meraikan Hari Raya Haji atau Hari Raya Korban. Pada hari tersebut, umat Islam disunatkan untuk mendirikan solat sunat Aidiladha dan seterusnya disunatkan bagi yang berkemampuan untuk melaksanakan ibadat korban dengan menyembelih binatang ternakan seperti unta, kerbau, lembu dan kambing pada waktu yang tertentu.

Adapun maksud waktu yang tertentu untuk menyembelih binatang korban itu ialah selepas naik matahari pada Hari Raya Adha iaitu setelah selesai sembahyang sunat Hari Raya Adha pada 10 Zulhijjah sehingga terbenam matahari akhir Hari Tasyrik iaitu hari ke-13 Zulhijjah. Jika ibadat korban dilakukan sebelum waktu tersebut, maka tidaklah ia dikira ibadat korban. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Daripada Al-Bara' bin Azib dia berkata: telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: bahawa yang mula-mula kami lakukan pada hari ini (Hari Raya Adha), kami sembahyang, kemudian kami balik ke rumah, selepas itu kami menyembelih korban, maka siapa yang membuat seperti yang demikian maka dia memperolehi sunat (ibadat) kami dan siapa yang menyembelih sebelum sembahyang, maka yang demikian itu hanyalah daging biasa yang dibahagi-bahagikan kepada keluarga, bukanlah yang demikian itu termasuk dalam ibadat korban: Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Hukum berkorban itu adalah sunat muakadah iaitu sunat yang sangat dituntut bagi

orang yang baligh, berakal, merdeka dan berkemampuan untuk melaksanakannya. Maksud berkemampuan di sini ialah orang yang mampu untuk berkorban setelah ada lebihan daripada keperluannya pada Hari Raya Adha dan Hari-hari Tasyrik. Menurut jumhur ulama, sunat melakukan korban bagi orang yang mampu dan adalah makruh hukumnya jika dia tidak melakukannya sedangkan ia mampu untuk melaksanakan ibadat korban tersebut. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : barangsiapa yang mempunyai kelapangan (mampu) untuk berkorban tetapi dia tidak berkorban maka janganlah dia datang mendekati tempat kami bersembahyang ini." Riwayat Ibnu Majah.

Selain itu, terdapat juga beberapa perkara yang sunat dilakukan bagi orang yang hendak melakukan ibadat korban iaitu apabila telah masuk 1 Zulhijjah iaitu setelah sabit kelihatan anak bulan Zulhijjah. Maka disunatkan ke atas orang yang hendak berkorban itu supaya tidak mencabut, mengatip, memotong, menggunting, mencukur mana-mana anggota zahir dari tubuh badannya seperti rambut, misai, janggut, kuku dan sebagainya sehingga dia selesai melaksanakan ibadat korbannya dan adalah makruh hukumnya jika dia mengabaikan tuntutan ini. Daripada Umi Salamah Radhiallahuanha bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya:

"Barang siapa yang ada sembelihan untuk disembelih (hendak dijadikan binatang korban), maka apabila telah nampak hilal Zulhijjah (telah masuk hari-hari yang sepuluh-sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah), janganlah dia sekali-kali mengambil (memotong) sesuatu pun daripada rambut dan kukunya, sehingga dia selesai menunaikan ibadah korban."

Bagi orang yang menunaikan ibadah korban lebih dari seekor binatang korban, hukum makruh memotong rambut, kuku, bulu dan anggota badan itu berakhir dengan selesai sembelihan pertama daripada binatang korbannya. Walau bagaimanapun, afdal bagi orang yang berkorban itu untuk tidak memotongnya sehingga selesai semua binatang korbannya disembelih.

Ketahuilah, terdapat hikmah di sebalik pensyariatan ibadat korban, antaranya :

Pertama: Menanam sifat ikhlas dalam melaksanakan apa jua ibadat yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Kedua: Menyemai sikap sentiasa bersyukur terhadap segala nikmat dan rezeki yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketiga: Mengasuh dan mendidik diri supaya bersikap sabar terhadap apa jua ujian yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam kehidupan, tidak mengeluh dan tetap menyerah dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 156 tafsirnya:

“Iaitu orang-orang yang apabila ditimpa oleh sesuatu musibah, mereka berkata: ﴿أَنَّا لِلّٰهِ قَرٰبٰةٌ﴾ (sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada-Nya jualah kami kembali).

Keempat: Memupuk sikap pemedulian dan prihatin terhadap masyarakat. Ini jelas melalui pengagihan daging-daging korban tersebut menunjukkan sikap pemedulian kepada yang berhak menerima khususnya kepada para fakir miskin dan golongan yang memerlukan.

Akhirnya, marilah kita sama-sama muhasabah diri untuk memanfaatkan kelebihan rezeki yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita untuk melaksanakan ibadat korban. Mudah-mudahan dengan ibadat korban yang kita lakukan itu rezeki kita semakin bertambah berkat dan dijauhi dari segala musibah dan malapetaka. Semoga segala amal kebaikan yang kita lakukan atas dasar keikhlasan dan ketakwaan itu diterima Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda dan dimasukkan ke dalam syurga yang kekal abadi. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-Hajj ayat 37 tafsirnya:

“Daging dan darah binatang korban itu sekali-kali tidak akan sampai kepada Allah tetapi yang sampai kepada-Nya ialah ketakwaan kamu. Demikianlah Dia memudahkannya untuk kamu supaya kamu membesarluan Allah atas hidayat-Nya kepada kamu. Dan sampaikanlah kabar gembira kepada orang-orang yang berbuat kebaikan.”

Janji Allah kepada hamba-Nya yang berdoa

Keluaran Pelita Brunei 10 Ogos 2019

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenarnya benar takwa, melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sentiasalah kita berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya, selamat dan bahagia di dunia dan di akhirat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah Ayat 186 yang tafsirannya:

“Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu wahai Nabi Muhammad mengenai Aku maka katakan kepada mereka : Sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir kepada mereka. Aku memperkenankan permohonan orang-orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka menyahut seruan-Ku dengan mematuhi perintah-Ku dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka sentiasa berada dalam kebenaran.”

Sebagai hamba Allah Subhanahu Wata'ala, kita sentiasa mengharapkan rahmat, keredaan, keampunan dan pertolongan daripada-Nya. Adapun antara cara untuk mendapatkan ialah melalui doa. Sesungguhnya doa bererti permintaan atau permohonan dan luahan hasrat hati seorang hamba kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk menyatakan sesuatu hajat lebih-lebih lagi ketika ditimpa ujian dan dugaan.

Perlu diingat, berdoa itu hendaklah dilakukan pada setiap masa dan keadaan, lebih-lebih lagi pada waktu ketika kita sedang sihat dan senang kerana dengan cara itu apabila kita berdoa pada waktu susah, doa akan mudah diperkenankan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Dari pada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Sesiapa suka supaya dimakbulkan doanya oleh Allah pada waktu kesulitan dan kesusahan, maka hendaklah dia memperbanyakkan doa pada waktu senang.”

Ketahuilah, doa adalah satu ibadat dan sebagai tanda keimanan dan keyakinan kita bahawa tiada tempat untuk mengadu, memohon atau meminta pertolongan dan perlindungan selain daripada Allah Subhanahu Wata'ala sahaja. Daripada Al Nu'man bin Basyir beliau berkata: Aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“Doa itu adalah ibadat, kemudian Baginda membaca dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sompong takbir daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk neraka jahanam dalam keadaan hina.” (Diriwayatkan Al-Imam At-Tarmizi).

Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Tidak ada sesuatu (zikir dan ibadat) yang lebih mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala daripada doa.” Diriwayatkan Al-Imam At-Tarmizi.

Sesungguhnya doa mempunyai kedudukan yang mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, kita dituntut untuk membacanya dengan beradab.

Antara adab-adabnya ialah kita disunatkan berwuduk, menghadap kiblat, memulakan dan mengakhiri doa dengan memuji nama Allah Subhanahu Wata'ala serta membaca selawat dan salam kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, merendahkan diri dan suara, menadah kedua tangan, khusyuk dan berdoa dengan penuh harapan serta berasa yakin bahawa doa kita akan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, terdapat juga beberapa waktu yang tepat dan tempat yang sesuai, jika kita berdoa maka doa itu akan mudah dan cepat dimakbulkan. Antaranya ialah pada satu pertiga malam, pada malam Jumaat dan hari Jumaat, selepas menuaikan sembahyang fardu, ketika sujud dalam sembahyang, waktu antara azan dan iqamat, ketika khatib duduk antara dua khutbah, dalam bulan Ramadan, Hari Arafah dan sebagainya. Manakala antara tempat yang mustajab untuk berdoa ialah di Masjidil Haram, Masjidil Nabawi dan Masjidil Aqsa.

Ketahuilah, Allah Subhanahu Wata'ala telah berjanji di dalam Al-Quran untuk memakbulkan dan memperkenankan permohonan doa hamba-hamba-Nya bahkan Allah Subhanahu Wata'ala malu jika menolak permintaan hamba-hamba-Nya dengan tangan yang kosong. Daripada Salman Al-Parsi, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“Sesungguhnya Tuhan kamu Tabaraka Wata'ala pemalu lagi pemurah, Dia malu kepada hamba-Nya apabila (berdoa) mengangkat kedua tangan memohon kepada-Nya, dan mengembalikan kedua tangannya dengan tidak memberikannya apa-apa (daripada rahmat-Nya).” Riwayat Al-Imam Abu Daud.

Ketika berdoa, janganlah kita terburu-buru mengharapkan supaya doa kita cepat dikabulkan. Seandainya doa kita belum juga dimakbulkan, janganlah kita berputus asa untuk terus berdoa memohon kepada-Nya kerana setiap doa dan permohonan kita sama ada cepat atau lambat insyaaAllah, pasti akan diperkenankan. Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“Tiada seseorang yang memohon kepada Allah dengan satu doa melainkan dimakbulkan untuknya, sama ada disegerakan permohonannya itu di dunia, dan sama ada disimpan permohonannya itu di akhirat, dan sama ada diampunkan dia daripada dosa-dosanya dengan kadar yang dipohonkan, selagi dia tidak memohon perkara dosa atau memutus silaturahim atau tergesa-gesa (untuk dimakbulkan doanya). Mereka berkata, “Wahai Rasulullah! Bagaimana tergesa-gesa itu?” Baginda bersabda: Dia berkata: “Aku berdoa kepada Tuhanku namun Dia tidak memakbulkan untukku.”

Selain itu, hindarkanlah diri kita daripada menzalimi dan menganiaya orang lain kerana doa orang yang dizalimi itu adalah mustajab. Daripada Ibnu Abas Radhiallahuanhu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berpesan kepada Mu'az bin Jabal ketika Baginda mengutusnya ke Yaman yang maksudnya:

“Dan takutlah doa orang yang dizalimi, kerana tidak ada hijab (penghalang) antara ia dengan Allah.”

Berdoa bukanlah hanya untuk diri sendiri sahaja bahkan kita juga dituntut untuk mendoakan orang lain, terutamanya ibu bapa, anak-anak, ahli keluarga, saudara mara, Muslimin dan Muslimat sama ada yang masih hidup ataupun yang telah meninggal dunia.

Sesungguhnya ibu bapa adalah orang yang paling utama untuk didoakan oleh anak-anak, lebih-lebih lagi apabila keduanya telah meninggal dunia. Ini adalah bagi membala jasa mereka kerana telah memelihara dan mendidik kita sewaktu kecil. Malah penjagaan mereka terhadap anak-anak itu berterusan sehingga dewasa, tiada penghujungnya. Begitu juga halnya dengan ibu bapa, mereka digalakkan supaya mendoakan anak-anak mereka. Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya diangkat darjat seseorang hamba di dalam Syurga, lalu dia berkata: “Dari mana (Saya memperolehi darjat) ini?” Maka dia katakan padanya: “(ianya) daripada doa permohonan keampunan yang dilakukan oleh anakmu.”

Riwayat Ibnu Majah.

Perlu diingat dan difahami bahawa tujuan kita berdoa itu antaranya ialah untuk memohon rahmat, keberkatan dan keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Akan tetapi, terdapat segelintir daripada masyarakat kita yang bersikap cuai, tidak bersungguh-sungguh dan kurang mengambil berat dan perhatian akan amalan berdoa. Begitu juga halnya setelah selesai mendirikan sembahyang berjemaah, terutamanya ketika mendirikan sembahyang berjemaah di masjid-masjid, terdapat segelintir orang yang terus berdiri dan beredar tanpa berdoa terlebih dahulu.

Alangkah ruginya mereka yang tidak ikut serta berdoa kerana di dalam doa yang dibacakan itu lazimnya mengandungi permohonan untuk mendapatkan keampunan, rahmat, keberkatan, kesejahteraan, kesihatan, keselamatan, memohon perlindungan untuk diri dan keluarga dari marabahaya, bencana dan sebagainya. Oleh itu, apabila doa dibacakan kita hendaklah menghormatinya, meluangkan sedikit masa dengan mendengarnya dan memberikan perhatian dengan penuh khusyuk. Bukannya melakukan perkara-perkara lain seperti bercakap-cakap, bergurau senda, menggunakan telefon bimbit dan sebagainya.

Akhirnya, marilah kita sama-sama memperbanyak membaca doa pada setiap masa dan keadaan, baik di kala senang maupun susah, di kala kaya ataupun miskin dan percayalah janji Allah Subhanahu Wata'ala yang akan memperkenankan doa permohonan bagi sesiapa yang memohon kepada-Nya. Semoga kita tidak tergolong di kalangan orang-orang yang menyombongkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana tidak berdoa kepada-Nya. Mudah-mudahan segala amal ibadat dan doa-doa yang kita lakukan dan panjatkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ghafir Ayat 60 yang tafsirannya:

“Dan Tuhan kamu berfirman: “Berdoalah kepada-Ku nescaya Aku memperkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadat kepada-Ku akan masuk neraka jahanam dalam keadaan hina.”

Menegur dan menasihati dengan berhemah dan bijaksana

Keluaran Pelita Brunei 17 Ogos 2019

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sentiasalah kita berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya, selamat dan bahagia di dunia dan di akhirat.

Agama kita adalah agama yang sempurna. Agama Islam bukan sahaja menyuruh umatnya untuk beribadat seperti mendirikan sembahyang, berpuasa dan menunaikan haji, bahkan agama kita juga menyuruh umatnya untuk sentiasa menjaga kesejahteraan hidup, bekerjasama, bersatu-padu, hidup berbaik-baik dan bantu-membantu antara satu sama lain. Oleh itu, bagi mencapai tujuan tersebut, agama kita mengajar umatnya untuk saling tegur-menegur dan nasihat-menasihati antara satu dengan yang lain.

Sesungguhnya tegur-menegur dan nasihat-menasihati itu adalah perbuatan yang sangat baik dan dianjurkan dalam agama kita. Sememangnya kita sebagai manusia biasa, perlu mendapat teguran dan nasihat daripada orang lain kerana dari teguran dan nasihat itulah, kita akan dapat menilai dan menyedari kesilapan, kesalahan dan kelemahan diri sendiri. Daripada Tamim Ad-Dari Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya :

“Agama itu adalah nasihat, kami bertanya: Untuk siapa? Baginda bersabda: Untuk Allah, untuk kitab-Nya, untuk Rasul-Nya, untuk para pemimpin kaum Muslimin, dan kaum Muslimin secara umum.” Riwayat Al-Imam Muslim.

Perlu diingat, teguran dan nasihat yang hendak kita sampaikan perlulah dilakukan dengan penuh adab dan sopan kerana tanpa adab dan tatacara yang betul, ia bukan sahaja boleh menimbulkan salah faham, bahkan boleh menimbulkan kemarahan sehingga menyebabkan terjadinya pergaduhan, permusuhan dan persengketaan. Oleh itu, adab dan sopan perlulah ada dalam menegur, menasihati, memberikan sebarang kritikan, pendapat dan sebagainya.

Ketahuilah, menegur dan ditegur, penerimaannya adalah berbeza bagi setiap individu kerana tidak semua orang boleh menerima sebarang teguran, nasihat dan kritikan. Tanamkanlah sifat berlapang dada dan menerima setiap teguran dan nasihat itu dengan hati yang terbuka. Selain itu, niat kita hendak menegur dan menasihati seseorang itu juga mestilah betul, iaitu untuk kebaikan dan bukannya bertujuan untuk menghukum, menjatuhkan maruah, menghina, mengabikan, berdendam, berniat buruk dan sebagainya. Oleh itu, cara kita menegur dan menasihati juga perlulah berhemah, bijaksana dan janganlah kita sengaja mencari-cari kelemahan dan keaiban orang lain. Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

“Seorang Mukmin adalah cermin bagi saudaranya. Jika dia melihat suatu aib pada diri saudaranya, maka dia memperbaikinya.” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Dalam kehidupan ini, kita perlu menjaga dua hubungan, iaitu *Hablim Minallah* (hubungan dengan Allah) dan *Hablim Minannas* (hubungan dengan manusia). Oleh itu, janganlah dijadikan teguran dan nasihat itu penyebab terjadinya perselisihan, keretakan dan kerenggangan dalam hubungan silaturahim. Sesungguhnya ramai daripada kita yang tidak pernah memandang dan memerhati akan kekurangan dan keburukan yang ada pada diri kita sendiri, akan tetapi kita selalu sahaja menghitung dan mengira kelemahan dan keburukan yang ada pada diri orang lain.

Ingatlah, adalah lebih baik bagi kita untuk memperbetulkan diri sendiri terlebih dahulu sebelum kita memperbetulkan diri orang lain. Imam as-Syafie Rahimahullahu Ta'ala berkata: *“Sebesar-besar keaiban atau keburukan adalah engkau mengira keburukan orang lain sedangkan keburukan tersebut terdapat dalam dirimu sendiri.”*

Setiap teguran atau nasihat itu perlu diteliti dan dihalusi, orang yang menegur mestilah dalam keadaan tenang dan bukannya dalam keadaan marah atau emosi sehingga menyebabkan kita melafazkan kata-kata kesat dan yang tidak sepatutnya diucapkan. Semua itu tidak akan dapat menyelesaikan masalah, sebaliknya ia hanya akan mengeruhkan lagi keadaan. Ketahuilah, terdapat tatacara dan adab

yang boleh kita ikuti perhatian dalam menegur dan menasihati seseorang itu dengan cara yang baik, antaranya:

Pertama: Menggunakan gaya bahasa yang paling sesuai iaitu lembut dan bersopan. Janganlah sesekali kita menegur dengan menggunakan nada suara yang tinggi dan gaya bahasa yang kasar kerana kita menegur bukan untuk menghebohkan dan mendedahkan keaiban orang lain tetapi untuk memberi kesedaran dan kefahaman.

Suruhan Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Musa Alaihissalam dan saudaranya Harun untuk menegur bagi memperingatkan Raja Firaun dengan berkata lembut, bukan kasar agar sedar dan memberhentikan kezaliman yang dilakukan ke atas rakyatnya bangsa Kubti di Mesir pada zaman dahulu. Semoga dengan itu Raja Firaun insaf takutkan Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Thaha ayat 44 yang tafsirnya:

“Maka kamu katakan kepadanya kata-kata yang lemah-lembut, mudah-mudahan dia beringat (sedar) atau takut (kepada Tuhan).”

Kedua: Elakkanlah dari menegur kesilapan atau kesalahan di khalayak ramai. Lihatlah situasi dan keadaan, tegurlah ketika dia sedang bersendirian atau di tempat yang tertutup bukannya dengan cara yang boleh menimbulkan perasaan malu kepada orang yang ditegur. Imam as-Syafie Rahimahullah Ta'ala berkata: *“Sesiapa yang menasihati secara sembuni-sembuni, maka ia benar-benar menasihati. Sesiapa yang menasihatimu di khalayak ramai, maka ia sebenarnya sedang menghinamu.”*

Ketiga: Tegurlah dengan cara yang bijaksana dan menggunakan kata-kata yang baik dan bermanfaat agar tidak menyinggung perasaan orang yang ditegur, berhati-hatilah dalam memilih perkataan yang elok dan sesuai agar orang itu tidak berasa terhina dan rendah diri. Oleh itu, berilah nasihat dengan hati dan akal fikiran bukannya dengan emosi.

Keempat: Adalah lebih elok jika dilakukan secara empat mata, iaitu dengan cara bersemuka, bukannya dengan menggunakan perantaraan orang lain, media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Twitter, Instagram dan sebagainya. Akan tetapi jika kita terpaksa juga menggunakan medium atau saluran tersebut untuk membuat sebarang teguran dan memberi nasihat. Dalam hal ini, kita perlulah bersikap bijak dengan memastikan bahawa ayat ataupun perkataan yang hendak digunakan itu adalah bersesuaian. Ini kerana medium atau saluran media sosial adalah tempat umum dan terbuka yang boleh sahaja menimbulkan pelbagai andaian, pandangan atau persepsi sama ada yang positif maupun yang negatif.

Kelima: Orang yang menegur hendaklah meminta maaf selepas membuat teguran kerana tujuan meminta maaf itu adalah untuk memujuk hati orang yang ditegur supaya jangan sampai berkecil hati atau ‘berusik hati’ atas teguran yang telah diberikan.

Keenam: Janganlah bersangka buruk, sentiasalah bersangka baik terhadap orang yang kita tegur kerana mungkin sahaja mereka itu jahil dan tidak mengetahui tentang apa yang mereka lakukan itu adalah satu kesilapan dan kesalahan. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

“Jauhilah kamu dari prasangka, kerana sesungguhnya prasangka itu adalah sebohong-bohong rekaan rasa hati.” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Akhirnya, budayakanlah amalan tegur-menegur dan nasihat-menasihati sesama kita dengan cara yang baik, berbudi bahasa, kata-kata yang lembut dan bijaksana. Berilah teguran dengan niat yang ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan cara yang penuh berhemah agar teguran tersebut dapat diterima dengan hati yang terbuka. Terimalah teguran dengan bersangka baik supaya kita dapat memperbaiki diri dan mengeratkan silaturahim sesama kita. Sama-sama kita berdoa semoga kita semua akan dapat hidup aman damai, harmoni, bersatu padu dan semoga kita semua akan mendapat keselamatan dan kesejahteraan di dunia dan juga di akhirat. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nahl ayat 125 yang tafsirnya:

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Nabi Muhammad) dengan hikmah (kebijaksanaan) dan nasihat pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang terbaik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia yang lebih mengetahui siapa yang sesat daripada jalan-Nya dan Dialah juga yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.”

Hiasi diri dengan sifat malu

Keluaran Pelita Brunei 24 Ogos 2019

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab ayat 21 yang tafsirnya:

“Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu, iaitu bagi orang yang mengharapkan (keredaan) Allah dan (kebahagiaan) hari akhirat serta banyak berzikir mengingati Allah.”

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah contoh teladan dan ikutan yang terbaik bagi seluruh umat manusia. Oleh itu, sebagai umat Islam, kita hendaklah mengikuti dan mencontohi sifat-sifat dan akhlak Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Adapun antara akhlak dan sifat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang mesti dan patut kita contoh ialah sifat malu. Imam Al-Ghazali Rahimallahu Ta'ala berkata bahawa malu adalah perhiasan Mukmin sejati. Ia merupakan akhlak para nabi dan para rasul yang harus dimiliki oleh setiap orang yang mengaku umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sesungguhnya sifat malu adalah sifat yang mengajar kita untuk sentiasa menghiasi diri dengan sifat-sifat yang mulia dan terpuji. Ini kerana sifat malu dapat mencegah dan menjauhkan kita daripada melakukan sebarang bentuk perbuatan dosa, berkelakuan buruk, hina dan tercela. Selain itu, perasaan malu juga akan membuatkan seseorang itu untuk lebih berhati-hati dalam setiap gerak-geri dan tingkah laku sama ada dari segi perkataan maupun perbuatan. Daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Tidaklah sifat buruk berada dalam sesuatu (pada seseorang) melainkan akan memburukannya, dan tidaklah sifat malu ada dalam sesuatu (pada seseorang) kecuali ia akan menghiasinya.” Riwayat Al-Imam At-Tarmizi.

Imam Muslim Rahmatullah Ta’ala meriwayatkan, daripada Abdullah bin Umar bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: *“Malu itu adalah sebahagian daripada iman.”* Ini menunjukkan bahawa sifat malu merupakan perhiasan sejati seorang Muslim kerana orang yang tidak mempunyai rasa malu itu bererti imannya cacat. Oleh itu, tanamkan dalam diri kita dan suburkanlah rasa malu, kerana ia merupakan sifat-sifat para nabi dan para rasul.

Oleh itu, beruntunglah mereka yang dapat menghiasi dirinya dengan sifat malu kerana sifat malu itu adalah sebahagian daripada iman dan iman itu pula tempatnya di syurga. Manakala sifat tidak malu itu pula merupakan perangai yang buruk dan tempatnya adalah di neraka. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Rasa malu adalah sebahagian daripada keimanan dan keimanan berada di syurga. Sedangkan tindakan kotor adalah sebahagian dari perangai yang kasar dan perangai kasar tempatnya di neraka.” Riwayat Al-Imam At-Tarmizi.

Sesungguhnya sifat malu itu terbahagi kepada dua jenis, iaitu:

Pertama: Malu yang tercela iaitu meletakkan malu bukan pada tempatnya seperti malu untuk bertanya mengenai sesuatu ilmu yang tidak diketahui.

Kedua: Malu yang terpuji iaitu meletakkan malu pada tempatnya seperti malu kepada Allah Subhanahu Wata’ala, malu melakukan dosa dan sebagainya.

Menurut Al-Maawardi dalam Kitab ‘Adab Ad-Dunia Waddiin’ beliau membahagikan malu yang terpuji itu kepada tiga, iaitu:

Pertama: Malu kepada Allah Subhanahu Wata’ala, iaitu dengan menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang ditegah dan dilarang oleh Allah Subhanahu

Wata’ala. Terdapat beberapa cara yang dapat dilakukan untuk menanamkan perasaan malu kepada Allah Subhanahu Wata’ala, antaranya seperti menjaga anggota badan dan pancaindera kita daripada melakukan maksiat, sentiasa ingat kepada kematian, sentiasa menyedari akan segala kelemahan, dosa atau maksiat yang pernah dilakukan.

Ketahuilah, apabila kita menyedari dan menginsafi akan segala dosa, kelemahan dan kekurangan diri sendiri, maka sudah setentunya kita akan berasa malu dan segan untuk mengingkari suruhan dan perintah Allah Subhanahu Wata’ala. Daripada Abdullah bin Mas’ud Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: *“Malulah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar malu. Abdullah bin Mas’ud mengatakan bahawa para sahabat menjawab, “Wahai Rasulullah, sesungguhnya kami memang malu (kepada Allah), alhamdulillah, balas Baginda, bukan begitu, tetapi malulah kepada Allah dengan sebenar-benar malu, maka jagalah kepala dan kandungannya (seperti telinga, mulut dan mata) jagalah perut dan semua yang berhubungan dengannya (seperti kemaluan, tangan, kaki dan hati), serta ingatlah kematian dan kehancuran (di dalam kubur) sesiapa yang melakukan semua ini, dia telah malu kepada Allah dengan sebenar-benar malu.”* Riwayat Imam Tarmizi.

Kedua: Malu kepada manusia iaitu menahan diri daripada mengganggu dan menyakiti orang lain dengan meninggalkan perbuatan-perbuatan buruk yang tidak sepatutnya dilakukan terhadap orang lain seperti menganiaya atau menzalimi orang, menyebarkan fitnah, mengadu domba, menjadi batu api dan seumpamanya.

Ketiga: Malu kepada diri sendiri iaitu sentiasa menjaga kehormatan diri dan menjaga diri daripada sifat-sifat tercela seperti berasa malu untuk menilai keaibah dan keburukan orang lain sedangkan diri sendiri juga banyak dosa dan kesalahan.

Adapun antara tanda-tanda kurangnya perasaan malu itu ialah apabila seseorang itu secara terang-terangan melakukan kesalahan, kemungkaran dan maksiat. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Setiap umatku dimaafkan kecuali orang yang terang-terangan dalam bermaksiat (kerana hilang sifat malu). Iaitu seseorang yang telah berbuat dosa di malam hari lantas di pagi harinya ia berkata bahawa ia telah berbuat dosa ini dan itu padahal Allah telah menutupi dosanya. Pada malam harinya, Allah telah menutupi aibnya, namun di pagi harinya ia membuka sendiri aib yang telah Allah tutupi.” Riwayat Al-Imam Muslim.

Selain itu, antara tanda-tanda kurangnya rasa malu juga ialah:

Pertama: Orang yang melafazkan perkataan-perkataan atau kata-kata yang menyakitkan perasaan dan hati orang lain dengan sengaja.

Kedua: Wanita yang berpakaian, namun seolah-olah tidak berpakaian.

Ketiga: Lelaki yang berkongsi perkara sulit tentang rumah tangganya dengan orang lain.

Oleh yang demikian, sama-sama kita menghiasi diri kita dan keluarga kita dengan sifat malu kerana ia adalah benteng atau penghalang yang boleh mengelakkan diri kita daripada melakukan perbuatan mungkar dan maksiat. Ingatlah, bahawa azab dan seksaan Allah Subhanahu Wata’ala itu amatlah pedih. Akhirnya, semoga kita sentiasa dikurniakan rahmat dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata’ala serta terhindar dan terselamat daripada azab seksa-Nya. Aamiin Ya Rabbal Alamin. Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Mulk ayat 12 yang tafsirnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka (walaupun) mereka tidak melihat-Nya, mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar.”

Hijrah itu satu pengorbanan

Keluaran Pelita Brunei 31 Ogos 2019

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata’ala dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata’ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata’ala dan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Tidak lama lagi kita akan meninggalkan Tahun 1440 Hijrah dan akan memasuki Tahun Baharu 1441 Hijrah. Ini bererti hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sudah pun berlalu hampir 15 abad lamanya, namun ia tetap menjadi kenangan dan ristaan zaman-berzaman yang tidak boleh dilupakan kerana ia merupakan sejarah agung yang telah membawa perubahan kepada kehidupan umat Islam pada ketika itu, iaitu kepada kehidupan yang lebih bertamadun dan lebih sempurna.

Sesungguhnya hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersama para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda meninggalkan Kota Mekah menuju ke Kota Madinatul Munawwarah bukanlah kerana takut disiksa atau dibunuhi oleh pihak musuh, akan tetapi ia adalah perintah Allah Subhanahu Wata’ala, mereka meninggalkan keluarga, rumah dan harta benda semata-mata untuk mencari keredaan Allah Subhanahu Wata’ala. Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah An-Nisa’ ayat 97 yang tafsirannya:

“Sesungguhnya orang-orang yang diambil nyawa mereka oleh malaikat dalam keadaan mereka menganiaya diri mereka sendiri (enggan berhijrah untuk membela Islam dan rela ditindas oleh kaum kafir musyrik), mereka (malaikat) bertanya dengan berkata: “Bagaimana keadaan kamu dahulu?” Mereka menjawab: “Kami dahulu ialah orang yang tertindas di bumi (Mekah dan tidak berdaya untuk membela agama).” Malaikat bertanya lagi: “Bukankah bumi Allah itu luas, yang membolehkan kamu berhijrah padanya?” Maka orang-orang yang sedemikian itu tempat mereka ialah neraka Jahanam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali.”

Oleh itu, bagi mengingati peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, tidak cukup hanya sekadar menyebut dan mengingatinya sahaja, akan tetapi apa yang lebih penting ialah menghidupkan erti sebenar hijrah itu dalam kehidupan kita sehari-hari dengan melakukan perubahan dari satu keadaan yang baik kepada satu keadaan yang lebih baik.

Peristiwa hijrah yang penuh dengan perjuangan dan pengorbanan ini pasti tidak akan dapat dilupakan oleh seluruh umat Islam kerana hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam inilah yang telah menjadi sumber inspirasi perjuangan umat Islam sepanjang zaman. Oleh itu, walaupun kita tidak bersama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda dalam peristiwa hijrah tersebut, namun konsep hijrah itu akan tetap berterusan untuk kita hidup dan tidak akan berakhir sehingga Hari Kiamat. Daripada Ma'ayah Radhiallahu Anhu, ia berkata: Aku telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Hijrah itu tidak akan terhenti sehingga tertutupnya peluang taubat dan peluang taubat itu tidak akan tertutup sehingga matahari terbit dari tempat terbenam." Riwayat Al-Imam Abu Daud.

Ketahuilah, maksud hijrah itu bukan sahaja terbatas kepada pengertian berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain akan tetapi hijrah itu dalam erti kata yang luas ialah perpindahan yang membawa kepada perubahan iaitu hijrah hati, meningkatkan keimanan dan ketakwaan, menambah ilmu pengetahuan, memperbanyak amal soleh, mengamalkan akhlak Islam, meninggalkan segala perbuatan yang ditegah dan dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala, melaksanakan segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keimanan, ketakwaan dan ketaatan. Sebagai umat Islam, hijrah seperti inilah yang mesti dilakukan dalam setiap masa dan keadaan. Daripada Abdullah bin Amru Radhiallahu Anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Orang yang berhijrah itu ialah orang yang meninggalkan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah." Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Antara pengajaran yang dapat kita ambil dari peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah:

Pertama: Kesabaran dan ketekunan hati Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat Baginda dalam mempertahankan cita-cita demi menegakkan dakwah, syiar dan agama Islam. Walaupun mengalami pelbagai ujian, dugaan dan kepayahan akan tetapi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat Baginda masih tetap mempertahankan akidah, pendirian dan keyakinan mereka.

Kedua: Tidak bertolak ansur atau memandang ringan dalam hal yang berkaitan dengan akidah. Walaupun Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah diberikan pelbagai tawaran yang menarik atau ugutan dan penghinaan bagi menyekat dan memberhentikan kegiatan dakwah Baginda, namun Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tetap dengan pendiriannya dan tidak bertolak ansur dalam perkara yang berkaitan dengan akidah atau mentauhidkan Allah Subhanahu Wata'ala kerana tidak ada erti nyata segala harta benda, kekayaan dan pangkat kebesaran sekiranya akidah dan syiar agama itu terancam, musnah dan dimusuhi.

Sesungguhnya hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah membawa perubahan yang amat besar kepada kebangkitan, kemantapan dan perkembangan agama Islam, bahkan hijrah Baginda juga adalah titik bermulanya kuasa dan kekuatan agama Islam itu berkembang dan tersebar ke seluruh dunia. Oleh itu, hikmah dan rahsia di sebalik peristiwa hijrah itu hendaklah dihayati dan dijadikan pengajaran dalam menjalani kehidupan ini.

Bersempena Tahun Baharu 1441 Hijrah yang bakal menjelang ini, marilah kita melakukan hijrah dengan sentiasa mentaati Allah Subhanahu Wata'ala melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Memperkasa diri kita selaku mukmin sejati agar tidak mudah tunduk dengan pelbagai dugaan dan cabaran yang cuba mempengaruhi kita untuk mengingkari hukum dan perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Ingatlah, hanya dengan pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala sahajalah yang dapat menyelamatkan kita semua, menyelamatkan agama, menyelamatkan umat dan negara.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah berjanji di dalam Al-Quran bahawa barang siapa yang bertakwa kepada-Nya dengan mengikuti segala perintah-Nya, nescaya Allah Subhanahu Wata'ala akan menyediakan untuknya jalan keluar dari apa jua yang menyusahkannya dan akan mengurniakannya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Akhirnya, sama-sama lah kita membuat penghijrahan iaitu melakukan perubahan dari satu keadaan yang baik kepada satu keadaan yang lebih baik. Mudah-mudahan dengan yang demikian kita dapat bekerjasama untuk membangun agama, masyarakat, bangsa dan negara dengan petunjuk dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Thalaq ayat 3 yang tafsirannya:

“Dan Dia mengurniakannya rezeki dari arah yang tidak terlintas di fikirannya. Dan sesiapa yang bertawakal kepada Allah maka cukuplah Allah itu baginya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusan-Nya. Allah telah menetapkan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu.”

Khutbah Jumaat Bulan September 2019

Menghargai dan memanfaatkan nikmat umur

Keluaran Pelita Brunei 7 September 2019

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sentiasalah kita berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya dan selamat di dunia dan di akhirat. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ibrahim ayat 34 tafsirnya:

“Dan Dia telah mengurniakan kepada kamu segala apa yang kamu pohonkan kepada-Nya, dan jika kamu menghitung nikmat Allah tentulah kamu tidak terkira banyaknya, sesungguhnya manusia itu sangat zalim lagi sangat kufur.”

Allah Subhanahu Wata'ala itu Maha Pengasih dan Maha Penyayang, mengurniakan kita dengan pelbagai nikmat yang sudah pasti kita tidak akan mampu untuk mengira nikmat-nikmat itu walaupun kita cuba untuk melakukannya. Antara nikmat yang sering kita lupa ialah nikmat umur.

Sememangnya sudah menjadi fitrah manusia itu cenderung dan suka kepada harta dan juga menyukai umur yang panjang bahkan dengan semakin bertambahnya usia, semakin bertambah besarlah pula keinginan kita terhadap harta dan umur. Daripada Anas bin Malik Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Anak Adam semakin tua, tetapi dua perkara padanya bertambah muda iaitu cinta terhadap harta dan kehendak untuk umur yang panjang.” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Sesungguhnya kita mestilah menghargai dan memanfaatkan nikmat umur yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita dan janganlah sekali-kali ia digunakan melakukan perkara-perkara yang sia-sia apatah lagi perkara dosa dan maksiat. Dari hadis yang diriwayatkan oleh Imam At-Termidzi, daripada Abu

Bakrah Radhiallahuanhu berkata, telah datang seorang lelaki kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lalu bertanya: *“Wahai rasul Allah, siapakah sebaik-baik manusia?”* Baginda berkata: *“Sebaik-baik manusia ialah orang yang panjang umurnya dan baik amalannya.”* Berkata lelaki itu lagi: *“Siapakah sejahat-jahat manusia?”* Baginda berkata: *“Sejahat-jahat manusia ialah orang yang panjang umurnya tetapi digunakannya untuk berbuat kejahatan.”*

Allah Subhanahu Wata'ala telah menetapkan umur seseorang itu sebelum ia dilahirkan ke dunia ini idak ada seorangpun yang tahu bilakah usianya akan berakhir, oleh itu, sebelum tiba masanya untuk kita dipanggil semula untuk bertemu dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Maka gunakanlah nikmat umur yang ada ini dengan sebaik-baiknya untuk mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, mentaati segala perintah-Nya, meninggalkan segala larangan-Nya, mempersiapkan diri dengan memperbanyak amal ibadat dan amal soleh sebagai bekal untuk menuju kebahagiaan hidup di akhirat kelak. Ini kerana di akhirat nanti, kita semua akan ditanya bagaimana kita telah menghabiskan dan memanfaatkan umur semasa hayat kita di dunia. Daripada Abdullah bin Mas'ud Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Tidak akan berganjak kaki anak Adam di hari kiamat dari sisi Tuhan nya sehingga ditanya tentang lima perkara: tentang umurnya dalam perkara apa ia digunakan, tentang masa mudanya dalam apa ia dihabiskan, tentang hartanya dari manakah ia perolehi dan pada apakah ia dibelanjakan, dan tentang apa yang ia amalkan dari yang ia ketahui (ilmu).” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Ketahuilah, terdapat rahasia dan hikmah di sebalik proses perjalanan umur manusia agar kita dapat mengambil iktibar dan pengajaran daripadanya:

Pertama: Semakin bertambah usia kita, maka semakin lemahlah tangan kita untuk menggenggam. Ini kerana Allah Subhanahu Wata'ala sedang mendidik diri kita agar melepaskan cinta terhadap dunia.

Kedua: Semakin bertambah usia kita, maka semakin kaburlah mata kita kerana Allah Subhanahu Wata'ala sedang mencerahkan mata hati kita untuk melihat

kepada akhirat bukannya kehidupan di dunia yang hanya bersifat sementara. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-An'am ayat 32 tafsirnya:

“Dan tiadalah kehidupan di dunia ini melainkan hanyalah permainan dan senda gurau (semata-mata) dan sesungguhnya negeri Akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertakwa. Oleh itu, tidakkah kamu menggunakan akal (untuk berfikir).”

Ketiga: Semakin bertambah usia kita, maka hati kita akan semakin mudah berasa tersinggung kerana Allah Subhanahu Wata'ala sedang mengajar bahawa jika hati kita itu berpaut dengan makhluk, ia akan sentiasa menghampakannya akan tetapi jika hati kita sentiasa berpaut dan berpegang teguh kepada Allah Subhanahu Wata'ala maka Allah Subhanahu Wata'ala tidak akan pernah mengecewakannya. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Luqman ayat 22 tafsirnya:

“Dan sesiapa yang menyerahkan dirinya kepada Allah (dengan ikhlas) sedang dia mengerjakan kebaikan maka sesungguhnya dia telah berpegang pada tali (agama) yang kukuh, dan kepada Allah jualah kesudahan segala urusan.”

Keempat: Semakin bertambah usia kita, maka akan semakin gugurlah gigi-gigi kita kerana Allah Subhanahu Wata'ala sedang mengingatkan bahawa pada suatu hari nanti, kita juga akan gugur iaitu menghadapi kematian dan masuk ke dalam tanah atau liang lahad.

Kelima: Semakin bertambah usia kita, maka semakin ditarik nikmat kekuatan fizikal seperti tulang dan sendi kita, ini kerana Allah Subhanahu Wata'ala sedang mengingatkan bahawa tidak lama lagi nyawa kita akan diambil. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An-Nisa' ayat 78 tafsirnya:

“Di mana sahaja kamu berada nescaya maut akan mendapatkan kamu sekalipun kamu berada dalam benteng-benteng tinggi dan kukuh.”

Keenam: Semakin bertambah usia kita, maka semakin putihlah rambut kita kerana Allah Subhanahu Wata'ala sedang mengingatkan tentang putihnya kain

kafan yang bakal kita pakai nanti. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ali-Imran ayat 185, tafsirnya:

“Setiap yang bernyawa akan merasai mati. Dan sesungguhnya pada hari Kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu.”

Ketujuh: Semakin bertambah usia kita, maka hati kita berasa semakin sepi dan ingin bersendirian kerana Allah Subhanahu Wata'ala sedang mendidik hati kita untuk melepaskan cinta kepada manusia dan cinta terhadap dunia yang fana ini.

Hidup ini hanya sementara, pada bila-bila masa sahaja kita akan dipanggil pulang kembali menghadap Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu gunakanlah nikmat umur yang dipinjamkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala ini untuk meningkatkan lagi amal ibadat dan kebajikan. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati umur kita dan memimpin kita agar terus beristiqamah dalam melakukan ketaatan kepada-Nya. Mudah-mudahan dengan yang demikian, kita semua akan dimasukkan ke dalam syurga Allah Subhanahu Wata'ala di akhirat kelak. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Surah Fathir ayat 37 tafsirnya:

“Dan mereka menjerit-jerit (meminta pertolongan) di dalam neraka itu: “Ya Tuhan kami! keluarkanlah kami (daripada azab ini) supaya kami dapat mengerjakan amalan salih, lain daripada apa yang kami pernah kerjakan.” (“Dikatakan kepada mereka)” Bukankah Kami telah memanjangkan umur kamu untuk kamu berfikir bagi orang yang mahu berfikir padahal kamu telah didatangi oleh pemberi peringatan? Maka rasalah (azab Kami), tidaklah ada bagi orang-orang zalim itu seorang penolong pun.”

Hari Kiamat: Hari yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala

Keluaran Pelita Brunei 14 September 2019

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sentiasalah kita berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya, selamat dan bahagia di dunia dan juga di akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raf ayat 187 yang tafsirnya:

“Mereka bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad) tentang Hari Kiamat: ‘Bilakah terjadinya?’ Katakanlah: ‘Sesungguhnya ilmu mengenainya hanyalah ada di sisi Tuhanmu, tiada sesiapapun yang dapat menjelaskan (ketetapan) waktunya melainkan Dia. (Huru-hara) hari Kiamat itu sangatlah berat (bagi makhluk-makhluk) yang ada di langit dan di bumi. Ia tidak akan datang kepada kamu melainkan dengan secara mengejut.’ Mereka bertanya kepadamu seolah-olah engkau benar-benar mengetahuinya. Katakanlah: ‘Sesungguhnya ilmu mengenainya hanyalah ada di sisi Allah tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (sebab dirahsiakan bila berlakunya hari Kiamat itu).’”

Hari Kiamat ialah peristiwa, di mana alam semesta berserta isinya dan semua makhluk di dalamnya hancur luruh dan membunuh semua makhluk di dalamnya. Ia adalah hari yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala pasti akan berlaku. Ketahuilah, hari Kiamat adalah antara lima perkara ghaib yang dirahsiakan waktu dan harinya oleh Allah Subhanahu Wata'ala, dan tidak ada satu pun makhluk sama ada yang berada di langit ataupun di bumi yang mengetahui bilakah hari Kiamat itu akan terjadi kecuali hanya Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Ada lima perkara yang hanya diketahui oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Kemudian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam membacakan: Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala, hanya pada Zat-Nya sahajalah pengetahuan tentang Kiamat. Dan Dialah yang menurunkan hujan dan mengetahui apa yang ada di dalam rahim. Dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui (dengan pasti) apa yang akan diusahakan-Nya esok. Dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui di bumi mana ia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.” Hadis Riwayat Imam Muslim.

Apabila datangnya hari Kiamat, ketika itulah sangkakala ditiup dan seluruh makhluk yang hidup di dunia ini akan mati. Ketika kejadian dahsyat itu menimpas dunia, berlakulah goncangan bumi amat mengerikan, langit-langit dan alam ini akan menjadi kacau-bilau, bumi digoncangkan dengan sedahsyat-dahsyatnya, gunung-ganang hancur luluh dengan sehancur-hancurnya, bintang-bintang berguguran, matahari telah digulung sehingga tidak bercahaya lagi, lautan yang besar meluap-luap dengan gelombang yang bergulung-gulung menghancurkan dan menelan setiap yang ada di permukaannya. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Haqqah ayat 13-15 yang tafsirnya:

“Maka apabila sangkakala ditiup sekali tiup (tiupan pertama). Dan bumi serta gunung-ganang diangkat (dari tempatnya) lalu kedua-duanya dihantukkan dengan sekali hantuk (lalu hancur dan menjadi rata). Maka pada hari itu berlakulah Kiamat.”

Sesungguhnya pada hari Kiamat, kita tidak akan dapat lari dan bersembunyi untuk mencari tempat berlindung melainkan mereka yang dilindungi oleh naungan Allah Subhanahu Wata'ala. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah menjanjikan naungan atau perlindungan pada hari Kiamat kelak kepada tujuh golongan manusia.

Imam Al-Bukhari meriwayatkan, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: *“Ada tujuh golongan manusia yang akan mendapat naungan Allah Subhanahu Wata'ala pada hari yang tidak ada naungan kecuali naungan-Nya.*

Pertama, pemimpin yang adil. **Kedua**, seorang pemuda yang menyibukkan dirinya dengan beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala. **Ketiga**, seorang yang hatinya sentiasa terpaut pada masjid. **Keempat**, dua orang yang saling mencintai kerana Allah Subhanahu Wata'ala, berkumpul dan berpisah kerana Allah Subhanahu Wata'ala juga. **Kelima**, seorang lelaki yang diajak berzina oleh wanita yang kaya dan cantik tetapi ia menolaknya sambil berkata : “Aku takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala.” **Keenam**, seseorang yang bersedekah secara rahsia hingga seolah-olah tangan kirinya tidak mengetahui apa yang diimpakkan oleh tangan kanannya, dan **ketujuh**, seorang yang berzikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala ketika bersendirian hingga berlinang air matanya basah kerana menangis.”

Pada hari Kiamat, seluruh umat manusia akan dihimpunkan di Padang Mahsyar untuk dihisab dan diadili berdasarkan amal perbuatan yang telah mereka lakukan ketika berada di dunia tanpa sedikit pun ditambah atau dikurangkan dari amalan-perbuatan yang pernah mereka lakukan, hatta sebesar zarah pun akan tetap diadili oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Setiap manusia akan menerima hasil amal perbuatan mereka dalam bentuk buku catatan amalan. Jika buku amalan itu diberi dan diterima dengan tangan kanan, maka berbahagialah si penerimanya kerana nikmat hidup di syurga bakal menantinya, akan tetapi bagi mereka yang menerima buku catatan amalan mereka dengan tangan kiri, maka disediakan baginya balasan neraka, Na'uzubillahi Minzalik. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Insyiqaq ayat 7-9 yang tafsirnya:

“Adapun orang yang diberikan kitab amalannya di tangan kanannya, maka dia akan dihisab dengan cara yang mudah dan ia akan kembali kepada keluarganya (yang sama-sama beriman) dengan gembira.”

Sebagai umat Islam, kita wajib beriman dan percaya kepada akan berlakunya hari Kiamat kerana ia adalah salah satu dari Rukun Iman yang enam. Daripada Umar bin Al-Khatib RadhiAllahuAnhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Hendaklah engkau beriman dengan Allah, para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya. Rasul-rasul-Nya dan hari akhirat serta kadar yang baik dan yang buruk.”
Riwayat Al-Imam Muslim.

Sesungguhnya tiada siapa pun yang mengetahui bilakah hari Kiamat itu akan terjadi. Akan tetapi Allah Subhanahu Wata'ala dengan rahmat dan kasih sayang-Nya telah menunjukkan kepada kita tanda-tanda Kiamat agar manusia itu dapat berfikir dan bangun dari lena dan kelalaiannya, supaya orang-orang yang berdosa segera bertaubat dan orang-orang yang beriman dan bertakwa dapat meningkatkan lagi amal ibadat dan kebajikan mereka.

Ketahuilah, adapun antara tanda-tanda kecil hari Kiamat itu ialah: **Pertama**: Banyak terjadinya gempa bumi. **Kedua**: Pembangunan yang sangat pesat dan manusia bersaing membuat bangunan-bangunan tinggi. **Ketiga**: Banyak terjadinya pembunuhan sepertimana yang dapat disaksikan melalui media masa dan media sosial. **Keempat**: Masa dan waktu menjadi semakin singkat.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menerangkan tentang 10 tanda-tanda sebelum datangnya atau berlakunya hari Kiamat. Diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Huzafah bin Asidil Ghifari, dia berkata: *“Datang kepada kami Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, dan kami pada waktu itu sedang berbincang-bincang. Lalu Baginda bersabda: “Apa yang kamu bincangkan?” Kami menjawab: “Kami sedang berbincang-bincang tentang hari Kiamat.” Lalu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: “Tidak akan terjadi hari Kiamat sehingga kamu melihat sebelumnya sepuluh macam tanda-tandanya.” Kemudian Baginda menyebut: “Asap, dajjal, bintang, matahari terbit dari tempat tenggelamnya, turunnya Nabi Isa, Yakuj dan Makjuj, tiga kali gempa bumi, sekali di Timur, sekali di Barat. Dan yang ketiga di Semenanjung Arab. Dan yang terakhir sekali adalah api yang akan keluar dari arah Negeri Yaman yang menghalau manusia ke Padang Mahsyar.”*

Tanda-tanda tentang tibanya hari Kiamat itu merupakan satu hikmah yang paling besar kepada seluruh manusia. Ia merupakan peringatan agar kita tidak lalai dan leka dengan urusan duniaawi. Oleh itu, selagi kita masih diberi nikmat

usia, kesihatan, masa dan segala macam nikmat yang tidak terhitung, marilah kita mempersiapkan diri dengan memperbanyak amal ibadat dan kebaikan sebagai bekal untuk menuju kebahagiaan hidup di akhirat kelak kerana kita tidak tahu bilakah tiba masanya untuk kita dipanggil bertemu dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan dengan yang demikian kita akan menjadi hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang akan mendapat *Husnul Khatimah* (kesudahan yang baik) dan bukan *Su'ul Khatimah* (kesudahan yang buruk). Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hasyr ayat 18 yang tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap orang memerhatikan apa yang telah disediakannya untuk hari esok (hari Akhirat) dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan.”

Menghormati, menghargai dan memuliakan guru

Keluaran Pelita Brunei 21 September 2019

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sentiasalah kita berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Antaranya dengan berusaha belajar, menuntut dan menguasai ilmu. InsyaaAllah, kita menjadi insan yang berjaya, selamat dan bahagia di dunia dan juga di akhirat.

Ilmu adalah pelita hidup yang sangat penting dan berguna dalam kehidupan, kerana dengan ilmu dapat membantu kita berjaya di dunia dan juga di akhirat. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan darjah yang tinggi kepada orang-orang yang berilmu pengetahuan dan barang siapa yang berusaha mencari ilmu pengetahuan, maka diper mudahkan baginya jalan menuju ke syurga. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Sesiapa yang menempuh satu jalan kerana mencari ilmu maka Allah akan memudahkan baginya jalan syurga.” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Apabila kita memperkatakan tentang ilmu dan pendidikan, maka guru adalah golongan yang amat penting dan bertanggungjawab dalam menyampaikan, mengajar dan memperkaya para pelajar dan masyarakat dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran. Dalam agama kita, mengajarkan ilmu yang bermanfaat itu adalah amalan yang dipandang tinggi dan mulia. Daripada Abu Umamat Al-Baahili, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala, para malaikat dan semua penduduk di langit dan di bumi, sehingga semut di sarangnya dan ikan (di lautan) pasti berselawat (mendoakan) kebahagiaan bagi orang yang mengajarkan kebaikan kepada manusia.” Riwayat Al-Imam At-Tarmizi.

Guru sebagai pendidik sememangnya mempunyai peranan yang sangat penting untuk menjadikan setiap anak didiknya bukan sahaja untuk menjadi orang yang berilmu dan cemerlang, bahkan juga berakh�ak mulia. Ini kerana mereka mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam pembentukan diri dan sahsiah para pelajar.

Oleh itu, para guru hendaklah menjauhkan diri daripada sifat-sifat keji dan tercela, mereka perlu memiliki sifat-sifat yang terpuji, antaranya sifat ikhlas dan sabar dalam mendidik dan menyampaikan ilmu pelajaran, bukan kerana balasan *material* atau mengharapkan pujian atau pangkat semata-mata.

Di samping itu, guru juga perlu mempunyai sifat dedikasi dalam menyampaikan ilmu, bersifat penyayang terhadap setiap anak didiknya, bersifat adil dan tidak mengamalkan sikap pilih kasih, amanah dan memberi komitmen yang penuh dalam setiap tugas yang diberikan, membuat persediaan yang secukupnya sebelum memulakan pengajaran, menjaga kehormatan diri dan keluarga, iaitu tidak melibatkan diri dengan perkara-perkara yang boleh menjatuhkan imej dan maruah diri, sama ada dari segi pakaian, percakapan maupun perbuatan.

Sesungguhnya amanah yang dipikul oleh seorang guru itu sangatlah besar dan berat, kerana mereka bertanggungjawab untuk memperkaya para pelajar dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni. Guru diamanahkan untuk melahirkan insan syumul yang berupaya untuk memenuhi tuntutan duniaawi dan ukhrawi. Oleh itu, agama kita menganjurkan supaya menghormati, menghargai dan memuliakan para guru, bukannya mencerca, menghina apatah lagi melawan apabila ditegur oleh guru, kerana dikhuatiri akan hilang, ditarik atau tidak memperolehi keberkatan dan manfaat ilmu. Imam Al-Ghazali Rahimahullah Ta'ala menyatakan bahawa menghormati dan memuliakan guru merupakan tugas dan kewajiban kita sebagai murid, kerana guru itu bagaikan orang tua kita sendiri yang wajib kita hormati dan muliakan.

Ketahuilah, banyak hikmah yang dapat diperoleh dengan menghormati dan memuliakan guru. Antaranya memperoleh kejayaan hidup di dunia dan juga di

akhirat, mudah mengingati dan memahami apa yang dipelajari, membentuk peribadi serta akhlak yang mulia dan yang paling penting ialah memperoleh ilmu yang diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Ubadah bin As-Syamit, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Tidak termasuk golongan kami orang yang tidak memuliakan yang lebih tua dan menyayangi yang lebih muda serta yang tidak mengerti (hak) orang yang berilmu (agar diutamakan pandangannya)." Riwayat Al-Imam Ahmad.

Guru adalah seorang *Mudarris* (pendidik), *Mua'ddib* (pembentuk adab dan akhlak) *Murabbi* (mengasuh dan mendidik dengan kasih sayang), *Mua'llim* (menyampaikan yang benar) dan *Mursyid* (membimbing ke arah kebaikan). Mereka adalah insan mulia yang telah mengajar dan mendidik kita tanpa mengenal erti penat dan lelah. Oleh itu, segala kesusahan dan jerih payah yang mereka tempuh dalam mengajar dan mendidik perlulah dihormati dan dihargai.

Perlu diketahui, tugas sebagai seorang guru dan pendidik bukanlah suatu tugas yang mudah. Ia menuntut kepada pengorbanan dan komitmen dari segi masa, tenaga, wang ringgit dan seumpamanya. Oleh itu, kita seharusnya berterima kasih di atas segala pengorbanan dan jasa guru yang telah mendidik serta membimbing kita, malah ibu bapa juga perlu menghormati para guru yang mendidik anak-anak mereka sehingga menjadikan mereka insan yang berilmu, berjaya dan cemerlang.

Terdapat banyak cara yang boleh kita lakukan untuk menghargai jasa seorang guru seperti mengucapkan ucapan terima kasih, mengamalkan segala ilmu yang telah dipelajari, sentiasa mengeratkan hubungan silaturahim walaupun telah tamat pengajaran, mendoakan kesejahteraan dan kebaikan mereka. Manakala bagi guru-guru yang telah kembali ke rahmatullah, sama-sama lah kita mendoakan semoga dosa-dosa mereka diampunkan dan roh mereka dicucuri rahmat oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Alhamdulillah pada setiap tahun, negara kita Brunei Darussalam menyambut Sambutan Hari Guru. Ia merupakan satu pengiktirafan yang tinggi kepada para

guru di negara ini yang telah berjasa dan menabur bakti terhadap pembangunan masyarakat dan negara. Tema Sambutan Hari Guru pada tahun ini ialah ‘**Pendidikan Berkualiti Teras kecemerlangan Pelajar**’.

Akhirnya, guru adalah orang yang banyak berjasa dalam memberi ilmu pendidikan dan ilmu pengetahuan serta menjadikan para penuntut orang-orang yang berilmu dan berjaya dalam kehidupan mereka. Oleh yang demikian, jasa guru hendaklah sentiasa dikenang dan dihargai. Sama-sama lah kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata’ala agar para guru sentiasa dilimpahkan taufik dan hidayah serta diberikan kekuatan dan kesabaran dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata’ala sentiasa memberi petunjuk, inayah dan rahmat kepada guru-guru sama ada yang masih hidup ataupun yang telah kembali ke rahmatullah. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Mujadilah, ayat 11 yang tafsirnya:

“Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjah. Dan Allah teliti terhadap apa yang kamu kerjakan.”

Jangan mengkhianati amanah yang telah diberikan dan dipertanggungjawabkan

Keluaran Pelita Brunei 28 September 2019

TINGKATKANLAH keimanan kita kepada Allah Subhanahu Wata’ala dengan sebenar-benar iman dan takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata’ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata’ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat. Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Anfal ayat 27 yang tafsirannya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah (yang diamanahkan kepada) kamu sedang kamu mengetahui.”

Sifat amanah bermaksud menepati janji, setia dan jujur. Ia adalah antara sifat terpuji yang dituntut di dalam agama kita. Sesungguhnya sifat amanah merupakan salah satu daripada sifat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu *Sidiq* (benar), *Tabliq* (menyampaikan) dan *Fatanah* (bijaksana). Perlu diketahui, amanah merupakan satu tanggungjawab yang amat besar dan berat untuk dilaksanakan dan ia bukanlah suatu perkara yang mudah dan diambil ringan. Oleh itu, kita hendaklah berhati-hati dan memikul sesuatu amanah yang telah diberikan, jangan sampai amanah yang dipertanggungjawabkan itu dikhianati. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Tunaikanlah amanah kepada orang yang mempercayaimu.” Riwayat Imam At-Tirmidzi.

Menjaga amanah adalah sebahagian daripada iman dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengingatkan bahawa tidaklah sempurna iman seseorang itu sehingga ia menjadi orang yang menjaga dan menunaikan amanah yang telah

diberikan dan dipertanggungjawabkan kepadanya. Daripada Anas bin Malik Radhiallahuanhu berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak pernah berkhutbah di hadapan kami kecuali Baginda mengatakan: “*Tidak sempurna keimanan bagi orang yang tidak amanah, dan tidak sempurna agama seseorang bagi yang tidak memenuhi janji.*” Diriwayatkan oleh Imam Ahmad.

Ingatlah, bahawa setiap urusan itu adalah amanah Allah Subhanahu Wata’ala kepada hamba-hamba-Nya. Sesungguhnya ramai orang yang berlumba-lumba untuk mengejar nama, pangkat kebesaran dan harta dunia, sehingga amanah yang sepatutnya dilaksanakan itu telah diabaikan dan dicuaikan seperti menggunakan pangkat atau kuasa yang telah diamanahkan untuk kepentingan diri sendiri dan keluarga seperti melakukan perbuatan rasuah, pecah amanah dan sebagainya.

Perlu diketahui, pangkat atau kuasa yang diberikan bukanlah satu keistimewaan, akan tetapi ia adalah satu amanah atau tanggungjawab yang amat berat dan wajib dilaksanakan dan ditunaikan dengan seadil-adilnya. Oleh itu, kita hendaklah memikul tanggungjawab dan menanai amanah yang telah diberikan itu dengan tulus, jujur dan ikhlas. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memberi peringatan kepada umatnya bahawa hilangnya sifat amanah dalam masyarakat merupakan tanda kehancuran atau kebinasaan sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“*Jika amanah telah disia-siakan, tunggu sahaja kehancuran terjadi.*” Ada seorang sahabat bertanya: “*Bagaimana maksud amanah disia-siakan?*” Baginda menjawab: “*Jika urusan diserahkan bukan kepada ahlinya, maka tunggulah kehancuran itu.*”

Pengertian amanah itu adalah terlalu luas, ia meliputi agama, kewajipan syarak, kepimpinan, pekerjaan seperti pentadbiran, perniagaan dan sebagainya. Setiap orang mestilah menjaga dan menunaikan amanah-amanah ini dengan sebaik-baiknya. Sesungguhnya pekerjaan adalah satu amanah besar yang mesti ditunaikan

tanpa mengira apa jua bentuk pekerjaannya asalkan ia tidak bercanggah dengan hukum syarak.

Allah Subhanahu Wata’ala telah memberi peringatan kepada hamba-Nya yang beriman supaya tidak mengkhianati amanah yang telah diberikan, jika kita menjaga dan menanai amanah yang telah dipertanggungjawabkan, ia akan mendorong kita untuk melakukan pekerjaan dengan lebih tekun dan lebih berdedikasi. Perihal menjaga amanah di dalam pekerjaan, terdapat beberapa perkara yang perlu kita titik beratkan seperti menjaga dan menepati waktu bekerja, tidak terjebak dalam penyelewengan seperti rasuah, judi, pecah amanah, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya.

Setiap orang perlu sentiasa bersifat jujur dan amanah sama ada dalam kehidupan seharian maupun dalam pekerjaan sama ada bekerja dengan perkhidmatan awam, pihak swasta atau bekerja sendiri. Perihal bekerja dengan jujur dan amanah ini ada dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-24, Tahun 1439 Hijrah bersamaan 2017 Masihi, antara lain titah baginda:

“*Warga perkhidmatan awam yang baik ialah mereka yang berkhidmat dengan jujur dan amanah, bukan yang cekap tetapi curang. Kecekapan tidak akan bernilai apa-apa jika ia digunakan untuk menginayai manusia. Kalau siapa diberikan kuasa, maka kuasa itu adalah amanah, tidak boleh digunakan sewenang-wenang, seperti untuk kepentingan diri sendiri atau untuk menjelaskan orang lain, sekalipun yang terjejas itu hanya sekadar ‘nama baik’ sahaja.*

Ini adalah penting. Beta tidak mahu di dalam perkhidmatan awam ada orang yang menyalahgunakan kuasa, atau tukang-tukang cipta fitnah. Ini semua, tidak mendatangkan sebarang kebaikan, malainkan sebaliknya banyak mengundang kepada keburukan. Perkhidmatan Awam mesti bersih daripada semua ini, barulah negara dan kerajaan akan beroleh berkat.” Demikian baginda bertitah.

Alhamdulillah, pada setiap tahun negara kita Brunei Darussalam meraikan Hari Perkhidmatan Awam dengan tujuan agar warga Perkhidmatan Awam memberikan

perkhidmatan yang efisien, bersih, tulus ikhlas, jujur, berkualiti dan produktif. Tema sambutan Hari Perkhidmatan Awam kali ke-26 pada tahun ini ialah **‘Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara’**.

Perkhidmatan Awam merupakan tunggak utama dalam menggerak aktifkan sumber tenaga manusia dan penyumbang kepada program pembangunan negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 dan pentingnya bagi seluruh perkhidmatan Awam untuk menerapkan budaya integriti dan inovasi di setiap peringkat pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam dalam menaik taraf kualiti perkhidmatan Awam yang lebih cemerlang.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa semoga kita semua, sama ada yang bekerja dengan perkhidmatan awam, pihak swasta ataupun bekerja sendiri agar sentiasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh jujur, amanah dan ikhlas. Mudah-mudahan segala pekerjaan yang kita lakukan mendapat ganjaran pahala, berkat dan rahmat yang berterusan daripada Allah Subhanahu Wata’ala. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah An-Nisa’ ayat 58 yang tafsirannya:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan amanah-amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia (hendaklah) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah (dengan suruhan-Nya itu) memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.”

Khutbah Jumaat Bulan Oktober 2019

Alam kubur tempat perhentian, persinggahan akhirat yang pertama

Pelita Brunei keluaran 5 Oktober 2019

TINGKATKANLAH keimanan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar iman dan takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mu'minun, ayat 99-100 yang tafsirannya:

“Sehingga apabila sampai ajal kepada seorang daripada mereka, dia berkata: “Ya Tuhan! Kembalikanlah aku (ke dunia). Supaya aku dapat mengerjakan amalan salih yang aku telah tinggalkan.” Tidak sekali-kali! Sesungguhnya itu hanyalah kata-kata yang diucapkannya sahaja sedang di hadapan mereka ada barzakh (pendinding yang menghalang mereka daripada kembali ke dunia) hingga hari mereka dibangkitkan (hidup semula).”

Setiap manusia pasti akan melalui alam roh, alam rohim, alam dunia, alam barzakh dan alam akhirat. Oleh itu apabila nyawa telah terpisah dari badan, maka bermulalah perpindahan dari alam dunia ke alam barzakh, iaitu alam kubur. Alam kubur merupakan tempat perhentian atau persinggahan akhirat yang pertama sebelum jasad kita dibangkitkan semula pada Hari Kiamat dan dihimpunkan di Padang Mahsyar. Daripada Hani Maula bin Osman katanya: Apabila Sayidina Osman bin Affan Radiallahuanhu berdiri dekat kubur maka ia akan menangis sehingga air matanya membasahi janggutnya. Lalu ada orang bertanya kepadanya: “Apabila engkau menyebutkan syurga dan neraka, engkau tidak menangis, tetapi kerana kubur ini engkau menangis?” Dia menjawab: Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya kubur adalah perhentian akhirat yang pertama sekali. Barang siapa yang selamat di dalamnya maka yang selepas itu adalah lebih mudah baginya akan tetapi jika ia tidak selamat di dalamnya maka yang selepas itu

adalah lebih dahsyat.”

Alam kubur adalah tempat permulaan sama ada seseorang itu akan mendapat nikmat syurga atau azab neraka di akhirat kelak. Ini kerana kubur adalah salah satu taman yang indah dari beberapa taman-taman syurga bagi orang-orang yang beriman, akan tetapi bagi orang-orang yang ingkar dan derhaka kepada Allah Subhanahu Wata'ala pula, kubur adalah lubang neraka bagi mereka. Daripada Abu Syaidul Hudri Radiallahuanhu, katanya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam masuk ke tempat sembahyangnya lalu Baginda melihat ramai manusia yang bergelak tawa, Baginda bersabda:

“Jika kamu memperbanyak mengingati yang menghancurkan kelazatan nescaya kamu akan disibukkan oleh apa yang aku lihat, iaitu mati. Oleh itu, perbanyakkanlah mengingati yang menghancurkan kelazatan, iaitu mati kerana setiap hari kubur akan berkata: Akulah rumah yang usang, akulah rumah keseorangan, akulah rumah tanah dan akulah rumah ulat.”

Apabila seorang mukmin disemadikan, kubur akan berkata kepadanya: “Selamat datang. Sesungguhnya engkaulah orang yang paling aku suka berjalan di atas permukaanku. Maka pada hari ini apabila aku mengendalikan kamu dan kamu kembali kepadaku, kamu akan melihat bagaimana layananku terhadapmu.” Lalu diluaskan untukmu, kuburnya sejauh mata memandang dan dibukakan untuknya pintu dari syurga.

Apabila seorang hamba yang jahat atau kafir dikebumikan, kubur akan berkata kepadanya: “Tidak ada selamat datang dan alu-aluan untuk mu, sesungguhnya engkaulah orang yang sangat aku benci berjalan di atas permukaanku. Maka apabila aku mengadilkan urusan kamu pada hari ini dan engkau telah kembali kepadaku, engkau akan melihat bagaimana aku menilaimu.” Lalu kubur menghimpitnya hingga berselisih tulang rusuknya.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menunjukkan isyarat dengan jarinya sambil memasukkan sebahagian jari ke dalam sebahagian yang lain. Baginda

bersabda lagi: “Dan Allah menghantar kepadanya 90 ekor ular atau 99, jika seekor daripadanya meniupkan (racunnya) di bumi nescaya tidak akan tumbuh satu tumbuhan pun selagi dunia ini masih ada. Lalu ular itu mematuknya berterusan sehingga ia dibawa untuk dihisab. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyebutkan lagi: Sesungguhnya kubur itu adalah satu taman dari beberapa taman syurga atau satu lubang daripada beberapa lubang neraka.” Hadis riwayat Al-Imam At-Tarmizi.

Apabila mayat seseorang itu telah dimasukkan ke dalam kubur dan ahli keluarganya telah beredar meninggalkannya, maka datanglah dua malaikat, iaitu Malaikat Mungkar dan Malaikat Nangkir lalu mendudukkannya dan menyoal beberapa soalan. Sesiapa yang berjaya dalam ujian ini akan menerima nikmat kubur, antaranya : Dibentangkan hamparan dari syurga, dipakaikan pakaian dari syurga, dibukakan pintu menuju syurga, didatangkan wangi-wangian dari syurga, dilapangkan kuburnya seluas 70 hasta, diberikan cahaya yang menerangi kuburnya dan tidur dengan lena sehingga Hari Kebangkitan.

Manakala bagi yang gagal pula akan menerima azab kubur, antaranya: Dibentangkan hamparan dari neraka, dipakaikan pakaian dari neraka, dibukakan pintu menuju ke neraka, didatangkan bahang api neraka, dipukul antara kedua telinganya dan dihimpit bumi sehingga remuk tulang-tulangnya.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada mengajar doa dan cara untuk meminta perlindungan Allah Subhanahu Wata’ala agar terhindar dan terselamat dari azab seksa kubur. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Jika salah seorang antara kamu selesai Tasyahud akhir (sebelum salam), mintalah perlindungan Allah dari empat perkara: Dari azab neraka jahanam, dari azab kubur, dari fitnah ketika hidup dan setelah mati dan dari kejahatan fitnah Dajjal Al-Masih.” Riwayat Al-Imam Muslim.

Selain itu, barang siapa yang ingin selamat dari azab seksa kubur maka hendaklah ia sentiasa menjaga sembahyang fardu lima waktu, memperbanyakkan sedekah,

memperbanyakkan membaca Al-Quran terutamanya memperbanyakkan membaca Surah Al-Mulk. Sesungguhnya orang yang sentiasa mengamalkan membaca Surah Al-Mulk akan mendapat syafaat dan terselamat dari azab seksa kubur. Daripada Ibnu Abbas Radhiallahuanhu beliau berkata, beberapa orang sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menggali tanah tanpa menyedari bahawa tanah itu adalah sebuah kubur. Lalu mereka mendapati bahawa di dalamnya ada seorang lelaki membaca Surah Al-Mulk sehingga khatam. Lantas mereka menemui Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lalu berkata yang bermaksud:

“Ya Rasulullah, sesungguhnya aku menggali tanah tanpa menyangka itu adalah kubur, dan aku dapat seorang lelaki membaca Surah Al-Mulk sehingga khatam. Maka jawab Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, surah tersebut adalah pencegah, penyelamat yang menyelamatkan tuannya dari azab kubur.” Riwayat Al-Imam At-Tarmizi.

Setiap yang bernyawa pasti akan merasai mati dan tiada seseapa pun dapat lari daripadanya. Sebagai orang yang beriman, kita hendaklah sentiasa bersedia dan mempersiapkan diri dengan membanyakkan amal-amal soleh dan amal-amal kebajikan. Ini kerana amalan kita adalah satu-satunya yang akan kekal menemani kita di alam kubur nanti. Apabila jasad seseorang itu telah disemadikan di dalam kubur, tinggallah ia seorang diri di dalamnya tanpa keluarga, tanpa teman, tanpa harta dan yang tinggal bersamanya hanyalah amalan soleh serta kain putih sebagai pembalut badan. Daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Yang mengikut mayat itu ada tiga, lalu dua pulang dan tinggal satu sahaja yang kekal bersamanya. Ia diikuti oleh keluarganya, hartanya dan amalannya. Lalu keluarga dan hartanya pulang dan yang tinggal bersama-sama ialah amalannya.” Riwayat Al-Imam At-Tarmizi.

Ketahuilah, terdapat beberapa amal soleh dan amal kebajikan yang dapat membantu seseorang itu untuk terus memperolehi pahala walaupun ia telah meninggal dunia. Sebagaimana hadis yang telah diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam bersabda: “Sesungguhnya terdapat antara amal kebaikan yang pahalanya terus diperolehi oleh seorang mukmin yang telah meninggal dunia, iaitu ilmu yang diajarkannya ketika hidup atau terdapat seorang anak soleh yang ditinggalkan (kebaikan yang dibuat oleh anaknya yang soleh pahalanya sampai kepada orang tuanya yang telah mendidiknya tanpa mengurangkan pahala yang diterima oleh anak-anaknya) atau sebuah mushaf (Al-Quran) yang diwakafkannya atau sebuah masjid yang dibinanya atau dia ada meninggalkan sebuah rumah rehat untuk orang-orang musafir atau dia ada meninggalkan sebuah sungai yang airnya sentiasa mengalir atau ada sedekah yang dikeluarkan dari hasil hartanya semasa dia sihat di waktu hidupnya, maka semua pahala-pahala ini akan berterusan sampai kepadanya selepas ia meninggal dunia.”

Sesungguhnya mati itu benar, masuk ke dalam alam kubur itu benar, pertanyaan Malaikat Mungkar dan Malaikat Nangkir itu benar, Mahsyar itu benar, Mirzan Allah itu benar, syurga dan neraka Allah Subhanahu Wata’ala itu benar. Oleh itu, sebelum bercerainya roh dari badan dan sebelum diusung ke tanah perkuburan untuk disemadikan. Sama-sama kita muhasabah diri, adakah amal ibadat kita sudah mencukupi ataupun tidak. Oleh itu, mantapkanlah diri kita dengan iman dan takwa. Ini kerana di dalam liang kubur yang gelap dan sempit itu nanti segala pangkat kebesaran, darjat, harta benda dan kekayaan tidak pernah menjadi satu ukuran dan jaminan untuk memasuki syurga Allah Subhanahu Wata’ala.

Sedarlah wahai kaum Muslimin, bahawa alam kubur itu sentiasa membuka pintunya menanti kedatangan kita. Oleh itu, marilah kita sentiasa mempersiapkan diri dengan memperbanyak amal ibadat dan amal kebajikan kerana amalan-amalan di dunia itulah yang akan menentukan sama ada kita akan beroleh nikmat dan rahmat Allah Subhanahu Wata’ala ataupun azab dan seksa di alam kubur dan juga di hari keadilan kelak. Mudah-mudahan dengan amalan soleh dan amal kebajikan yang kita lakukan di dunia ini, kita akan memperoleh rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wata’ala dari azab neraka jahanam, dari azab kubur, dari fitnah ketika hidup dan setelah mati dan dari kejahatan fitnah Dajjal. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Hasyr ayat 18 yang tafsirannya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap orang memerhatikan apa yang telah disediakannya untuk hari esok (hari Akhirat) dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan.”

Janji Allah kepada hamba-Nya yang bertaubat

Pelita Brunei keluaran 12 Oktober 2019

BERTAKWALAH kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya, sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Hidup di dunia ini penuh dengan ujian, dugaan dan cabaran. Setiap insan sudah setentunya tidak pernah terlepas daripada membuat kesilapan dan kesalahan sama ada dilakukan secara sengaja ataupun tidak. Sebagai umat Islam, kita hendaklah segera bertaubat, menyesali dan menginsafi segala kesalahan dan keterlanjuran yang kita lakukan serta berazam untuk tidak akan mengulangi segala kesilapan dan kesalahan yang telah dilakukan itu. Ingatlah, Allah Subhanahu Wata'ala itu Maha Pengampun lagi Maha Pengasih dan sentiasa memberikan peluang kepada hamba-hamba-Nya untuk bertaubat dan memperbaiki diri. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ma'idah ayat 39 yang tafsirannya:

“Maka sesiapa yang bertaubat sesudah ia melakukan kejahanan itu dan memperbaiki diri maka sesungguhnya Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.”

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah berjanji di dalam Al-Quran untuk memberikan keampunan kepada hamba-hamba-Nya yang bertaubat, tidak kira sebesar manapun dosa-dosa yang telah mereka lakukan, walaupun dosa-dosa itu memenuhi bumi dan setinggi awan di langit. Daripada Anas bin Malik Radhiallahuanhu berkata, aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Allah Ta'ala berfirman:

“Wahai anak Adam, sesungguhnya jika engkau memohon dan mengharap kepada Ku, nescaya Aku ampuni dosa-dosamu yang lalu dan Aku tidak peduli. Wahai

anak-anak Adam, seandainya dosamu sampai ke awan langit, kemudian engkau memohon ampun kepada Ku nescaya Aku mengampunimu dan Aku tidak peduli. Wahai anak Adam, sesungguhnya jika engkau datang kepada Ku dengan dosa-dosa sepenuh bumi dan kamu menemui Ku dalam keadaan tidak menyekutukan Ku dengan sesuatu pun, nescaya Aku datangkan untukmu ampunan sepenuh bumi pula.” Hadis diriwayatkan oleh Imam Tirmizi.

Taubat itu ialah menyesali, menginsafi dan meninggalkan segala bentuk perbuatan dosa, mungkar dan maksiat yang telah dilakukan serta berazam untuk tidak akan mengulanginya lagi.

Ketahuilah, taubat merupakan suatu perkara yang wajib dilakukan oleh setiap orang Islam. Ini kerana setiap manusia itu tidak pernah terlepas dari melakukan perbuatan dosa atau maksiat sama ada dosa zahir, iaitu dosa yang dilakukan oleh anggota badan seperti mencuri, menipu, zina, rasuah, pecah amanah dan sebagainya maupun dosa batin, iaitu dosa dalam hati seperti dendki, takabbur, ujub, lalai dari mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan seumpamanya.

Cuba kita bayangkan betapa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seorang insan yang maksum, iaitu terpelihara daripada melakukan sebarang dosa dan dijamin mendapat keampunan Allah Subhanahu Wata'ala, Baginda tetap juga bertaubat dan memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wata'ala setiap hari sebanyak seratus kali, betapa pula kita yang hanya sekadar manusia biasa ini. Daripada Ibnu Umar Radhiallahuanhum, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Wahai manusia! Bertaubatlah kepada Allah kerana sesungguhnya aku bertaubat kepada-Nya dalam sehari seratus kali.” Riwayat Al-Imam Muslim.

Sesungguhnya taubat itu tidaklah cukup dengan hanya sekadar mengucapkan kalimah taubat sahaja, akan tetapi ia hendaklah disertai dengan penuh penyesalan, niat dan azam yang kuat supaya tidak akan mengulangi lagi perkara-perkara dosa, mungkar dan maksiat yang telah dilakukan.

Setiap orang yang telah sedar dan insaf akan segala kesalahan dan kesilapan yang telah dilakukan, maka mereka hendaklah menyegerakan taubatnya tanpa bertangguh-tangguh, kerana Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa menerima taubat hamba-hamba-Nya selama mana nyawa seseorang itu belum sampai di kerongkongnya. Daripada Ibnu Umar Radhiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata’ala tetap menerima taubat seseorang hamba-Nya selama nyawanya belum sampai di kerongkongnya.” Riwayat Al-Imam Tarmizi.

Walaupun dosa-dosa yang kita lakukan itu ibarat seperti buih-buih yang ada di lautan, akan tetapi Allah Subhanahu Wata’ala dengan rahmat dan kasih sayang-Nya tetap akan mengampunkan hamba-hamba-Nya yang berdosa. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada memberitahu mengenai satu amalan yang jika dibaca sebanyak seratus kali dalam sehari, maka dosanya akan dihapuskan, meskipun sebanyak buih lautan. Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Barang siapa membaca; Subahanallah Wabihamdi seratus kali dalam sehari, maka dosa-dosanya akan dihapus, meskipun sebanyak buih lautan.” Riwayat Al-Imam Muslim.

Perlu diketahui, terdapat beberapa cara yang boleh dilakukan bagi membantu seseorang itu untuk membersihkan diri dan jiwanya dari dosa dan bagi memohon keampunan Allah Subhanahu Wata’ala. Antaranya ialah dengan sentiasa mengikuti ajaran Al-Quran dan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, menjauhkan diri daripada tempat-tempat maksiat, melawan pujukan syaitan dan hawa nafsu, sentiasa bermuhasabah diri, selalu melakukan amal soleh, sentiasa memperbanyak bacaan Al-Quran, zikir, istighfar dan seumpamanya.

Ramai di kalangan umat Islam yang mengakui bahawa mereka mengenali Allah Subhanahu Wata’ala dan takut akan azab dan seksaan-Nya, akan tetapi ramai juga di antara umat Islam yang masih lalai, leka dan alpa sehingga berani ingkar

dan menderhaka kepada suruhan dan larangan Allah Subhanahu Wata’ala dengan melakukan perbuatan-perbuatan dosa, mungkar dan maksiat. Mereka berbuat dosa seolah-olah tidak takut akan kemurkaan dan azab seksa Allah Subhanahu Wata’ala yang amat pedih dan dahsyat di hari akhirat kelak.

Oleh itu, selagi kita masih dipinjamkan nyawa dan diberi peluang untuk bernafas, mohonlah keampunan dan taubat daripada Allah Subhanahu Wata’ala sebelum terlambat kerana ajal maut itu boleh datang menjemput kita pada bila-bila masa sahaja. Janganlah kita malu, takut atau sompong untuk bertaubat mengakui segala kesalahan dan kesilapan yang telah kita lakukan. Sama-sama lah kita berdoa mudah-mudahan kita dijadikan orang-orang yang sentiasa bertaubat dan menyucikan diri daripada segala dosa dan maksiat serta dimasukkan ke dalam syurga Allah Subhanahu Wata’ala dengan rahmat-Nya juga. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Qashash ayat 16 yang tafsirannya:

Dia berdoa: “Ya Tuhan ku! Sesungguhnya aku telah menzalimi diriku sendiri maka ampunkanlah aku.” Lalu Allah pun mengampuninya. Sesungguhnya Dia adalah yang Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.

Jujur dan amanah dalam penggunaan tenaga elektrik

Pelita Brunei keluaran 19 Oktober 2019

BERTAKWALAH kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat. Agama Islam adalah agama yang lengkap dan sempurna yang mengatur kehidupan umat-Nya bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan juga di akhirat.

Agama Islam adalah agama yang lengkap dan sempurna yang mengatur kehidupan umatnya bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan juga di akhirat. Agama Islam juga menggalakkan kita untuk melakukan amalan-amalan yang mulia seperti amalan bersedekah, bantu-membantu, hormat-menghormati, bersifat amanah, jujur, berjimat-cermat dan seumpamanya.

Sesungguhnya amalan berjimat-cermat adalah sangat digalakkan dalam kehidupan kita seharian seperti dalam kita berbelanja, makan minum, berpakaian, menggunakan air, tenaga elektrik dan sebagainya. Ketahuilah bahawa semua ini adalah antara nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita. Oleh itu, kita hendaklah mensyukuri nikmat-nikmat tersebut dan elakkanlah diri daripada berbuat sesuatu yang tidak baik ke atas nikmat tersebut. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim ayat 7 yang tafsirannya:

“Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya): Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras.”

Alhamdulillah kita amat beruntung kerana dapat menikmati berbagai-bagai kemudahan yang disediakan di negara ini seperti bekalan air, jalan raya, bekalan

tenaga elektrik dan sebagainya. Dengan kemudahan yang telah disediakan ini, maka wajiblah kita bersyukur dan menggunakan dengan baik, cekap dan bijaksana. Dalam penggunaan tenaga elektrik misalnya, kita hendaklah sentiasa memastikan untuk menggunakan secara jimat-cermat, jujur dan amanah serta mengelakkan dari berbuat khianat dalam penggunaannya agar kita sentiasa dapat menikmati kemudahan ini dengan berterusan.

Bekalan tenaga elektrik adalah antara kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada kita semua bagi kesejahteraan dan keselesaan hidup rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Ketahuilah, bahawa tarif elektrik yang dikenakan kepada rakyat dan penduduk negara ini adalah termasuk subsidi dari pihak kerajaan. Tanpa subsidi tersebut, setentunya tarif elektrik di negara ini akan jauh lebih tinggi kadar bayarannya dari yang ada sekarang. Kita semua sepatutnya bersyukur atas keprihatinan kerajaan dalam memberikan subsidi dan menyediakan kemudahan ini untuk kita semua nikmati.

Bayangkan keadaan hidup kita jika tidak mempunyai bekalan tenaga elektrik, sudah setentunya kita akan menghadapi kesulitan dan kepayahan. Oleh itu, sebagai pengguna kita perlulah mengambil perhatian yang serius dan memberikan kerjasama dalam penggunaan tenaga elektrik bagi mengelakkan pembaziran. Penggunaan yang berlebihan dari batas keperluan sehari-hari adalah perbuatan membazir. Sebagai orang Islam, kita hendaklah menghindari perbuatan ini. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra' ayat 26-27 yang tafsirannya:

“Janganlah engkau belanjakan hartamu dengan boros yang melampau-lampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada tuhannya.”

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyediakan dan membelanjakan peruntukan yang sangat tinggi untuk menyediakan kemudahan tersebut kepada kita semua, namun masih terdapat juga dari kalangan rakyat dan penduduk di negara ini yang kurang bersyukur dengan kemudahan yang kerajaan telah berikan

itu sehingga sanggup membuat pengubahsuaian ke atas perjalanan tenaga elektrik melalui meter elektrik yang disediakan atau pun dengan kaedah melencongkan pendawaian elektrik tanpa memperdulikan keselamatan mahupun perkara halal dan haram semata-mata untuk mengurangkan bil bulanan penggunaan elektrik mereka. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Akan ada suatu zaman pada umat manusia yang seseorang tidak lagi mempedulikan apa yang diambilnya (rezeki yang diterima olehnya) apakah dari yang halal atau dari yang haram.” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Apakah kesan perbuatan ini kepada negara kita? Sesungguhnya perbuatan ini boleh menjaskan ekonomi dan boleh mengurangkan pendapatan hasil negara terutamanya kutipan hasil kerajaan daripada pembekalan tenaga elektrik tersebut. Negara akan mengalami kerugian kerana kutipan hasil kerajaan daripada tenaga elektrik yang dibekalkan kepada pengguna adalah jauh lebih rendah berbanding pemakaian atau pengguna elektrik yang sebenar.

Di samping itu, perbuatan sedemikian juga boleh mengakibatkan terjadinya lebih bebanan elektrik yang boleh membahayakan keselamatan pengguna dan juga harta benda mereka, sama ada di tempat tinggal mahupun di premis-premis lain. Perbuatan-perbuatan ini boleh mendatangkan musibah dan kerugian yang besar seperti berlakunya kebakaran rumah atau bangunan dan juga boleh mengakibatkan kehilangan nyawa.

Ingatlah, rahmat dan berkat tidak akan dapat diperoleh melainkan dengan mengamalkan sifat jujur dan amanah dalam kehidupan. Sesungguhnya sifat jujur dan amanah adalah sangat penting kerana sifat-sifat tersebut dapat memelihara dan menjaga diri kita daripada melakukan perbuatan-perbuatan dosa, mungkar dan maksiat. Daripada Khaulah al-ansariah Radiallahuanha, aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang yang mencampur-adukkan harta Allah dengan jalan yang tidak halal, maka mereka akan mendapat seksaan api neraka pada hari Kiamat

kelak.” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Ingatlah, mana-mana pihak yang telah berbuat perbuatan yang tidak menepati ajaran agama ini supaya berhenti dari melakukannya dan memperbetulkannya sebelum terlambat. Mudah-mudahan dengan kita bersikap jujur dan amanah, kita akan sentiasa mendapat berkat dan rahmat di dunia dan juga di akhirat. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Hud ayat 86 yang tafsirannya:

“Limpah kurnia (keuntungan yang halal daripada) Allah lebih baik bagi kamu (daripada harta yang haram walaupun banyak) jika benar kamu orang yang beriman. Dan Aku bukanlah penjaga kamu (tetapi hanyalah sebagai pemberi peringatan).”

Jangan lari dari membayar hutang

Pelita Brunei keluaran 26 Oktober 2019

BERTAKWALAH kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Agama Islam menganjurkan umatnya supaya berusaha dan mencari rezeki yang halal lagi baik bagi memenuhi tuntutan hidup di dunia ini, sama ada untuk dirinya sendiri mahupun nafkah untuk orang yang berada di bawah tanggungannya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Nahl ayat 114 yang tafsirannya:

“Maka makanlah yang halal lagi baik daripada rezeki yang Allah telah kurniakan kepada kamu (wahai orang-orang yang beriman) dan syukurilah nikmat Allah itu jika benar kamu hanya beribadat kepada-Nya.”

Pada masa ini, perbelanjaan terhadap keperluan asasi bagi memenuhi kehidupan seharian memerlukan wang yang bukan sedikit sehingga menyebabkan kadangkala orang terpaksa berhutang bagi memenuhi tuntutan-tuntutan tersebut. Perkara berhutang ini bukanlah sesuatu yang digalakkan oleh agama kita, akan tetapi sekiranya seseorang itu terpaksa juga berhutang, maka hendaklah ia berazam dan berniat untuk membayar hutang tersebut. Ini kerana, hutang itu adalah satu amanah yang mesti diselesaikan dan dilunaskan.

Adalah menjadi kewajipan bagi orang yang berhutang itu untuk membayar hutangnya akan tetapi tidak dinafikan terdapat juga sebahagian orang yang tidak dapat membayar hutangnya disebabkan sumber kewangan yang kurang mencukupi. Bagi mereka yang menghadapi situasi seumpama ini, mereka hendaklah sentiasa berusaha dan mencari ikhtiar untuk menjelaskan semua hutang yang ada. Ini kerana, Allah Subhanahu Wata'ala akan memberi kemudahan dan pertolongan

kepada orang-orang yang ingin melunaskan atau melangsakan hutangnya. Daripada Abdullah bin Jaafar, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Allah akan bersama (memberi pertolongan pada) orang yang berhutang (yang ingin melunasi hutangnya) sampai dia melunasi hutang tersebut selama hutang tersebut bukanlah sesuatu yang dilarang oleh Allah.” Riwayat Ibnu Majah.

Selain itu, terdapat juga segelintir orang yang lari dari membayar hutang, iaitu mereka yang langsung tidak pernah menghiraukan untuk membayar hutang-hutangnya. Ingatlah, seseorang itu mungkin boleh melarikan diri daripada pembiutang di dunia ini, akan tetapi dia sekali-kali tidak akan dapat melarikan diri daripada pengadilan Allah Subhanahu Wata'ala di akhirat kelak. Sesungguhnya orang yang berhutang dan tidak ada niat untuk membayar hutangnya maka pada hari kiamat kelak ia akan bertemu dengan Allah Subhanahu Wata'ala sebagai seorang pencuri. Daripada Suhaib bin Sinan, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Siapa sahaja yang berhutang, kemudian ia berniat untuk tidak membayarnya, maka ia akan bertemu Allah (pada hari kiamat) sebagai pencuri.” Riwayat Ibnu Majah.

Terdapat pelbagai ragam dan sikap orang yang berhutang. Ada yang mempunyai sikap tidak kisah dan ada pula orang yang sering mengelakkan dan melarikan diri dari membayar hutangnya dengan pelbagai alasan. Ketahuilah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada menyatakan bahawa orang yang mampu membayar hutangnya akan tetapi dengan sengaja menunda-nunda atau melengah-lengahkan untuk membayar hutang tersebut dengan memberikan pelbagai alasan sedangkan dia mampu untuk membayarnya maka perbuatan itu adalah satu bentuk kezaliman. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Menunda-nunda pembayaran hutang bagi orang yang telah mampu membayarnya adalah suatu kezaliman.” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Perbuatan menzalimi sesama manusia dengan tidak membayar hutang merupakan salah satu perkara yang boleh menjadikan keharmonian hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara kerana ia merupakan antara punca utama berlakunya pertengkaran dan permusuhan sama ada sesama ahli keluarga, adik-beradik, saudara-mara, sahabat handai, jiran tetangga dan seumpamanya. Ingatlah, perbuatan menzalimi orang adalah perbuatan yang berdosa dan doa orang yang dizalimi itu adalah mustajab. Daripada Ibnu ‘Abbas Radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berpesan kepada Mu’az bin Jabal yang bermaksud:

“Dan takutlah doa orang terzalimi, kerana tidak ada hijab (penghalang) di antara ia dengan Allah.” Riwayat Al-Imam Muslim.

Ketahuilah, bahawa perbuatan memandang ringan terhadap kewajipan membayar hutang bukan sahaja akan menyusahkan orang yang berhutang itu di dunia, bahkan akan mengheretnya kepada kerugian dan kesusahan di akhirat kelak apabila dia meninggal dunia sebelum sempat melunaskan hutang-hutangnya dan ahli-ahli warisnya pula tidak mahu bertanggungjawab untuk menyelesaikannya.

Orang yang meninggal dunia dalam keadaan masih belum melunaskan hutangnya, pada hari kiamat kelak, segala amal kebaikan dan kebajikannya akan diambil dan digunakan untuk melunaskan hutang-hutangnya. Seandainya belum juga mencukupi, maka segala dosa dan kesalahan yang dilakukan oleh orang yang memberi hutang itu pula akan dipindahkan kepada orang yang berhutang tersebut. Daripada Ibnu ‘Umar Radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Barang siapa yang mati dalam keadaan masih memiliki hutang satu dinar atau satu dirham, maka hutang tersebut akan dilunasi dengan amal kebajikannya (di hari kiamat nanti) kerana di sana (di akhirat) tidak ada lagi dinar dan dirham.” Riwayat Ibnu Majah.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada mengajarkan doa yang apabila diamalkan, insyaaAllah akan menghilangkan perasaan dukacita, bebas dari hutang

dan kesusahan. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, daripada Abu Sa’id Al-Khudri Radiallahuanhu, bahawa pada suatu hari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam masuk ke dalam masjid, tiba-tiba Baginda bertemu dengan seorang lelaki dari golongan Ansar, iaitu Abu Umamah Al-Baahili, maka Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memanggilnya dan bersabda:

“Wahai Abu Umamah, aku tidak pernah melihat engkau berada di dalam masjid pada bukan waktu sembahyang?” Abu Umamah menjawab: *“Wahai Rasulullah aku sekarang sedang dilanda duka dan hutang.”* Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kemudian bersabda kepadaanya: *“Mahukah aku ajarkan kepadamu bacaan yang apabila diamalkan, dukacitamu akan dihilangkan Allah Subhanahu Wata’ala dan hutangmu akan menjadi lunas?”* Abu Umamah menjawab: *“Tentulah wahai Rasulullah”*. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, *“Bacalah doa ini apabila kamu berada pada waktu Subuh dan waktu petang.”*

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ الْهُمَّ وَالْخَزْنِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ الْعَجْزِ وَالْكَسْلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ الْجُنُنِ وَالْبَخْلِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ عَلَبَةِ الدَّينِ وَقَهْرِ الرَّجَالِ.

Ertinya: *“Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada Mu dari kedukaan dan kesedihan. Aku berlindung kepada Mu dari sifat lemah dan malas. Aku berlindung kepada Mu dari sifat pengecut dan bakhil. Dan aku berlindung kepada Mu dari bebanan hutang dan penindasan manusia.”*

Abu Umamah berkata: *“Setelah aku amalkan amalan doa itu, maka Allah Subhanahu Wata’ala telah menghilangkan kedukaanku, kesedihanku dan hutangku dapat dilunaskan.”*

Perlu diketahui, terdapat beberapa sebab atau punca mengapa seseorang itu menanggung beban hutang yang banyak, antaranya:

Pertama: Terlalu terikut-ikut dengan trend atau gaya hidup semasa.

Kedua: Berhutang untuk perkara-perkara yang tidak penting dan bukan

keperluan hidup.

Ketiga: Berhutang bagi tujuan untuk bermewah-mewah atau suka menunjukkan kemewahan.

Keempat: Suka melengah-lengahkan membayar hutang sedangkan dia mampu untuk melunaskannya.

Kelima: Hutang yang bertindih-tindih sedangkan hutang-hutang yang sebelumnya belum lagi habis dilunaskan.

Keenam: Berhutang dalam kadar yang banyak yang dia sendiri tidak yakin atau tidak mampu untuk melunaskannya.

Ketujuh: Kurang bijak dalam menilai, mengatur dan mengurus kewangan, pendapatan atau perbelanjaan yang perlu dan lebih diutamakan.

Oleh itu, jika kita menghayati dan mengikuti ajaran agama Islam dalam berbelanja dan cara mengurus pendapatan seperti menanamkan sifat bersyukur dan berpada, iaitu *qanaah* dengan apa yang ada, sudah pasti kita tidak akan terjebak dan terjerumus dalam belenggu beban hutang. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Furqan ayat 67 yang tafsirannya:

“Dan mereka yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak juga bakhil dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka itu adalah sederhana antara kedua-duanya.”

Sebagai peringatan kepada kita semua agar tidak terjebak dengan hutang-piutang yang banyak, maka kita hendaklah mengukur baju di badan sendiri, janganlah kita mudah terpengaruh dengan budaya hidup yang serba mewah kerana kita hidup di dunia yang sementara ini biarlah berpada-pada dan bersederhana. Janganlah kita menurut kata hati dan hawa nafsu untuk berhutang kerana berhutang itu memanglah mudah dan senang, akan tetapi apabila membayarnya pula adalah satu perkara yang sangat susah. Sama-sama lah kita berdoa: *Ya Allah! cukupkanlah aku dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah aku dari rezeki yang haram, dan cukupkanlah aku dengan kurnia Mu dari bergantung kepada selain Mu. Aamiin Ya Rabbal Alamin.*

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 283 yang tafsirannya:

“Dan jika kamu sedang musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh) sedang kamu tidak mendapati pencatat, maka hendaklah diadakan barang jaminan untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang). Jika sebahagian kamu mempercayai sebahagian yang lain hendaklah yang dipercayai itu menunaikan amanahnya (hutangnya) dan hendaklah dia bertakwa kepada Allah Tuhanmu. Dan janganlah kamu (saksi-saksi) menyembunyikan perkara-perkara yang dipersaksikan itu dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya dia ialah orang yang berdosa hatinya. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.”

Bersama menjaga keselamatan dan mematuhi peraturan jalan raya

Keluaran Pelita Brunei 2 November 2019

BERTAKWALAH kepada Allah Subhanahu Wata’ala dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata’ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata’ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Agama Islam adalah agama yang menganjurkan umatnya sentiasa menjaga dan menjamin keselamatan diri, akal, nyawa, harta dan juga agama. Agama Islam juga menyuruh umatnya supaya berikhtiar sedaya upaya menghindarkan dan menjauhkan diri daripada segala perkara yang boleh merosakkan dan membawa kebinasaan dengan menjaga lima perkara tersebut. Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 195 tafsirnya:

“Dan belanjakanlah (harta yang ada pada kamu) pada jalan Allah dan janganlah kamu sengaja menjerumuskan diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan. Dan berbuat baiklah kamu kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan.”

Adapun antara perkara yang boleh mendatangkan kerugian, kebinasaan dan kemasuhan harta dan jiwa itu ialah kemalangan jalan raya. Kemalangan jalan raya merupakan antara penyebab kematian terbesar di Negara Brunei Darussalam. Memandangkan bilangan kemalangan jalan raya yang meningkat dari setahun ke setahun, berbagai usaha telah dilakukan oleh pihak berkuasa untuk menangani masalah ini dan bagi menghindarkan dari berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini.

Oleh yang demikian, pihak berkuasa telah pun melipatgandakan usaha bagi membendung dan mengurangkan berlakunya kemalangan jalan raya ini dengan mengadakan sekatan jalan raya dan pemeriksaan kenderaan untuk memastikan

Khutbah Jumaat Bulan November 2019

tidak ada sebarang pengubahsuaian yang bertentangan dengan peraturan dan undang-undang negara dibuat oleh pemilik kenderaan agar kita semua sentiasa dalam keadaan yang selamat. Selain itu, para pemandu juga hendaklah sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya seperti memakai tali pinggang keselamatan, memeriksa kenderaan sebelum menggunakan dan lain-lain lagi supaya semua kenderaan yang dipandu oleh para pengguna jalan raya benar-benar dalam keadaan yang baik dan selamat.

Jalan raya merupakan kemudahan awam untuk kegunaan semua orang. Oleh itu, semua pengguna jalan raya hendaklah bertanggungjawab untuk menjaga dan memelihara kemudahan ini dan mengelakkannya dari menjadi tempat berlakunya kemalangan dan kecelakaan.

Ketahuilah, untuk menjamin jalan raya itu sentiasa selamat dan selesa digunakan oleh semua pengguna, sama ada kenderaan bermotor, berbasikal mahupun pejalan kaki, pihak kerajaan telah memperuntukkan peraturan dan undang-undang bagi pengguna jalan raya dan peraturan dan undang-undang itu hendaklah dipatuhi untuk kesejahteraan dan keselamatan kita bersama.

Perlu diingat, adapun antara sebab dan punca kemalangan jalan raya itu berlaku ialah kerana sikap dan tabiat sebilangan pengguna-pengguna jalan raya yang tidak bertanggungjawab, tidak mematuhi peraturan jalan raya dan tidak menghiraukan pengguna-pengguna jalan raya yang lain seperti cuai ketika memandu, memandu dengan laju tanpa mengikut had laju yang telah ditetapkan walaupun di selekoh yang tajam, tidak mahu berhenti ketika lampu merah telah bernyala, menggunakan telefon bimbit ketika memandu, mengekor kereta dengan terlalu dekat, memotong dalam keadaan yang tidak selamat dan terdapat juga mereka yang memotong atau memasuki persimpangan jalan tanpa menggunakan lampu isyarat dan berbagai-gai lagi kesalahan lalu lintas yang lain.

Ingatlah, kecuaian para pemandu boleh mengakibatkan kerosakan dan kemusnahan kenderaan dan yang lebih dahsyat lagi ialah ia boleh mengakibatkan kehilangan nyawa. Sesungguhnya agama Islam telah mengajarkan beberapa panduan dan amalan sebelum memulakan perjalanan atau bermusafir sama ada

jauh mahupun dekat antaranya ialah seperti membetulkan niat terlebih dahulu agar apa yang kita kerjakan dan lakukan itu menjadi ibadat, seterusnya hendaklah memanjatkan doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan bertawakal memohon keselamatan dalam perjalanan kita itu serta memohon perlindungan kepada Allah Subhanahu Wata'ala daripada segala marabahaya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah ayat 51 yang tafsirnya:

"Katakanlah (wahai Nabi Muhammad kepada orang-orang Munafik itu): "Sesuatu pun sekali-kali tidak akan menimpa kami melainkan apa yang Allah telah tetapkan bagi kami. Dialah Pelindung kami. Dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah sahajalah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakal."

Doa adalah senjata orang Islam untuk memohon segala hajat di dunia dan juga di akhirat, termasuk doa keselamatan dan perlindungan dari segala bahaya dan bala bencana, kita dianjurkan untuk membaca doa dan memohon perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dari sebarang bahaya dan kejahanatan manusia, jin dan syaitan. Antara amalan-amalan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang dianjurkan dalam perkara ini ialah membaca Surah Al-Fatiha, membaca ayat Al-Kursi dan Surah Quraish. Baginda juga mengamalkan bacaan doa sebelum keluar rumah, iaitu:

Maksudnya: *"Dengan nama Allah aku bertawakal kepada-Nya dan tidak ada daya upaya dan kekuatan melainkan (daya upaya dan kekuatan) Allah, aku berlindung dengan-Mu dari perbuatan sesat atau disesatkan, atau dari binasa atau dibinasakan, atau dari zalim atau dizalimi atau dari jahil (bodoh) atau diperbodohkan."*

Ketika menaiki kenderaan hendaklah dibiasakan membaca doa yang tafsirnya:

"Maha suci Allah yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami sedang kami sebelum ini tidak berdaya menguasainya. Dan sesungguhnya kami tentu akan kembali kepada Tuhan kami."

Selain itu, jika di dalam perjalanan berlaku hujan, guruh, angin dan kilat, maka

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menganjurkan kita supaya membaca: ketika hujan turun, maksudnya:

“Ya Allah jadikanlah ia (hujan) sebagai hujan yang menyenangkan.”

Ketika mendengar guruh dan petir, hendaklah membaca yang maksudnya:

“Ya Allah, janganlah Engkau matikan kami dengan kemurkaan-Mu dan janganlah Engkau binasakan kami dengan azab-Mu dan ampunkanlah kami sebelum itu.”

Semasa angin bertiup kencang, dianjurkan membaca yang maksudnya:

“Ya Allah, aku memohon kepada-Mu kebaikan (angin ini) dan kebaikan yang ada padanya dan kebaikan yang Engkau utuskan bersertanya, aku memohon perlindungan-Mu daripada keburukannya dan keburukan yang ada padanya serta keburukan yang Engkau utuskan bersertanya.”

Mudah-mudahan dengan membaca doa-doa tersebut, kita semua akan mendapat keberkatan dan terhindar dari sebarang bahaya dan malapetaka ketika berada di dalam perjalanan. Marilah kita sama-sama membaca dan mengamalkan doa-doa yang dibaca oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan juga mematuhi peraturan-peraturan jalan raya yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Sebagai pengguna jalan raya, kita hendaklah sentiasa mengamalkan sifat hormat-menghormati dan bertolak ansur ketika berada di jalan raya. Berhati-hatilah jangan disebabkan oleh kelalaian dan kesilapan kita akan membawa padah kepada diri sendiri mahupun kepada orang lain apatah lagi hingga menyebabkan kehilangan nyawa. Sama-sama lah kita berdoa semoga kita semua dihindarkan dari perkara-perkara yang tidak diingini dan sentiasa berada dalam perlindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata’ala. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Surah Az-Zukhruf ayat 13–14, tafsirnya:

“Supaya kamu berada tetap di atasnya kemudian kamu mengingat nikmat Tuhan kamu apabila kamu berada tetap di atasnya serta kamu (bersyukur dengan) mengucapkan: Maha suci Allah yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami sedang kami sebelum ini tidak berdaya menguasainya.” Dan sesungguhnya kami tentu akan kembali kepada Tuhan kami.”

Meneladani akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

Keluaran Pelita Brunei 9 November 2019

BERTAKWALAH kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan meningkatkan keimanan kepadanya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Alhamdulillah, kita sekarang berada di bulan Rabiulawal, bulan yang telah mencatatkan peristiwa penting dan sungguh bermakna bagi seluruh umat Islam. Ini kerana dalam bulan inilah lahirnya Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan kelahiran Baginda telah membawa sinar dan rahmat ke seluruh alam. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anbiya' ayat 107 yang tafsirnya:

"Dan Kami tidak mengutus engkau (wahai Nabi Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."

Ayat ini menjelaskan bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diutus menjadi nabi dan rasul untuk menyampaikan ajaran-ajaran Allah Subhanahu Wata'ala, bukan hanya untuk satu golongan atau bangsa tertentu sahaja bahkan adalah untuk semua dan untuk kesejahteraan dan kerahmatan bagi seluruh alam. Sesungguhnya kedatangan Baginda dengan membawa syariat Islam telah memberi sinar dan hidayah kepada sekalian manusia, menyuluh dan menerangi kehidupan manusia untuk sentiasa berada di landasan yang betul iaitu jalan kehidupan yang benar dan penuh dengan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebagai umat Islam antara cara untuk menzahirkan tanda kasih dan cinta kita terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah:

Pertama: Mentaati segala suruhan dan meninggalkan segala larangan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Di dalam Al-Quran, Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan umat manusia untuk mentaati suruhan dan meninggalkan larangan Rasulnya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hasyr ayat 7 tafsirnya:

"Dan apa jua suruhan yang diberikan oleh Rasulullah kepada kamu maka terimalah (amalkanlah) dan apa jua yang kamu dilarang melakukannya maka tinggalkanlah. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah sangat berat sekasanya."

Kedua: Menghidupkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan berpegang teguh kepada ajaran Al-Quran dan juga sunnah Baginda. Daripada Malik bin Anas Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan tersesat selama mana kamu berpegang teguh pada kedua-duanya kitab Allah (Al-Quran) dan sunnah nabinya." Riwayat Imam Malik.

Ketiga: Memperbanyak ucapan selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abu Huraiyah Radiallahuanhu berkata bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya: *"Sesiapa berselawat kepadaku sekali, maka Allah menurunkan rahmat kepadanya 10 kali."*

Keempat: Meneladani akhlak Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia. Diriwayatkan daripada Abu Huraiyah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

Maksudnya: *"Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan semulia-mulia akhlak."* Riwayat Al-Imam Ahmad.

Ingatlah, apabila datang usia tua maka semua kecantikan luaran itu tidak akan bermakna dan bertahan lama, sedangkan kecantikan akhlak itu akan kekal dan sentiasa dikenang walaupun kita sudah tiada lagi. Oleh itu, kita dianjurkan untuk mengikuti dan meneladani akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Allah Subhanahu Wata'ala memuji akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan sesungguhnya kehebatan akhlak Baginda itu tiada tandingannya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Qalam ayat 4 tafsirnya:

“Dan sesungguhnya engkau benar-benar mempunyai akhlak yang sangat mulia.”

Sesungguhnya ayat Al-Quran ini menekankan tentang betapa luhurnya keperibadian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda mentaati segala suruhan dan larangan Allah Subhanahu Wata'ala tanpa meninggalkan walau sedikit pun daripada apa yang diperintahkan ke atas Baginda. Oleh yang demikian, sudah sewajarnyalah akhlak Baginda itu dijadikan sebagai contoh teladan kepada umat Islam dalam menjalani dan mematuhi segala suruhan dan larangan Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketahuilah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah *uswatun hasanah*, iaitu contoh ikutan atau teladan yang baik dalam semua aspek kehidupan seperti dari sudut ketaatan dan keimanan terhadap Allah Subhanahu Wata'ala, kemasyarakatan dan pergaulan, akhlak dan sifat-sifat mulia, siasah pentadbiran dan sebagainya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab ayat 21 tafsirnya.

“Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu iaitu orang yang mengharapkan (keredaan) Allah dan (kebahagiaan) hari akhirat serta banyak berzikir mengingati Allah.”

Perlu diketahui, antara akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang patut dicontohi dan diteladani ialah akhlak Baginda yang sentiasa jujur, amanah, menyampaikan yang benar, bijaksana dalam segala urusannya. Baginda juga adalah seorang yang penyayang, sentiasa berbuat baik, menjaga rahsia, berlemah lembut, pemalu, pemaaf, menyeru kepada kebaikan, mencegah kemungkaran, adil,ikhlas,

berbaik sangka, qanaah iaitu berasa cukup, menjaga hubungan persaudaraan dan sebagainya.

Selain itu, antara sifat-sifat terpuji, yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang patut kita contohi dan teladani ialah:

Pertama: Sifat sabar. Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah seorang yang sangat penyabar. Baginda menahan diri daripada kesakitan dan penganiayaan kaum Musyrikin pada awal permulaan dakwah Baginda. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nahl ayat 127 tafsirnya:

“Dan bersabarlah (Wahai Nabi Muhammad) dan tiadalah (engkau beroleh martabat) kesabaranmu itu melainkan hanya dengan taufik dan pertolongan Allah. Dan janganlah engkau berduakacita terhadap (keengganan) mereka (untuk beriman) dan janganlah engkau bersempit dada (kesal) terhadap tipu daya yang mereka lakukan.”

Kedua: Sifat pemaaf. Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bukanlah seorang pendendam dan Baginda tidak membala walaupun dianiaya atau disakiti dan memaafkan orang yang telah menzalimi Baginda. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raf ayat 199 tafsirnya: *“Jadilah seorang pemaaf dan suruhlah orang mengerjakan yang makruf serta berpalinglah daripada orang-orang yang jahil.”*

Ketiga: Sifat syukur. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah seorang yang maksum, iaitu terpelihara atau bebas daripada berbuat dosa akan tetapi Baginda tetap juga beribadat dan sentiasa bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Al-Mughirah bin Syu'bah Radiallahuanhu berkata: Sesungguhnya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam mendirikan sembahyang sampai lengkap kakinya lalu ditanya kepada Baginda: *“Wahai Rasulullah, mengapa tuan membebarkan dengan hal yang demikian? Sedangkan Allah Ta'ala telah pun mengampuni dosa-dosa tuan yang telah lalu dan yang akan datang?”* “Baginda lalu menjawab: *“Bukankah seharusnya aku menjadi hamba yang banyak bersyukur?”* Hadis diriwayatkan oleh Imam Muslim.

Begitulah indahnya dan mulianya akhlak dan pekerti Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Oleh itu, sudah sewajarnyalah kita selaku umat Islam mencontohi akhlak Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan mengamalkannya dalam segenap perkara di dalam kehidupan kita seharian. Janganlah ia hanya sekadar menjadi bahan bacaan atau cerita sahaja, akan tetapi ia hendaklah dihayati dan diamalkan agar kita beroleh kebahagiaan dan keselamatan hidup di dunia dan juga di akhirat.

Bersempena bulan Rabiulawal yang mulia ini, umat Islam di seluruh dunia memperingati hari kelahiran Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengadakan berbagai aktiviti keagamaan dan kita di Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan memperingati kelahiran Baginda dengan menganjurkan pelbagai acara keagamaan seperti Majlis Dikir Syarafil Anam selama 12 malam berturut-turut di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara dan juga Majlis Dikir di rumah-rumah persendirian. Di samping itu, diadakan juga majlis-majlis ceramah agama, forum dan acara kemuncak perarakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara.

Oleh itu, marilah kita sama-sama hadir bagi menyemarakkan lagi Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Bagi Tahun 1441 Hijrah sebagai menzahirkan rasa kecintaan kita terhadap Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam. Bagi yang mengikuti perarakan berjalan kaki sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, sama-sama kita menggemarkan atau memeriahkan suasana perarakan itu dengan melaungkan selawat agar perarakan yang dilakukan tidaklah semata-mata berjalan sahaja, bahkan perarakan yang dilakukan itu adalah sebagai ibadat, ingatan dan tanda kasih sayang kita terhadap Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan selawat yang kita baca dengan rasa kasih sayang itu, kita akan beroleh syafaat dan pertolongan daripada Baginda di hari akhirat kelak, Aamiin Ya Rabbal Alamin. Surah An-Nisa ayat 80 tafsirnya:

“Sesiapa yang taat kepada Rasulullah, maka sesungguhnya dia telah taat kepada Allah, dan sesiapa yang berpaling (daripada ketaatan itu) maka (janganlah engkau berdukar) wahai Nabi Muhammad) kerana Kami tidak mengutus engkau untuk menjadi pemelihara mereka (daripada melakukan kesalahan).”

Hindarkanlah diri daripada bersifat tamak

Keluaran Pelita Brunei 16 November 2019

BERTAKWALAH kepada Allah Subhanahu Wata’ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata’ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata’ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Manusia adalah makhluk ciptaan Allah Subhanahu Wata’ala dan dalam jasad manusia itu terdapat segumpal daging iaitu hati yang boleh saja mendorong manusia itu untuk melakukan perkara yang baik atau pun perkara yang jahat. Ini kerana di dalam hati inilah tempat berkumpulnya sifat-sifat yang mulia dan sifat-sifat yang keji. Daripada an-Nu’man bin Basyir Radiallahuanhu, ia mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Ingatlah bahawa di dalam jasad itu ada segumpal daging. Jika ia baik, maka baik pula seluruh jasad. Jika ia rosak, maka rosak pula seluruh jasad. Ketahuilah bahawa ia adalah hati (jantung).” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Adapun salah satu sifat keji yang terdapat di dalam hati itu ialah sifat tamak. Tamak adalah sifat yang ingin memiliki sesuatu itu tanpa batasan dan selalu berasa tidak cukup sehingga menyebabkan seseorang itu melakukan kerja-kerja yang hina seperti membolot, merampas, menipu, mengambil hak orang lain dan seumpamanya. Mereka yang bersifat tamak akan bertindak dengan rakus menurut kehendak hawa nafsunya tanpa mempedulikan sama ada perkara itu halal mahupun haram. Setentunya hal ini boleh sahaja menimbulkan perasaan benci, rasa tidak puas hati, perkelahian, perpecahan, perselisihan faham, dendam, permusuhan dan sebagainya. Daripada Abdullah bin Mas’ud Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“Hari kiamat semakin dekat, dan tidak bertambah (kemahuan) manusia kepada dunia itu melainkan semakin rakus, dan tidak pula bertambah (dekat) mereka itu

kepada Allah melainkan semakin jauh.” Riwayat Al-Imam Al-Hakim.

Hidup manusia pada zaman ini lebih cenderung kepada kehidupan yang mementingkan harta benda, wang ringgit dan pangkat kebesaran. Kehidupan seumpama ini boleh saja mempengaruhi seseorang itu untuk bersifat tamak dan mementingkan diri sendiri. Sebagai umat Islam, adalah penting bagi kita untuk berwaspada dan berhati-hati. Jangan sampai harta kekayaan dan kemewahan itu membutakan mata, merosakkan hati dan meracuni akal fikiran kita semata-mata untuk mendapatkan dan memperoleh hasil rezeki dari jalan yang tidak halal atau syubhah.

Sesungguhnya setiap rezeki atau harta yang diperoleh dari jalan yang salah ataupun syubhah dan bercampur antara yang halal dengan yang haram pasti akan memberi kesan yang tidak baik sama ada pada diri sendiri atau keluarga maupun kepada masyarakat dan negara. Ingatlah, harta itu hanyalah ujian, perhiasan dan tipu daya dunia yang sepatutnya kita urus dan tadbir dengan sebaik-baiknya. Daripada Ka’ab bin Iyadh Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Setiap umat memiliki fitnah (ujian), dan fitnah umatku adalah harta.” Riwayat Al-Imam At-Tirmizi.

Perlu diketahui, bersifat tamak dan rakus dalam mengumpul harta kekayaan dan kemewahan itu tidak pernah menjanjikan kebahagiaan di dalam kehidupan kerana mereka yang hidup dengan cara yang sederhana dan dalam keadaan yang serba kekurangan, masih dapat hidup dengan tenang, bahagia, selalu berasa cukup kerana mereka sentiasa bersyukur.

Terdapat suatu kisah daripada hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari, iaitu mengenai kisah seorang yang sopak dan seorang yang botak yang tamak serta seorang buta yang selalu bersyukur yang boleh dijadikan sebagai satu iktibar dan pengajaran. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawasanya ia mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

“Ada tiga orang di kalangan Bani Israel yang berpenyakit sopak, botak dan buta. Allah mahu menguji mereka semua, lalu Allah mengutuskan kepada mereka seorang Malaikat. Malaikat tersebut datang kepada orang yang sopak. Lalu bertanya: Perkara apakah yang paling engkau sukai? Dia menjawab: Aku suka warna dan kulit yang cantik. Manusia berasa diriku kotor dengan kulitku sekarang.

Malaikat pun menyapu kulitnya, lalu hilanglah penyakitnya dan dikurniakan warna dan kulit yang cantik. Malaikat bertanya lagi: Apakah harta yang paling engkau sukai? Orang yang sopak ini menjawab: ‘Unta’ lalu dia dikurniakan seekor unta yang sedang bunting. Malaikat berkata: Semoga engkau diberkati dengan kurniaan ini.

Malaikat datang pula berjumpa orang yang botak, lalu bertanya: Apakah perkara yang paling engkau sukai?. Orang botak ini menjawab: Aku suka rambut yang cantik dan dihilangkan penyakit yang aku alami ini kerana manusia melihat kotor terhadap diriku. Malaikat pun mengusapnya dan hilanglah penyakitnya serta dia dikurniakan rambut yang cantik. Malaikat bertanya: Apakah harta yang paling engkau sukai? Dia berkata: ‘Lembu’. Dia pun diberikan seekor lembu yang sedang sarat mengandung. Malaikat berkata padanya: Semoga engkau diberkati dengan kurniaan ini.

Malaikat datang pula kepada orang yang buta, lalu bertanya: Apakah perkara yang paling engkau sukai? Orang buta ini menjawab: Aku suka jika Allah mengembalikan penglihatanku, sehingga aku mampu melihat manusia dengan penglihatan tersebut. Malaikat pun mengusapnya, lalu Allah mengembalikan penglihatannya. Malaikat bertanya lagi: Apakah harta yang paling engkau sukai? Orang buta ini menjawab: ‘Kambing’. Lalu dia dikurniakan seekor kambing yang bunting.

Berkembang-biaklah kurniaan kepada dua orang tadi dan juga kepada yang ketiga ini. Ia berkembang sehingga menjadi satu lembah unta, satu lembah lembu dan satu lembah kambing. Kemudian malaikat datang semula kepada orang yang sopak dengan menyerupai keadaan sopak dan berkata: Aku seorang lelaki yang miskin dan bekalanku telah habis dalam perjalanan merentas bukit. Aku tidak

hidup sehingga sekarang, melainkan dengan keizinan daripada Allah dan balas kasihanmu. Maka aku memohon padamu demi zat yang memberikan engkau warna dan kulit yang cantik, serta harta dari unta, adakah kamu mahu memberikanku bekalan untuk aku meneruskan perjalanan?

Orang yang sopak pun berkata: Banyak lagi orang yang memerlukan. Malaikat yang menyerupai itu berkata: Aku seolah-olah mengenali dirimu. Bukankah engkau dulunya seorang yang sopak lalu manusia memandang kotor kepada dirimu, serta miskin kemudian Allah mengurniakan kurnianya kepadamu. Orang yang sopak ini menjawab: Semua harta ini adalah warisan daripada nenek moyangku. Malaikat berkata: Seandainya engkau berdusta, maka Allah akan mengembalikan engkau kepada asal usulmu.

Malaikat datang pula dalam keadaan botak kepada orang yang botak. Lalu dia bertanya kepadanya sebagaimana yang ditanya kepada orang yang sopak tadi. Lantas dia menolak permintaan malaikat tersebut sebagaimana yang dilakukan oleh orang yang sopak. Malaikat itu berkata: Seandainya engkau berdusta, maka Allah akan mengembalikan engkau kepada asal usul mu.

Malaikat datang pula dalam keadaan buta kepada orang yang buta. Lalu berkata: Aku seorang lelaki miskin. Bekalanku telah habis ketika melintasi bukit dalam perjalanan. Aku tidak hidup sehingga sekarang melainkan keizinan daripada Allah, kemudian dari balas kasihanmu. Maka, aku memohon demi zat yang mengembalikan penglihatanmu, berikanlah aku seekor kambing sebagai bekalan dalam perjalanan.

Orang buta ini berkata: Dulunya aku seorang buta, kemudian Allah mengembalikan penglihatanku. Aku juga miskin dahulu, kemudian Allah menjadikan aku kaya. Oleh itu, ambillah harta ini sesuka hatimu. Demi Allah! Aku tidak akan menghalangmu dari mengambil sesuatu selagi mana engkau mengambilnya kerana Allah. Malaikat pun berkata: Peganglah harta milikmu. Sesungguhnya kamu sedang diuji. Maka Allah telah merestui kamu dan memurkai dua orang saudaramu."

Sebagai orang Islam, kita diwajibkan untuk mencari rezeki yang halal lagi baik, melalui usaha atau cara yang betul dan bukan dengan cara yang keji seperti berbohong, menipu dan bersifat tamak. Ketahuilah, rezeki kita telah pun ditetapkan dan ditentukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala sejak dari azali lagi dan hanya Allah Subhanahu Wata'ala sahajalah yang berhak memberi rezeki kepada sesiapa yang ia kehendaki.

Adapun antara penyebab seseorang itu menjadi tamak ialah, **Pertama:** Terlalu cintakan dunia iaitu cinta yang berlebih-lebihan terhadap segala nikmat, pangkat kebesaran dan kemewahan duniawi. **Kedua:** Tidak memikirkan kehidupan di hari akhirat. **Ketiga:** Tidak pernah berasa puas dengan apa yang telah dicapai dan dimiliki. **Keempat:** Kurang memahami dan menghayati erti hidup bermasyarakat yang sebenarnya iaitu memiliki sifat ihsan, saling tolong-menolong dan bantu-membantu antara satu dengan yang lain.

Selain itu, antara kesan daripada sifat tamak dalam kehidupan ialah timbulnya kekerasan pada hati iaitu apabila seseorang itu melakukan dosa, dia tidak pernah rasa bersalah malah ia juga suka bercakap dusta atau berbohong dan tidak boleh menerima sebarang teguran atau nasihat daripada orang lain.

Ketahuilah, sifat tamak boleh dihapuskan dengan sifat Qana'ah iaitu berasa cukup dengan segala yang ada. Imam Al-Ghazali Rahmatullahi Ta'ala berkata bahawa kemuliaan seorang hamba itu bermula dari Qana'ah dan kehinaannya pula bermula dari sifat tamak.

Akan tetapi, bagaimanakah caranya untuk sentiasa berasa cukup dengan apa yang kita miliki? Sudah tentulah dengan sentiasa bersyukur dan mengamalkan kesederhanaan dalam semua hal, baik dalam kehidupan, pergaulan, perbelanjaan dan sebagainya serta meyakini bahawa segala rezeki itu sudah ditentukan dan ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Contohilah kehidupan para Anbiya dan para Rasul yang telah diutus oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk menjadi contoh dan teladan yang baik bagi seluruh manusia. Di samping itu, kita hendaklah memahami akan bahayanya sifat tamak

dalam mengumpul harta sebagaimana yang berlaku kepada Karun yang tidak pernah berasa cukup dengan harta yang telah dimilikinya hingga sanggup melakukan penindasan dan kezaliman terhadap orang lain, yang akhirnya ditenggelamkan ke dalam perut bumi bersama-sama dengan hartanya.

Akhirnya, sama-samalah kita berdoa semoga diri kita, keluarga kita dan orang-orang yang berada di sekeliling kita dijauahkan dan dihindarkan dari bersifat tamak, tidak dibutakan mata dan hati oleh tipu daya syaitan dan harta perhiasan dunia. Mudah-mudahan kita tergolong dalam golongan orang-orang yang sentiasa berasa cukup dengan rezeki yang dimiliki dan sentiasa bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala. Sama-samalah kita berdoa: Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada Mu hidayah (petunjuk), ketakwaan, dihindarkan dari perbuatan yang buruk, serta memohon kepada Mu kekayaan hati. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Najm ayat 48 yang tafsirannya:

“Dan sesungguhnya Dia yang mengurniakan kekayaan dan kecukupan.”

Negara yang berhias dengan berkat

Keluaran Pelita Brunei 23 November 2019

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Alhamdulillah, negara kita, Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang aman, damai dan permai, dikurniakan dengan pelbagai limpahan rahmat dan nikmat kesejahteraan, nikmat ketenteraman, nikmat kemakmuran dan sentiasa berada di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya segala rahmat dan nikmat yang kita kecapai pada hari ini dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua adalah kerana berkat kepimpinan Brunei Darussalam yang tidak pernah membelaangi ajaran agama Islam. Bahkan, negara kita telah menjulang, memartabatkan dan mendaulatkan agama Islam di tempat yang teratas, dan di hadapan menjadi pedoman, bukan sampingan kerana itu ia melambangkan kedaulatan bangsa dan negara. Semua ini adalah semata-mata untuk meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'ala yang membawa kepada kesejahteraan, keberkatan, keteguhan beragama, berbangsa dan bernegara. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hajj ayat 41 yang tafsirannya:

“(Iaitu) mereka (umat Islam) yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang dan membayar zakat serta mereka menyuruh (berbuat) yang makruf dan melarang daripada (mengerjakan) yang mungkar. Dan kepada Allah jualah kesudahan segala urusan.”

Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, keunggulan dan syiar Islam di bumi Darussalam ini terus bersinar, semuanya adalah atas kebijaksanaan kepimpinan Brunei Darussalam yang sejak dari lebih enam ratus tahun yang

lalu, telah berpegang dan menjadikan agama Islam sebagai asas kehidupan bermasyarakat dan bernegara melalui konsep Melayu Islam Beraja yang menjadikan bumi Darussalam ini terus-menerus berhias dengan berkat malah keberkatan yang menghiasi Brunei Darussalam dapat dirasakan melalui segala aspek, terutamanya dalam aspek kehidupan iaitu semangat perpaduan yang tinggi di kalangan rakyat dan penduduknya tanpa berlakunya sebarang pergaduhan ataupun pertelingkahan.

Ketahuilah, agama Islam sangat menggalakkan umatnya untuk sentiasa berpegang teguh dengan tali atau agama Allah bagi menghindarkan dari berlakunya pertelahanan dan perpecahan di kalangan masyarakat dan negara. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran ayat 103 yang tafsirannya:

“Dan berpegang teguhlah kamu kepada tali (agama) Allah dan janganlah kamu bercerai-berai.”

Raja adalah umpama payung, tempat rakyat bernaung dan berlindung. Raja merupakan pemerintah, ketua negara yang memegang tumpuk kerajaan yang akan menentukan hala tuju sesebuah negara. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dikurniakan seorang raja yang sentiasa berpandangan jauh dan kuat berpegang dengan ajaran agama Islam serta sentiasa menerapkan ciri-ciri keislaman dalam kepimpinan, pengurusan dan pentadbiran negara, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sebagai sebuah negara Islam, kita amat bersyukur kerana Negara Brunei Darussalam telah meletakkan dasar pentadbiran negara menurut ajaran agama Islam, iaitu berpegang dengan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Daripada Malik bin Anas Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan tersesat selama mana kamu berpegang teguh pada kedua-duanya iaitu kitab Allah (Al-Quran) dan sunnah nabinya.” - Riwayat Al-Imam Malik.

Melalui pegangan ini, pembangunan dan kemajuan negara sentiasa berada dalam landasan atau jalan yang benar kerana konsep ini sentiasa menegakkan prinsip-prinsip dan nilai-nilai Islam yang melindungi agama, nyawa, harta benda, kehormatan, akal dan keturunan, iaitu Maqaasid Syariah yang berlandaskan Al-Quran dan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Baru-baru ini, bersempena dengan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-26, Tahun 1441 Hijrah / 2019 Masihi. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan titah, baginda telah menekankan bahawa:

“Amanah adalah wajib diamalkan oleh setiap warga perkhidmatan awam. Tidak ada maknanya berkhidmat tanpa amanah. Amanah adalah ‘tiang seri’ keadilan. Rakyat mesti dilindungi dan dibela dengan keadilan. Inilah ajaran agama kita.

Semua orang dilihat cenderung dan suka bercakap mengenai keadilan. Tetapi bagi beta, bercakap sahaja belumlah memadai tanpa melaksanakannya. Keadilan hanya akan ‘gemerlap’ apabila dilaksanakan. Kerana itu, kita sama sekali tidak mampu untuk berkompromi dengan sebarang ketidakadilan.

Jika perkhidmatan awam lemah melaksanakan keadilan, maka kepentingan rakyat pasti terjejas. Kerana itulah undang-undang digubal, untuk dilaksanakan. Tidak ada gunanya bercakap mengenai undang-undang sedang jenayah dan pelanggaran terus dibiarkan berlaku, tidak ditangani.” Demikian baginda bertitah.

Oleh yang demikian, perihal amanah dan keadilan sebagaimana yang telah dititahkan baginda itu adalah suatu yang sangat mustahak dan perlu kita semua mengambil perhatian, bukan saja kepada warga-warga perkhidmatan awam bahkan juga kepada masyarakat secara amnya.

Perlu diingat, dalam agama Islam keadilan itu mestilah ditegakkan dan dilaksanakan. Ini kerana keadilan adalah asas bagi mengekalkan kebahagiaan, keharmonian dan keamanan sesebuah masyarakat mahupun negara. Dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada disebutkan mengenai ganjaran bagi

orang-orang yang berani menegakkan dan melaksanakan keadilan, Daripada Abdullah bin Amru Radiallahu anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Orang-orang yang berlaku adil berada di sisi Allah di atas mimbar yang dibuat dari cahaya, di sebelah kanan Tuhan yang bersifat Al-Rahman Azzawajalla, mereka ialah orang-orang yang berlaku adil dalam hukuman mereka, adil dalam keluarga dan adil ke atas orang yang di bawah tanggungjawab mereka.” - Riwayat Al-Imam Muslim.

Agama Islam memerintahkan kita supaya sentiasa berakhlik mulia seperti bersifat adil, jujur, amanah, ikhlas, sabar dan sebagainya serta milarang dari bersifat keji seperti hasad dengki, berdusta, menipu, khianat, pecah amanah dan seumpamanya.

Ingatlah, semua warga perkhidmatan awam yang telah diberi mandat untuk memegang jawatan dalam kerajaan hendaklah:

Pertama: Berusaha untuk mananai, menyelesaikan dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sempurna bukan dengan berlengah-lengah dan sambil lewa sahaja.

Kedua: Menggunakan dan memanfaatkan waktu bekerja secara produktif dan berkesan.

Ketiga: Sentiasa memberikan komitmen untuk belajar meningkatkan kemahiran diri sendiri.

Keempat: Sentiasa berusaha untuk menambah ilmu pengetahuan. Janganlah merasa malu untuk bertanya kepada ketua ataupun rakan sekerja jika kita tidak tahu atau tidak mampu untuk melaksanakan atau menyelesaikan sesuatu tugas atau tanggungjawab. Daripada Abu Hurairah Radiallahu anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Barang siapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan maka Allah akan mempermudahkan baginya suatu jalan untuk ke syurga.” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Sesungguhnya warga perkhidmatan awam mempunyai peranan yang sangat penting dalam menyumbang kepada kesejahteraan rakyat dan kepada kemajuan, kestabilan dan keamanan negara. Dengan syarat warga perkhidmatan awam hendaklah warga yang berintegriti dan pemimpin-pemimpin dalam perkhidmatan awam adalah terdiri daripada mereka yang berwibawa. Warga perkhidmatan awam yang berintegriti itu membawa maksud bahawa dia berkhidmat adalah demi kepentingan negara, bukannya untuk kepentingannya diri sendiri. Oleh itu, setiap pegawai kerajaan mestilah sentiasa beringat bahawa selagi mana dia masih berkhidmat, keseluruhan masanya adalah tertakluk di bawah kawalan kerajaan.

Ingatlah, Allah Subhanahu Wata'ala telah memberikan peringatan kepada hamba-Nya yang beriman supaya tidak mengkhianati amanah yang telah diberikan, jika kita menjaga dan mananai amanah yang telah dipertanggungjawabkan, ia akan mendorong kita untuk melakukan pekerjaan dengan lebih tekun dan lebih berdedikasi.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa semoga kita semua akan sentiasa berlaku adil, jujur dan amanah dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sama ada dalam pekerjaan dan di dalam kehidupan kita seharian. Mudah-mudahan segala pekerjaan yang kita lakukan mendapat ganjaran pahala, rahmat dan berkat yang berterusan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa' ayat 135 yang tafsirannya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu yang benar-benar penegak keadilan (serta) menjadi saksi kerana Allah, walaupun terhadap diri kamu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Jika dia (yang diberikan kesaksian itu) kaya ataupun miskin maka Allah lebih mengetahui hal kedua-duanya. Oleh itu,

janganlah kamu menurutkan hawa nafsu kerana ingin menyimpang daripada keadilan. Dan jika kamu memutarbelitkan keterangan atau enggan menjadi saksi maka sesungguhnya Allah adalah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan.”

Mempelbagaikan ekonomi negara melalui bidang pertanian, penternakan dan perikanan

Keluaran Pelita Brunei 30 November 2019

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata’ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata’ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata’ala beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Agama Islam menyeru dan menggalakkan umat-Nya agar sentiasa mempertingkatkan usaha dalam melakukan ibadat dan amal kebajikan. Di samping itu, agama Islam juga menuntut umat-Nya supaya berusaha mencari rezeki melalui jalan yang halal lagi baik bagi memenuhi tuntutan dan keperluan hidup sama ada untuk diri sendiri maupun untuk orang-orang yang berada di bawah tanggungan-Nya. Allah Subhanahu Wata’ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah Ayat 168 yang tafsirannya:

“Wahai manusia! Makanlah (makanan) daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikuti jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang nyata bagi kamu.”

Adapun antara sumber rezeki yang boleh diusahakan, diterokai dan diceburi ialah bidang pertanian, perikanan dan penternakan. Ketahuilah, pertanian merupakan salah satu dari pekerjaan yang amat digalakkan oleh Allah Subhanahu Wata’ala dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Jika datang hari kiamat dan di tangan kamu ada benih dan mampu ditanam sebelum datangnya kiamat, maka hendaklah kamu menanamnya.” Riwayat Al-Imam Ahmad.

Menurut Imam an-Nawawi Rahimahullah Ta’ala, pekerjaan yang baik dan afdal itu ialah pertanian kerana ia merupakan hasil dari tangan sendiri, dan memberi manfaat kepada diri sendiri, binatang dan juga kepada umat Islam. Daripada Said bin Amir Radhiallahuanhu, dia berkata bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ketika ditanya mengenai pekerjaan yang paling baik, Baginda menjawab yang bermaksud :

“Pekerjaan seseorang dengan tangannya sendiri dan setiap jual beli yang baik.” Riwayat Al-Imam Ahmad.

Dalam Wawasan Brunei 2035, antara salah satu dari hasrat negara adalah untuk mempelbagaikan ekonomi negara supaya tidak bergantung sepenuhnya kepada hasil dari keluaran minyak dan gas. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ada mengurniakan titah bersempena Hari Ulang Tahun Keputeraan baginda yang ke-72, tahun 2018, antara lain baginda bertitah bahawa:

“Salah satu langkah ke arah pertumbuhan ekonomi, ialah dengan meneroka sektor pertanian. Sektor pertanian sangat penting untuk kehidupan. Pertanian memainkan peranan utama dalam pembinaan tamadun.” Baginda seterusnya bertitah: *“Bagi negara yang menerima hujan dan tanah-tanah masih belum diteroka, maka tidaklah praktikal untuk terus mengimport bahan asas makanan tanpa berusaha sendiri memenuhi keperluan,”* demikian baginda bertitah.

Selain itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga pernah bertitah menyentuh mengenai kepentingan belia untuk berkecimpung dalam bidang pertanian di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, tahun 2019 yang lalu di mana baginda menyeru para belia untuk tampil sebagai tenaga utama dalam industri pertanian negara.

Oleh itu, dalam situasi masa kini di mana isu pengangguran sering saja dibincangkan dan diperkatakan. Maka inilah masa yang sesuai bagi golongan

belia yang masih lagi mencari peluang pekerjaan untuk menyahut seruan raja yang kita kasih ke arah mempelbagaikan sumber ekonomi negara dan menimbangkan untuk menjadikan aktiviti pertanian, penternakan dan perikanan sebagai salah satu dari sumber rezeki mahupun sebagai satu bidang pekerjaan.

Dalam suasana kehidupan yang penuh dengan persaingan ini, kita semua terutama golongan belia di negara ini mestilah bersikap terbuka dan berani untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian, penternakan dan perikanan walaupun secara sederhana atau pun bermula secara kecil-kecilan dahulu. Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengingatkan tentang betapa perlunya tanah pertanian itu dibangunkan untuk menghasilkan bahan makanan dan tidak mengizinkan sama sekali tanah itu dibiarkan dan dibazirkan dengan begitu sahaja. Daripada Rafi' bin Khadij Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“Sesiapa yang mempunyai tanah hendaklah dia mengerjakannya dengan bertani atau jika dia tidak berupaya melakukannya hendaklah menyerahkannya kepada saudaranya supaya diusahakan dan janganlah dia menyewakan hanya seperti dan seperempat dan makanan asasi.” Riwayat Al-Imam Abu Daud.

Menceburkan diri dalam bidang pertanian, penternakan dan perikanan itu adalah salah satu usaha untuk mempelbagaikan ekonomi negara dan mampu untuk mengurangkan kebergantungan dan keperluan negara untuk mengimport bahan-bahan makanan dari luar negara, ini sekali gus akan dapat membantu menjamin keselamatan bekalan makanan dalam negara.

Alhamdulillah, pada ketika ini semakin ramai petani dan peladang yang terdiri dari golongan belia di negara ini, yang sudah mula terlibat dalam aktiviti pertanian seperti bertanam padi, sayur-sayuran, buah-buahan dan dalam sektor perikanan. Adalah diharapkan supaya mereka ini akan terus bersemangat dan tidak mudah berputus asa, dan perkembangan ini diharapkan akan menjadi pemangkin dan perangsang kepada lebih banyak lagi golongan belia yang sanggup bekarif dan bejarif untuk membantu negara kita dalam mempelbagaikan dan memperbanyakkan lagi keluaran bekalan makanan yang tumbuh dari tanah dan bumi kita sendiri.

Ketahuilah, orang yang berbudi kepada tanah akan mendapat ganjaran pahala kerana menghidupkan tanah yang mati dengan tanaman. Daripada Jabir bin Abdullah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“Barangsiapa yang menghidupkan tanah yang mati (dengan tanaman), maka baginya mendapat pahala.” Riwayat Al-Imam Ahmad.

Perlu diingat, bahawa bagi mereka yang telah disediakan tanah-tanah pertanian, janganlah pula mengambil kesempatan dan keuntungan melalui jalan yang singkat dengan menyewakan tanah-tanah pertanian berkenaan kepada pihak lain, apatah lagi kepada pendatang luar. Ini kerana sikap sedemikian hanya akan merugikan petani dan peladang itu sendiri dan harapan kerajaan dan negara untuk melihat lebih ramai orang tempatan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui aktiviti pertanian, perikanan dan penternakan juga akan kecundang dan tidak akan kesampaian.

Akhirnya, ke arah mempelbagaikan sumber ekonomi negara, marilah kita sama-sama menyahut seruan raja yang kita kasih khususnya kepada golongan belia negara ini, untuk bersama-sama menggembungkan tenaga dan berusaha bagi mengembang majukan lagi bidang pertanian, penternakan dan perikanan demi survaviliti bangsa dan negara yang tercinta ini. Sama-samalah kita berdoa, semoga negara kita akan sentiasa maju dalam bidang pertanian, perikanan dan penternakan, sekali gus akan dapat meningkatkan dan mempelbagaikan lagi ekonomi negara. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Yasin ayat 34-35 yang tafsirannya:

“Dan Kami menjadikan padanya kebun-kebun kurma dan angur dan Kami memancarkan padanya mata-mata air. Supaya mereka makan daripada buah-buahannya dan daripada hasil usaha tangan mereka, maka tidakkah mereka mahu bersyukur (atas nikmat-nikmat itu)?”

Khutbah Jumaat Bulan Disember 2019

Hindarkan diri daripada gejala rasuah

Keluaran Pelita Brunei 7 Disember 2019

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, jaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala telah mengurniakan berbagai-bagai sumber rezeki di muka bumi ini untuk makhluk ciptaan-Nya. Bagi kita manusia pula, kita dianjurkan untuk berusaha mencari rezeki dengan usaha dan kudrat yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, dalam usaha kita mencari rezeki, kita hendaklah sentiasa mengikuti panduan dan landasan ajaran agama Islam agar sumber rezeki yang diperolehi itu tidak dicemari oleh perkara-perkara dan hasil-hasil yang tidak direndai oleh Allah Subhanahu Wata'ala seperti mencuri, pecah amanah, rasuah dan seumpamanya.

Ketahuilah, rasuah adalah antara perbuatan yang keji dan dilarang di dalam agama Islam. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 188 yang tafsirannya:

“Dan janganlah kamu makan harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang batil dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil sebahagian daripada harta orang dengan cara berbuat dosa pada hal kamu mengetahui salahnya.”

Rasuah adalah suatu pemberian berupa sogokan yang diberikan kepada seseorang dengan sebab tertentu bagi membolehkan suatu perkara yang dihajati itu diperolehi, diselesaikan, disegerakan dan sebagainya. Sesungguhnya orang yang memberi dan menerima rasuah bukan saja mendapat dosa besar, bahkan juga mendapat lakanat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Abdullah bin

Umar Radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Laknat Allah ke atas pemberi rasuah dan penerima rasuah.” Riwayat Al-Imam Ibnu Majah.

Perbuatan dan gejala rasuah adalah penyakit dalam sesuatu masyarakat kerana kesan dan implikasinya terhadap sosio ekonomi dan politik boleh mengheret individu, masyarakat, bangsa mahupun negara kepada bencana dan kehancuran disebabkan oleh sifat tamak dan kerakusan kuasa individu itu sendiri.

Ingatlah, bahawa rasuah tidak pernah menjanjikan kesenangan dan kemewahan yang sebenar, walaupun kita memperoleh keuntungan yang sangat besar darinya. Ini kerana hasil yang diperoleh melalui amalan rasuah adalah haram. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda mengenai balasan ke atas orang-orang yang memakan makanan yang haram. Daripada Kaab bin Ujrat Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya tiap-tiap daging yang tumbuh dari yang haram maka neraka adalah lebih utama baginya.” Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Adapun antara punca berlakunya rasuah adalah disebabkan:

Pertama: Kurangnya keimanan dan ketakwaan.

Kedua: Mengetahui bahawa rasuah itu adalah dilarang dalam agama dan undang-undang, tetapi tetap dilakukan juga kerana matanya telah dikaburi oleh harta duniawi, imbuhan dan ganjaran yang banyak.

Ketiga: Faktor tekanan hidup kerana terlalu dibebani hutang.

Keempat: Kurang bijak dalam mengurus hal ehwal kewangan sehingga menyebabkan seseorang itu mudah terjerumus dalam gejala rasuah.

Kelima: Kelemahan dalam kepimpinan dan urus tadbir sesuatu organisasi juga boleh memberi ruang dan kesempatan kepada pemberi dan penerima rasuah untuk melakukan jenayah.

Sesungguhnya perbuatan rasuah tidak sesekali akan berlaku, jika seseorang itu berpegang teguh kepada ajaran agama Islam, sentiasa memantapkan keimanan dan ketakwaan serta takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala, walaupun ia berpeluang untuk melakukannya.

Rasuah itu amat merbahaya. Bahayanya adalah amat besar sehingga melibatkan bangsa dan juga negara. Oleh itu, hindarkanlah diri, bangsa dan negara kita dari gejala rasuah. Sebagai umat Islam, kita hendaklah menjauhi dan menghindarkan diri daripada perbuatan rasuah yang ditegah dan dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Amalkanlah sifat jujur dan amanah. Jadikanlah diri kita orang-orang yang tahu membezakan antara yang hak mahupun yang batil.

Bersempena dengan Hari Anti Rasuah Antarabangsa yang disambut setiap tahun pada 9 Disember. Marilah kita bersama-sama berganding bahu dalam memerangi gejala rasuah dengan melaporkan kegiatan tersebut kepada Biro Mencegah Rasuah jika kita mengetahui atau mempunyai sebarang maklumat mengenainya.

Selain itu, pada masa ini musim cuti persekolahan telah pun bermula. Oleh itu, dalam keseronokan menikmati cuti persekolahan, apa yang sangat penting ialah mengutamakan faktor keselamatan diri, keluarga dan harta benda terutamanya apabila berada di jalan raya. Ingatlah, kecuaian para pemandu boleh mengakibatkan kerosakan, kemusnahan kenderaan dan yang lebih dahsyat lagi ialah ia boleh mengakibatkan kehilangan nyawa.

Alhamdulillah, kadar kemalangan jalan raya yang melibatkan kehilangan nyawa telah menurun sebanyak 62 peratus dari tahun 2017 hingga September 2019. Sementara kemalangan jalan raya secara menyeluruh telah menurun kepada 67 peratus dari tahun 2017 hingga September 2019. Akhirnya mudah-mudahan di musim cuti persekolahan ini kita terhindar dari sebarang marabahaya dan mala

petaka dan sentiasa mendapat perlindungan dan rahmat yang berterusan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-'Ashr Ayat 1-3 yang tafsirannya:

“Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan salih, dan saling berpesan untuk mengikut yang hak serta saling berpesan untuk bersabar.”

Membudayakan dan mengamalkan kebersihan dalam kehidupan

Keluaran Pelita Brunei 14 Disember 2019

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Agama Islam adalah agama yang syumul iaitu merangkumi semua aspek kehidupan termasuklah dalam hal menjaga kebersihan. Bersih tubuh badan iaitu pada rohani dan jasmani serta menjaga kebersihan kedua-duanya. Ini adalah suatu yang disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan rasul-Nya. Kedua-dua perkara ini tidak boleh dipisahkan kerana kebersihan itu melambangkan keteguhan iman seseorang kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Abu Malik Al-Asha'ri berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Kebersihan itu sebahagian daripada iman.” Riwayat Al-Imam Muslim.

Agama Islam sangat menganjurkan umatnya supaya mengamalkan kebersihan dalam semua perkara. Baik pada diri sendiri, keluarga, masyarakat maupun negara kerana kebersihan itu boleh mendatangkan suasana yang tenang, kesihatan yang terjamin dan kesejahteraan kepada kita semua.

Selain itu, agama Islam juga sangat mengambil berat tentang penjagaan kebersihan rohani lebih-lebih lagi kebersihan hati iaitu dengan menjauhkan diri daripada sifat-sifat mazmumah seperti sifat marah, hasad, dendki, kedekut, kasihkan dunia, ujub, takbur, riak dan seumpamanya. Semua sifat mazmumah itu tidak akan dapat dihindarkan jika kita tidak berusaha untuk menyucikan hati nurani kerana dari hati itulah punca segala penyakit zahir dan batin. Ketahuilah, setiap amalan yang baik dan bersih dari segi rohani dan jasmani adalah disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala kerana Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa menyukai hamba-Nya yang

sentiasa menyucikan diri. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah Ayat 222 yang tafsirannya:

“Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang yang sentiasa menyucikan diri.”

Menjaga kebersihan hendaklah dijadikan sebagai satu budaya dalam kehidupan kita sehari-hari. Perlu disedari, bahawa mengabaikan aspek kebersihan boleh menyebabkan tersebarnya pelbagai jenis penyakit seperti denggi, kolera, cirit-birit, keracunan makanan dan sebagainya. Selain itu, dengan mengabaikan aspek kebersihan juga akan mengakibatkan suasana alam sekitar menjadi tidak sihat dan udara yang tidak segar. Perlu diingat, adapun membudayakan amalan hidup bersih ini adalah bermula dari rumah. Oleh itu, para ibu bapa hendaklah membimbang dan mengajar ahli keluarga tentang aspek kebersihan. Jadilah keluarga yang selalu mementingkan kebersihan, yang akhirnya akan menjadikan masyarakat dan negara yang sentiasa mengutamakan kebersihan.

Untuk melahirkan persekitaran yang bersih dan sentiasa kelihatan menarik, kita perlulah menghayati dan mengamalkan bersama perkara-perkara berikut:

Pertama: Sentiasa peka dan mengamalkan kebersihan diri, tempat tinggal, tempat beribadat, tempat kerja dan seluruh tempat awam kerana agama Islam adalah agama yang mengutamakan kebersihan dalam semua bidang kehidupan.

Kedua: Setiap individu hendaklah mendisiplinkan diri dalam memikul tanggungjawab menjaga kebersihan dan hendaklah memiliki sikap suka kepada kebersihan.

Ketiga: Mengamalkan budaya tegur-menegur dan nasihat-menasihati sesama kita dalam hal menjaga kebersihan. Amalkanlah sikap tidak camah mata jika ternampak sampah-sarap dan kekotoran. Dengan yang demikian, ia akan melahirkan perasaan cinta kepada kebersihan dan benci kepada kekotoran.

Keempat: Menggunakan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh

pihak kerajaan dengan sebaik-baiknya seperti tong-tong sampah, tong-tong kitar semula dan tempat-tempat pembuangan sampah awam tanpa membiarkan sampah-sarap berselerak dan puntung rokok dibuang bertaburan merata-rata.

Amalan memucang-mucang adalah satu amalan yang menjadi kebanggaan masyarakat Brunei kitani sejak dari dahulu lagi. Akan tetapi, pada zaman sekarang amalan tersebut sudah semakin pudar dan kurang disebabkan kesibukan bekerja, urusan keluarga dan seumpamanya.

Oleh itu, alangkah baiknya jika amalan tersebut disemarakkan dan dihidupkan kembali kerana amalan ini dapat mengeratkan lagi hubungan silurahim sesama kita dan masyarakat secara amnya. Sama-sama kita mengamalkan sikap memucang-mucang dalam kehidupan kita sehari-hari seperti membersihkan persekitaran rumah, masjid, tanah perkuburan, tempat riadah, tempat peranginan dan juga tempat-tempat awam. Setiap kita hendaklah mempunyai kesedaran dan sifat bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan. Janganlah hanya mengharapkan pihak-pihak tertentu atau pekerja-pekerja sahaja yang menjaga kebersihan dan memelihara alam sekitar yang ada di sekeliling kita.

Akhirnya, sama-sama kita menjaga kebersihan dalam kehidupan kita sehari-hari. Mudah-mudahan dengan membudayakan dan mengamalkan amalan kebersihan dalam kehidupan kita, Negara Brunei Darussalam akan menjadi sebuah negara yang indah, bersih dan bebas dari sebarang penyakit dan marabahaya. Sama-sama kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa menjadikan kita orang-orang yang sentiasa bertaubat, menyucikan diri dan menjadikan kita hamba-Nya yang sentiasa mengerjakan amal salih dan amal yang berkebajikan. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Asy-Syams ayat 9 -10 yang tafsirannya:

“Sesungguhnya berjayalah orang yang menyucikan jiwanya. Dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya.”

Reda Allah Subhanahu Wata'ala terletak kepada reda ibu bapa

Keluaran Pelita Brunei 21 Disember 2019

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenarnya benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Agama kita memerintahkan kita umat-Nya agar saling hormat-menghormati dan sayang menyayangi antara satu sama lain tanpa mengira darjah, bangsa maupun agama. Sesungguhnya sikap hormat-menghormati perlu disemai sejak dari kecil lagi lebih-lebih lagi dalam berbuat baik dan berbakti kepada kedua ibu bapa.

Sebagai seorang anak, adalah menjadi kewajipan kita untuk berbakti, mentaati, menghormati dan menjaga nama baik kedua orang tua kita. Ini kerana mereka adalah orang yang telah banyak berjasa dan bersusah payah menjaga dan membesar kita. Mereka rela mengorbankan tenaga, masa, wang ringgit dan kepentingan diri sendiri demi untuk keselesaan dan kebahagiaan anak-anak. Ingatlah, kasih sayang, jasa dan pengorbanan mereka dalam menjaga kita, merupakan jasa yang tidak dapat kita balas walaupun dengan harta, wang ringgit maupun dengan bakti seluas lautan.

Sesungguhnya segala kesusahan dan kepayahan ibu bapa dalam menjaga dan membesar anak-anak diharungi dengan penuh kesabaran. Bagi mereka, cukuplah jika anak-anak dapat berbakti, menghormati dan menyayangi mereka. Perlu diketahui, bahawa berbuat baik dan berbakti kepada kedua ibu bapa adalah antara amalan dan perbuatan yang disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahu anhu berkata, “*Saya bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: “Amalan apakah yang paling Allah sukai?” Baginda menjawab: “Sembahyang pada waktunya. Kemudian apa?” Baginda menjawab. “Berbuat baik kepada kedua ibu bapa.” Saya bertanya lagi. “Kemudian apa?”*

Baginda menjawab, “Jihad di jalan Allah.” Hadis diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari.

Kedua ibu bapa kita merupakan jalan untuk memasuki syurga Allah Subhanahu Wata’ala. Oleh itu, jika kita berbakti, berbuat baik kepada keduanya dan mentaati perintah mereka dalam perkara-perkara yang makruf dan tidak bertentangan dengan agama. Maka Allah Subhanahu Wata’ala akan mengurniakan ganjaran syurga. Daripada Abu Darda’ Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: *“Orang tua adalah pintu syurga paling tengah. Kamu boleh sia-siakan pintu itu, atau kamu menjaganya.”* Riwayat Al-Imam At-Tarmizi.

Namun apa yang mendukacitakan terdapat segelintir daripada anak-anak yang tidak ingat untuk menjaga nama baik, maruah dan kehormatan ibu bapa mereka. Selain itu, mereka juga tidak boleh ditegur bahkan melawan, membantah dan tidak mau menerima nasihat. Sikap sedemikian adalah tidak patut sebagai balasan seorang anak kepada ibu bapa yang telah bersusah payah menjaga dan membesarkannya.

Ingatlah, bahawa reda Allah Subhanahu Wata’ala itu terletak kepada reda orang tua dan kemurkaan Allah Subhanahu Wata’ala itu juga terletak kepada kemurkaan orang tua. Perkara inilah yang sering dilupakan oleh insan yang bergelar anak. Daripada Abdullah bin Amr Radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: *“Reda Allah terletak kepada reda orang tua dan kemurkaan Allah terletak kepada kemurkaan orang tua.”* Riwayat Al-Imam At-Tarmizi.

Janganlah kita sekali-kali menganggap bahawa berbuat baik dan berbakti kepada kedua orang tua itu sebagai satu beban. Ini kerana, tiada apa yang lebih bermakna untuk diberikan kepada ibu bapa dalam meniti usia tua mereka selain diberikan perhatian dan kasih sayang oleh anak-anak mereka.

Sebagai seorang anak, ada kalanya bermacam-macam perangai dan kerenah yang kita akan hadapi dalam menjaga orang tua. Ada orang tua yang sikapnya

semakin pemarah, cerewet, semakin sensitif (mudah tersinggung perasaan) dan seumpamanya. Dalam menghadapi situasi demikian, kita hendaklah bersabar melayani kerenah mereka, jangan sekali-kali kita memaki hamun, mengherdik, mengertak dan memukul mereka kerana perbuatan sedemikian akan menguris dan menyakiti hati mereka.

Selain dari memberi kasih sayang dan perhatian terhadap ibu bapa, anak-anak juga wajib berlaku sopan dan hormat, tidak boleh bercakap kasar, meninggikan suara dan hendaklah memanggil mereka dengan suara yang lemah lembut dan panggilan yang menyenangkan. Apabila mereka memanggil hendaklah kita mendatanginya serta menjawab pertanyaan mereka dengan segera dan sopan, apabila mereka meminta bantuan kita hendaklah melaksanakannya kecuali perkara-perkara yang dilarang dalam agama dan kita juga hendaklah sentiasa mendoakan kebaikan, keampunan dan kerahmatan untuk kedua-duanya.

Ingatlah, jangan sekali-kali kita mengabaikan dan membiarkan mereka tinggal bersendirian apatah lagi dalam keadaan uzur. Oleh itu, seandainya ibu bapa hidup bersendirian maka adalah wajar bagi anak-anak untuk membawa orang tua mereka tinggal bersama dan kalau pun tidak tinggal bersama, maka hendaklah sering berkunjung dan memeduli hal ehwal kebajikan mereka. Sebagai seorang anak, janganlah kesibukan dalam bekerja itu dijadikan sebagai satu alasan untuk kita mencuaikan dan mengabaikan mereka.

Sesungguhnya pengabaian itu adalah satu perbuatan derhaka terhadap ibu bapa yang patut kita hindari. Ketahuilah, antara balasan bagi orang yang derhaka terhadap kedua ibu bapanya ialah:

Pertama: Mendapat dosa besar. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari, daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Sebesar-besar dosa besar itu ialah menyekutukan Allah, membunuh orang, derhaka kepada kedua ibu bapa dan berkata dusta.”

Kedua: Semua amal kebajikan menjadi sia-sia atau tidak bermanfaat sepetimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Tabrani, daripada Tsauban Maula, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Tiga perkara yang menyebabkan segala amalan tidak bermanfaat iaitu menyekutukan Allah, derhaka kepada kedua ibu bapa dan lari daripada medan perang.”

Ketiga: Allah Subhanahu Wata’ala akan menyegerakan pembalasan di dunia sebelum pembalasan di hari akhirat. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Tabrani, daripada Abu Bakar Nufaih bin Al-Harith, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Dua kejahanan akan disegerakan (pembalasan oleh Allah) di dunia ini juga: Zina dan derhaka kepada ibu bapa.”

Keempat: Tidak akan memasuki syurga. Daripada Abdullah bin Amru Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Tidak akan memasuki syurga orang yang derhaka kepada kedua ibu bapanya, orang yang suka menunjuk-nunjukkan pemberiannya (hebohkannya), dan orang yang ketagihan minuman keras.” Riwayat Al-Imam An-Nasa’i.

Selagi ibu bapa kita masih hidup, rebutlah masa dan kesempatan yang ada ini untuk kita berbakti dan berbuat baik kepada mereka dengan sepenuh jiwa raga. Sementara bagi mereka yang sudah tiada lagi ibu bapa, maka doakanlah mereka, ziarahilah pusara mereka dengan mendoakan keampunan dan kerahmatan, dan jika ada rezeki, bersedekahlah untuk ibu bapa yang telah kembali ke rahmatullah. Akhirnya semoga Allah Subhanahu Wata’ala menggolongkan kita dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang sentiasa mentaati dan berbakti kepada kedua ibu bapa serta memasukkan kita ke dalam syurga-Nya yang kekal abadi di akhirat kelak. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Isra’ ayat 24 tafsirannya:

“Dan hendaklah engkau merendah diri dengan penuh kasih sayang dan berdoalah untuk (kedua-duanya): “Ya Tuhan! Kurniakanlah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah memelihara dan mendidikku semasa kecil (lagi).”

Amalkan perbelanjaan secara bijak dan bersederhana

Keluaran Pelita Brunei 28 Disember 2019

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala Maha Pengasih lagi Maha Penyayang dan telah menganugerahkan nikmat yang terlalu banyak kepada hamba-hamba-Nya seperti nikmat kebahagiaan, nikmat kesihatan, nikmat kemakmuran, nikmat kekayaan dan sebagainya. Segala nikmat yang kita peroleh itu wajiblah kita syukuri dan jangan pula menyebabkan kita lalai dan lupa kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kerana itulah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sentiasa mengingatkan kepada kita supaya memanfaatkan segala nikmat yang diperolehi itu dengan sebaik-baiknya. Daripada Ibnu Abbas Radiallahuanhuma ia berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kepada seorang lelaki dan Baginda menasihatkannya yang bermaksud:

“Rebutlah lima perkara sebelum kamu didatangi oleh lima perkara yang lain. Masa mudamu sebelum masa tuamu, masa sihatmu sebelum sakitmu, masa kayamu sebelum fakirmu, masa lapangmu sebelum kesibukanmu dan masa hidupmu sebelum matimu.” Riwayat Al-Imam Al-Hakim.

Adapun antara nikmat yang boleh melalaikan itu ialah nikmat harta. Oleh itu, agama kita telah mengajarkan kita cara berbelanja dan mengurus harta dengan betul iaitu hendaklah berbelanja dengan bijak. Bersederhana dan tidak berlebih-lebihan ataupun membazir. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Furqan ayat 67 tafsirannya:

“Dan mereka yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak juga bakhil dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka itu adalah sederhana antara kedua-duanya.”

Mengamalkan perbelanjaan bijak dan bersederhana dalam kehidupan dapat mengawal dan mengelakkan diri kita daripada bersikap boros dan membazir. Ketahuilah, berbelanja itu tidak salah, akan tetapi kita hendaklah berbelanja menurut kemampuan dan keperluan dan bukannya menurut kemahuan dan hawa nafsu.

Sikap berbelanja mengikut hawa nafsu mestilah dihindari dan dibendung sebelum ia menjadi satu tabiat. Ini kerana, apabila kita bersikap boros dan berbelanja di luar kemampuan serta berlebih-lebihan, ia boleh mengundang pelbagai masalah seperti menanggung beban hutang, pembaziran dan sebagainya.

Ingatlah, agama kita melarang dan menegah umat-Nya dari membazir kerana membazir merupakan satu tabiat buruk manusia yang sering terjadi apabila mereka dikurniakan rezeki atau nikmat yang banyak dan melimpah ruah. Sesungguhnya orang yang membazir adalah saudara syaitan dan syaitan amat suka kepada orang yang boros dan berbelanja mengikut hawa nafsu. Firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Al-Isra' ayat 27 yang tafsirannya:

“Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syarak) itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhan mereka.”

Oleh yang demikian, jika kita mahu kewangan diri kita, keluarga, masyarakat mahupun negara stabil dan terjamin, maka kita hendaklah merancang dan mengamalkan cara perbelanjaan yang bijak dan bersederhana seperti berbelanja pada barang-barang yang benar-benar diperlukan sahaja, tidak berbelanja dan membeli barang-barang yang tidak diperlukan bahkan mengamalkan gaya hidup mewah dan boros, bahkan mengamalkan tabiat menyimpan wang (menabung) dan seumpamanya.

Sesungguhnya amalan menabung bukan saja dapat mendidik diri kita untuk berjimat cermat, akan tetapi apa yang paling penting ialah ia dapat membantu ketika kita menghadapi situasi kecemasan dari segi kewangan tanpa perlu berhutang ataupun meminta bantuan daripada orang lain seperti perbelanjaan pendidikan anak-anak, membeli barang-barang keperluan harian, membaiki kereta rosak dan seumpamanya.

Alhamdulillah, pada ketika ini warga perkhidmatan awam telah pun menikmati pemberian bonus sebagai satu insentif kepada pekerjaan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun. Namun bukan bererti kita harus berhabis-habisan membelanjakannya bahkan kita haruslah menyimpan sebahagian daripada wang bonus itu untuk kegunaan di masa akan datang.

Oleh itu, berbelanjalah secara bijaksana dan bersederhana dengan memberi keutamaan kepada perkara-perkara yang perlu dan penting sahaja tanpa melakukan pembaziran. Akhirnya, sama-sama lah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melimpahkan rahmat yang berterusan, nikmat yang berkekalan dan memberikan petunjuk serta hidayah-Nya supaya kita dapat hidup dengan bahagia dan selamat di dunia dan juga di akhirat. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hadid ayat 7 tafsirannya:

“Berimanlah kepada Allah dan Rasul-Nya, dan belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian daripada harta kurniaan-Nya yang dijadikan-Nya kamu sebagai penguasanya. Maka orang-orang yang beriman antara kamu dan membelanjakan (sebahagian daripada harta itu pada jalan Allah), mereka beroleh pahala yang besar.”